



Demi masa

HADAPAN YANG LEBIH MAMPAH

LAPORAN TAHUNAN 2015

RASIONAL KULIT HADAPAN



DEMI MASA HADAPAN YANG LEBIH MAMPAH

Ketika dunia terus berubah, apabila keadaan operasi dan harapan pihak berkepentingan berubah, pendekatan kami dalam pelabur turut berkembang mengikut aliran yang sama. Hasilnya, kami bekerja dengan penuh teliti untuk menggabungkan faktor-faktor pelaburan yang lebih bertanggungjawab bagi proses membuat keputusan pelaburan.

Kami juga percaya bahawa dengan menjadi pelabur yang lebih bertanggungjawab, kami dapat memberi kesan sosial yang lebih besar, sebagai pemberian kami kepada pesara di seluruh negara.

DANA YANG BERKAT

Usia tua sesantainya angin nyaman yang sihat, renyai hayat anugerah Tuhan yang teramat nikmat.

Kini kita maruahi lagi sejarah kebaikan, Menyemainya dengan benih jerih perih pendapatan agar usia tua akan waras terpelihara: damai di tangan, nikmat di hati dan indah di mata.

Dan tarikh lahirnya badan dana yang amat bertuah - Mac - kini bulan yang molek, cahaya manis sejarah; dengan wang dirancang untuk ranum ke usia sarat peluh jujur rezeki subur mengisi dana berkat.

Sopan di tangan, jernih di mata dan santun di kalbu, peranum labur jimat tercermat yang mengembang gebu. Diurus tangan canggih amanah yang tulus berhemah sehingga pepohon rezeki sempat merimbun buah.

Tulus petugas setia serasi bakti pekerja ringani bahu pentadbir, suburi harta pesara, alir pencer sumber harta yang luhur sepanjang hayat tersimbah tuahnya ke yatim diri, ke badan sihat.

Dengan tekun berilmu, tindakan yang bersanubari, yakin dipasti taman labur terindah harum ini.

5 – 15, Februari, 2007
A. SAMAD SAID

KANDUNGAN

01

SOROTAN KORPORAT

- 004** Profil Korporat
- 007** Sorotan Korporat
- 011** Ringkasan Keputusan Kewangan 5 Tahun
- 012** Tahun 2015 Sepintas Lalu
- 014** Perutusan Pengurus
- 018** Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

02

TADBIR URUS KORPORAT

- 023** Penyata Tadbir Urus Korporat
- 033** Penyata Kawalan Dalaman
- 035** Pengurusan Risiko dan Pematuhan
- 048** Ringkasan Amalan Etika
- 052** Inisiatif Tadbir Urus Baharu

03

STRATEGI KORPORAT

- 055** Kad Skor Korporat
- 060** Peningkatan Pelaburan Dalam Persada Global
- 062** Mewujudkan Organisasi Lebih Bertanggungjawab
- 063** Pengambilalihan Fungsi Perkhidmatan Persaraan

04

AKTIVITI PELABURAN

- 066** Ulasan Pelaburan oleh Ketua Pegawai Pelaburan
- 070** Ulasan Ekonomi
- 072** Ulasan Pasaran Pelaburan
- 082** Prestasi Dana
- 085** Prestasi Kelas-kelas Aset
- 100** Subsidiari

05

AKTIVITI OPERASI

- 107** Ulasan Operasi oleh Ketua Pegawai Operasi
- 111** Tanggungjawab Sosial Korporat
- 118** Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan
- 119** Kelab Sukan dan Rekreasi KWAP
- 123** Kalender Korporat

KANDUNGAN

06

KEPIMPINAN DAN MODAL INSAN

- 129** Carta Organisasi
 - 131** Profil Lembaga
 - 136** Profil Panel Pelaburan
 - 140** Jawatankuasa Lembaga
 - 142** Profil Pengurusan Kanan
 - 144** Kakitangan Utama
 - 147** Pengurusan Modal Insan
 - 150** Coretan Impian
 - 151** Coretan Majikan Mencarum
-

07

PENYATA KEWANGAN

- 153** Sijil Ketua Audit Negara
 - 155** Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
 - 156** Pengakuan oleh Pegawai yang Bertanggungjawab ke atas Pengurus Kewangan Kumpulan Wang Pesaraan (Diperbadankan) 2015
 - 157** Penyata Kedudukan Kewangan
 - 158** Penyata Keuntungan atau Kerugian dan Pendapatan Komprehensif Lain
 - 159** Penyata Perubahan Rizab
 - 160** Penyata Aliran Tunai
 - 162** Nota-nota kepada Penyata Kewangan
-

08

LAMPIRAN

- 194** Istilah
- 197** Maklumat Perhubungan



Sorotan Korporat

SEKSYEN 01

004
Profil Korporat

007
Sorotan Korporat

011
Ringkasan Keputusan Kewangan 5 Tahun

012
Tahun 2015 Sepintas Lalu

014
Perutusan Pengerusi

018
Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

PROFIL KORPORAT

LATAR BELAKANG

Akta Kumpulan Wang Amanah Pencen 1991 (Akta 454) telah digubal untuk membantu pembiayaan liabiliti pencen Kerajaan Persekutuan. Dengan penggubalan Akta tersebut, Kumpulan Wang Amanah Pencen telah ditubuhkan pada 1 Jun 1991 dengan geran pelancaran sebanyak RM500 juta dari Kerajaan Persekutuan. Kumpulan Wang Amanah Pencen ditadbir oleh Majlis Kumpulan Wang Amanah Pencen.

Pada 1 Mac 2007, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) atau KWAP, telah ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) mengantikan Akta Kumpulan Wang Amanah Pencen 1991 (Akta 454) yang dimansuhkan. Dengan penubuhan KWAP, kesemua kuasa, fungsi, aktiviti, aset dan liabiliti Kumpulan Wang Amanah Pencen diambil alih sepenuhnya oleh KWAP.

TUJUAN

Menampung beban Kerajaan Persekutuan bagi kos pembayaran pencen, ganjaran dan faedah lain di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk pegawai perkhidmatan awam dan kakitangan Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan mengikut cara dan pada cara dan pada masa-masa tertentu seperti diarahkan oleh Menteri Kewangan.

OBJEKTIF

Mengurus dana ke arah mencapai pulangan optimum ke atas pelaburan. Pendapatan yang dijana oleh dana tersebut akan digunakan untuk membantu Kerajaan Persekutuan bagi tujuan pembiayaan liabiliti pencennya.

FUNGSI

Fungsi-fungsi KWAP adalah seperti berikut:

- Pengurusan caruman daripada Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi-Agenzi lain;
- Pentadbiran, pengurusan dan pelaburan Dana dalam ekuiti, sekuriti pendapatan tetap, instrumen pasaran wang dan bentuk-bentuk pelaburan lain yang dibenarkan di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662); dan
- Pengurusan dan pembayaran pencen.

Peranan KWAP dalam konteks kakitangan sektor awam berpencen adalah seperti berikut:

MENGURUSKAN KUTIPAN CARUMAN

Kerajaan Persekutuan mencarum 5% daripada jumlah emolumen tahunan yang dibajetkan bagi kakitangan Kerajaan Persekutuan manakala Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi-agensi lain menyumbang 17.50% daripada gaji hakiki pekerja berpencen masing-masing kepada KWAP setiap bulan.

MENETAPKAN POLISI DAN GARIS PANDUAN PELABURAN

Panel Pelaburan dan Lembaga bertanggungjawab meluluskan dan menyemak semula Polisi dan Garis Panduan Pelaburan secara berkala.

PENGURUSAN DAN PENGAWASAN PELABURAN

KWAP melabur dananya di dalam kelas-kelas aset mengikut Alokasi Aset Strategik dan Garis Panduan Pelaburan seperti yang diluluskan oleh Panel Pelaburan dan Lembaga. Aktiviti pelaburan dilakukan oleh sepasukan warga kerja pelaburan profesional yang cekap dan berpengalaman. Status dan prestasi pelaburan KWAP dilaporkan secara bulanan kepada Panel Pelaburan dan Lembaga. Analisis prestasi termasuk prestasi relatif berbanding indeks penanda aras serta pulangan sasaran mutlak bagi setiap kelas aset.

PENGURUSAN DAN PEMBAYARAN PENCEN

Bertindak sebagai ejen Kerajaan Persekutuan untuk mengurus pembayaran pencen, ganjaran atau faedah lain yang diluluskan di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk dana yang disatukan sebagaimana yang dipersetujui antara Kerajaan Persekutuan dan KWAP.

PROFIL KORPORAT

SEKSYEN 01
SOROTAN KORPORAT

VISI **KAMI**

Organisasi berprestasi tinggi menjamin faedah pencegah yang berterusan

NILAI-NILAI **KORPORAT**

MISI **KAMI**

Memaksimumkan pulangan melalui penanda aras, rangka kerja pelaburan yang dinamik dan pengurusan risiko yang bijak



BERORIENTASI KECEMERLANGAN

- Mewujud dan mengekal budaya peningkatan berterusan, supaya semua ahli organisasi, secara individu atau berpasukan, berinisiatif, gigih dan cekal untuk melakukan yang terbaik
- Bersungguh-sungguh untuk mencapai keputusan yang disasarkan
- Sentiasa berusaha menghasilkan keputusan yang mengatasi tanda aras



PROFESIONALISME

- Berpegang teguh kepada nilai moral dan etika yang tinggi
- Mengutamakan kepentingan organisasi daripada kepentingan diri
- Menunjukkan komitmen yang berterusan terhadap kecemerlangan
- Mengkaji secara kritikal semua tindakan dan keputusan untuk penambahbaikan
- Menerima maklum balas dan respons secara positif
- Kompeten dalam bidang yang dipertanggungjawab



INTEGRITI

- Berpegang teguh kepada nilai-nilai murni dan akhlak mulia
- Muhasabah diri
- Berfikiran terbuka, menghormati pandangan, idea dan pengalaman orang lain



KETULUSAN

- Komunikasi dan akauntabiliti yang jelas serta amalan berterusan
- Bertindak dengan nyata dan konsisten



SEMANGAT KERJA BERPASUKAN

- Bekerjasama untuk mencapai satu matlamat
- Mewujudkan persekitaran yang menggalakkan pencapaian potensi sepenuhnya dengan menerima perbezaan dan kelainan
- Kolaborasi di antara kumpulan dan berkongsi idea untuk mencapai kecemerlangan



PEMBELAJARAN BERTERUSAN

- Menambah dan mengemaskini pengetahuan secara berterusan dan belajar dari kesilapan

MENJAMIN PERSARAAN ANDA

PROFIL KORPORAT

KWAP DALAM SISTEM PENCEN MALAYSIA

	Pembentukan Dasar	Sistem Caruman Ahli	Dasar Pelaburan dan Garis Panduan	Pengurusan Pelaburan	Pentadbiran Ahli	Faedah Bayaran
	Tetapkan dasar untuk pencen/dana persaraan	Mengurus kutipan caruman ahli individu	Menetapkan dasar pelaburan dan garis panduan	Melaksana pengurusan pelaburan	Mengurus akaun ahli	Mengurus pentadbiran kewangan dan bayaran
Kakitangan Sektor Awam Berpencen	Perbendaharaan <ul style="list-style-type: none"> Pengiraan impak kewangan Meluluskan dasar EPU Membentuk dan mengkaji semula dasar JPA Membentuk dan mengkaji semula dasar				<i>Ejen yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan</i>	
						
Angkatan Tentera	MINDEF Membentuk dan mengkaji semula dasar	LTAT <ul style="list-style-type: none"> Memungut caruman dari kakitangan angkatan tentera & kerajaan Mengira bayaran balik LTAT kepada KWAP 		Hal Ehwal Veteran (MINDEF) <ul style="list-style-type: none"> Berkomunikasi bersama pesara Mengira faedah Berkomunikasi dengan ahli aktif Mentadbir akaun ahli 		<ul style="list-style-type: none"> Mengagihkan pengeluaran Memindahkan bayaran balik kepada KWAP
Kakitangan Sektor Swasta dan Awam Tidak Berpencen	KWSP Memberi input untuk pembentukan dasar					

Petunjuk:

Perbendaharaan : Perbendaharaan, Kementerian Kewangan
JPA : Jabatan Perkhidmatan Awam

MINDEF : Kementerian Pertahanan
LTAT : Lembaga Tabung Angkatan Tentera
KWSP : Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

TAHUN 2007

PIHAK BERKEPENTINGAN

- Penubuhan KWAP pada 1 Mac 2007
- Memperkenalkan Kad Skor Korporat untuk mewujudkan budaya yang didorong oleh prestasi
- Penggubalan nilai-nilai korporat

OPERASI

- Berpindah dari Putrajaya ke pejabat baharu di Kuala Lumpur
- Membangunkan dasar utama atau prosedur seperti Piagam Lembaga, Prosedur Kewangan dan Dasar dan Garis Panduan Pelaburan
- Penggubalan Nilai-nilai Korporat

PEMBELAJARAN & PEMBANGUNAN

- Melancarkan Siri Kepimpinan, Siri 'Golden Hour' dan laman web korporat

TAHUN 2008

PIHAK BERKEPENTINGAN

- Menghalusi semula Nilai-nilai Korporat dan menggubalkan Visi dan Misi

OPERASI

- Menggubal Alokasi Aset Strategik
- Melancarkan Program Transformasi yang melibatkan pelaksanaan 20 inisiatif dengan matlamat mempertingkatkan pengurusan organisasi, risiko dan tatacara pengurusan pelaburan
- Menubuhkan Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan untuk menerajui penerapan budaya pengurusan risiko yang kukuh dalam organisasi
- Melaksanakan Sistem Maklumat Sumber Manusia

PEMBELAJARAN & PEMBANGUNAN

- Memulakan kolaborasi dengan sekolah-sekolah terpilih luar bandar sebagai inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) pertama

TAHUN 2009

PIHAK BERKEPENTINGAN

- Bekerjasama dengan Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam dalam melaksanakan Kajian Liabiliti Pencen dengan tujuan mewujudkan pilihan-pilihan bagi KWAP untuk membantu Kerajaan Persekutuan dalam membiayai tanggungan pencen

OPERASI

- *Dealing Room* baharu telah dirasmikan oleh Menteri Kewangan II, YB Dato' Seri Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah
- Mengadakan sesi dialog bersama Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Malaysia berkenaan tadbir urus korporat dan isu-isu berkaitan dengan ekuiti dan pasaran pendapatan tetap
- Mengguna pakai model operasi baharu untuk Jabatan Ekuiti dan Jabatan Pendapatan Tetap
- Jabatan Strategi Portfolio diwujudkan untuk memantau dan mengawal selia pelaksanaan Pelan Utama Peralihan Peruntukan Strategik Aset
- Jabatan Prestasi Perniagaan mula beroperasi bagi membolehkan prestasi jabatan-jabatan pelaburan diukur secara objektif dan bebas
- Sistem Pengurusan Pelaburan Kewangan Bersepadu (IFIMS) mula dibangunkan
- Melaksanakan Rangka Kerja Pengurusan Perniagaan Berterusan
- Melaksanakan Laporan Insiden Operasi (ORE)
- Jabatan Penjelasan Pelaburan dan Jabatan Kustodian ditubuhkan untuk mempertingkatkan pengagihan tugas-tugas dan kawalan dalaman

PEMBELAJARAN & PEMBANGUNAN

- Mula menyumbang artikel kepada penerbitan perniagaan utama untuk mempromosikan pemahaman tentang subjek-subjek berkaitan pelaburan sebagai inisiatif CSR
- Seminar Perancangan Kewangan Persaraan tahunan mula diadakan untuk kakitangan kerajaan yang menghampiri umur persaraan sebagai inisiatif CSR
- Memperkenalkan Skim 'CFA Financial Assistance' kepada kakitangan pelaburan

TAHUN 2010

PIHAK BERKEPENTINGAN

- Kabinet meluluskan cadangan KWAP untuk menanggung pembiayaan liabiliti pencegahan Kerajaan Persekutuan
- Pengumuman Keputusan Kewangan KWAP yang pertama dan pelancaran laman portal oleh Menteri Kewangan II, YB. Dato' Seri Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah

KEWANGAN

- State Street Global Advisors dan World Bank Treasury telah dilantik sebagai pengurus dana luaran untuk mengurus dana ekuiti dan pendapatan tetap antarabangsa
- Membeli harta tanah antarabangsa pertama di Melbourne, Australia

OPERASI

- Penyumberan luar perkhidmatan kustodian global
- Model Skor Penarafan Kredit Dalaman telah diwujudkan. Menyempurnakan pemerolehan Sistem Pengurusan Risiko Menyeluruh
- Pelan Kesinambungan Perniagaan diwujudkan dan Pelan Pemilihan Bencana diuji

PEMBELAJARAN & PEMBANGUNAN

- Lawatan ke California Public Employee's Retirement System (CalPERS) dan California State Teachers' Retirement System (CalSTRS)
- Menyertai Program *Cross Fertilisation* anjuran Kementerian Kewangan
- Menjalankan Bengkel Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah luar bandar yang terpilih bagi meningkatkan minat di kalangan pelajar untuk berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris sebagai sebahagian dari inisiatif TSK

TAHUN 2011

PIHAK BERKEPENTINGAN

- Mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam selepas kelulusan Kabinet mengenai pelaksanaan pembiayaan liabiliti pencegahan Kerajaan Persekutuan oleh KWAP

KEWANGAN

- Pelaburan dalam Global Sukuk
- Pembelian harta tanah antarabangsa kedua di Sydney, Australia
- Melanggan Bon Matawang Asing Islamik dan melindungi nilainya menerusi Pertukaran Matawang Bersilang

OPERASI

- Memperolehi Pengecualian Imuniti Berdaulat dari Pihak Berkusa Cukai UK
- Menerima penarafan ISO 9001:2008 Sistem Pengurusan Kualiti untuk Pengurusan Pelaburan bagi ekuiti domestik
- Bermula operasi fungsi kustodian global bagi memudahkan pelaburan antarabangsa oleh pengurus dana dalaman dan luaran
- Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (*Whistle Blowing*) telah diwujudkan
- Mewujudkan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Strategik
- Menyediakan laporan perkembangan prestasi secara bulanan untuk ekuiti dan pendapatan tetap dalaman serta pengurus dana luaran domestik
- Mewujudkan Manual Kredit untuk memproses penilaian mentadbir kredit pendapatan tetap
- Melaksanakan Tadbir Urus KWAP serta Prinsip dan Garis Panduan Pengundian

PEMBELAJARAN & PEMBANGUNAN

- Menjadi pengajar bersama bagi Persidangan Asian Pension Fund Roundtable oleh Pacific Pension Institute; 2 wakil KWAP menjadi penceramah
- Tiga program pembangunan tenaga kerja telah dilancarkan seperti Program Penukaran Bakat, Pelan Pembangunan Individu dan Program Peningkatan Pencapaian

PENCAPAIAN LAIN

- Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, Dato' Azian Mohd Noh dinamakan sebagai salah seorang dari 25 Wanita Paling Berpengaruh dalam Pengurusan Aset di Rantau Asia Pasifik *Asian Investor*
- Pengurus dana dalaman, Mohamed Izwan Moriff bin Mohamed Shariff, dicalonkan sebagai Pengurus Dana Bon Ringgit Malaysia Bijak Bagi Tahun 2011 oleh *The Asset Benchmark Research*

TAHUN 2012

KEWANGAN

- Melabur RM1.50 bilion dalam Sukuk Berkekalan, pengeluaran di dunia
- Pelaburan antarabangsa ditingkatkan kepada 6.58%, melebihi sasaran 6%
- Membeli hartaanah pertama di London, UK

OPERASI

- Pejabat Prima Ekuiti (UK) Limited mula beroperasi untuk melabur dalam pasaran ekuiti UK
- Memperluaskan ekuiti bagi Asia Pasifik tidak termasuk Jepun
- Mendapat pensijilan ISO 9001:2008 bagi pendapatan tetap domestik dan hartaanah antarabangsa
- Melaksanakan Sistem Bersepadu Pengurusan Caruman (ICMS)
- Melaksanakan Sistem Strategi Prestasi Risiko (RPSS)

PEMBELAJARAN & PEMBANGUNAN

- Melaksanakan Skim Bantuan Pendidikan Pekerja
- Menjalankan program e-pembelajaran dengan Bank Dunia
- Pengurusan Kanan KWAP mengambil bahagian sebagai penceramah di Persidangan Keselamatan IDC ASEAN dan Forum Tahunan Institusi Pelaburan Asia Tenggara Keempat
- KWAP menjadi ahli untuk Jawatankuasa Kerja Tadbir Urus Korporat [terdiri daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Khazanah Nasional Berhad, Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)]

TAHUN 2013

PIHAK BERKEPENTINGAN

- Memulakan perancangan bagi cadangan pengambilalihan Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam
- Bekerjasama dengan Kementerian Kewangan bagi mengatasi isu kemampunan caruman berterusan Kerajaan kepada KWAP

KEWANGAN

- Peningkatan alokasi aset antarabangsa kepada 9.45%
- Melabur dalam 4 dana ekuiti persendirian antarabangsa
- Pembelian 3 hartaanah antarabangsa, 1 di UK dan 2 di Australia
- Melabur dalam Bon Dolar Berdaulat Malaysia

OPERASI

- Memperkenalkan Dasar Pertukaran Mata Wang Asing dan Garis Panduan Perlindungan Nilai
- Menyediakan fungsi untuk melabur terus dalam instrumen pendapatan tetap serantau
- Proses pensijilan disempurnakan bagi Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat berdasarkan piawaian ISO/IEC 27001:2005
- Meluaskan skop ISO 9001:2008 Sistem Pengurusan Kualiti bagi merangkumi fungsi pengurusan caruman
- Sistem Pengurusan Caruman Bersepadu (ICMS) telah dilancarkan dan mula beroperasi
- Menubuhkan dana permulaan bagi melabur dalam saham bermodal kecil domestik
- Membangunkan asas untuk mencapai Objektif Pelaburan Jangka Panjang KWAP:
 - Mengilhamkan Keyakinan Pelaburan KWAP
 - Mewujudkan Rangka Kerja Risiko Pelaburan KWAP
 - Peningkatan pengurusan risiko pasaran dengan pelaksanaan Sistem Strategi Prestasi Risiko (RPSS)

PEMBELAJARAN & PEMBANGUNAN

- Melancarkan Program KWAP Young Talent

SOROTAN KORPORAT

TAHUN 2014

KEWANGAN

- Meningkatkan Alokasi Aset Strategik bagi pelaburan antarabangsa kepada 10.9%
- Melabur dalam sektor harta tanah baharu seperti harta tanah niaga di UK dan logistik di Australia
- Melabur dalam 6 dana ekuiti persendirian baharu dan 1 pelaburan langsung
- Melantik pengurus dana luaran bagi mengurus portfolio dana bermodal kecil domestik

OPERASI

- Menerima penilaian 4 bintang untuk "Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Mengikut Indeks Akauntabiliti Tahun 2013"
- Peningkatan peruntukan portfolio modal kecil kepada 1.5% dan portfolio Syariah domestik kepada 15%
- Melantik 3 pengurus dana luaran untuk menguruskan portfolio Sukuk domestik
- Memulakan pelaksanaan Piawaian Laporan Kewangan (FRS) (Fasa 1) dengan mewujudkan dasar dan prosedur untuk melaksanakan FRS 139 dan FRS 7
- Menubuhkan fungsi penasihat cukai berpusat bagi menyokong inisiatif pelaburan baharu
- Menubuhkan pasukan QMS dan audit ISMS untuk audit dalaman ISO
- Meningkatkan pengurusan risiko kredit dengan belian Sistem Risiko Kredit yang baharu
- Menambahbaik sistem RENTAS bagi menyokong urus niaga mata wang asing melalui SWIFT
- Melaksanakan OMGEKO untuk mempercepatkan penjelasan dan penyelesaian dagangan
- Menyemak semula Prinsip-prinsip Tadbir Urus Korporat dan Garis Panduan Pengundian KWAP
- Mengambil bahagian dalam inisiatif yang diketuai oleh Badan Pemerhati Pemegang Saham Minoriti (MSWG) dan Suruhanjaya Sekuriti (SC) dalam memperkenalkan Kod Malaysia bagi Institusi Pelabur
- Menjalankan pensijilan semula ISO 9001:2008 dengan penambahan 3 bidang baharu yang telah diperakui termasuk Sekuriti Quasi Kerajaan Malaysia, Dana Ekuiti Persendirian dan Ekuiti Antarabangsa

PEMBELAJARAN & PEMBANGUNAN

- Menubuhkan dan membangunkan Model Kecekapan Kepimpinan KWAP
- Mengambil bahagian dalam Pameran Kerjaya Graduan UKEC dengan 11 calon melaporkan diri
- Faedah tenaga kerja dipertingkatkan iaitu Pengenalan Kos Elaun Sara Hidup (COLA) dan elaun perumahan warga kerja bagi eksekutif dan ke bawah
- 3 tenaga kerja di bawah Skim Bantuan Pendidikan (EAS) lulus program Profesional Kewangan Islam Bertauliah INCIEF (CIFF)

TAHUN 2015

PIHK BERKEPENTINGAN

- Pindaan Akta Kumpulan Wang Persaraan diluluskan oleh Parlimen dan diwartakan
- Pengambilalihan fungsi Bahagian Pasca Perkhidmatan Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam
- Penyumberan luar 3 mandat ESG kepada pengurus dana luaran dan menetapkan mandat ESG pengurusan dana dalaman
- Bekerjasama dengan Malaysia Financial Planning Council (MFPC) untuk menganjurkan persidangan Perancangan Kewangan dan ceramah kepada kementerian/badan-badan kerajaan

KEWANGAN

- Memulakan pelaksanaan Piawaian Laporan Kewangan (FRS) bagi mewujudkan polisi, prosedur dan proses berkaitan

OPERASI

- KWAP membuat pelaburan harta tanah domestik pertama dengan memperoleh bangunan pejabat dan harta tanah untuk pembangunan di Kuala Lumpur
- Ketua Pegawai Eksekutif KWAP dilantik sebagai Pengerusi pertama Institutional Investor Council (IIC) dan ahli Jawatankuasa Penasihat FTSE ESG (London)
- Ketua Pegawai Eksekutif KWAP menerima anugerah pengiktirafan khas daripada MSWG di atas sumbangan ke arah peningkatan amalan tadbir urus korporat di Malaysia
- Menjadi ahli Institut Integriti Malaysia dan ahli korporat International Corporate Governance Network (ICGN) dan Asian Corporate Governance Association (ACGA)
- Memperkenalkan Buku Kod Etika dan Panduan Kelakuan Pekerja dan memperkenalkan Polisi Tiada Hadiah

PEMBELAJARAN & PEMBANGUNAN

- Mengambil bahagian dalam Pameran Kerjaya Graduan UKEC
- Menganjurkan Pesta Sukan Kementerian Kewangan (PSKK) bersama Suruhanjaya Sekuriti untuk Kementerian Kewangan dan agensi-agensi dibawahnya
- Menubuhkan Program Kepimpinan Perniagaan dengan kerjasama ICLIF
- Mengambil bahagian sebagai penceramah di seminar dan persidangan peringkat industri seperti di ceramah Institut Penyelidikan Khazanah, Forum Mobility oleh Computerworld Malaysia, BMS-GenCorp Careers Advice Evening (UK), CIO Summit Malaysia 2015 dan Seminar Perancangan Kewangan
- Mengambil bahagian dalam Misi Bantuan Banjir Kementerian Kewangan di Pantai Timur 2015 sebagai inisiatif TSK

RINGKASAN KEPUTUSAN KEWANGAN 5 TAHUN

LAPORAN TAHUNAN 2015
KUMPULAN WANG PERSARAAN
(DIPERBADAKAN)


SEKSYEN 01
SOROTAN KORPORAT

	2011 (1 Jan-31Dis)	2012 (1 Jan-31Dis)	2013 (1 Jan-31Dis)	2014 (1 Jan-31Dis)	2015 (1 Jan-31Dis)	Purata 2011-2015
Saiz Dana Pada Nilai Kos (RM Bilion)	78.93	88.73	99.92	109.43	118.37	
Peningkatan Tahunan (%)	11.9	12.4	12.6	9.5	8.17	10.93
Pendapatan dan Perbelanjaan (RM)						
Pendapatan Kasar Pelaburan (Bilion)	4.66	5.75	6.66	6.47	6.24	5.96
Perbelanjaan Mengurus (Juta)	43.77	62.82	94.98	120.91	193.62	103.22
Pendapatan Bersih Pelaburan (Bilion)	4.30	5.69	6.57	4.84	3.71	5.02
Pendapatan dan Perbelanjaan (%)						
Pulangan Atas Pelaburan Kasar (ROI Kasar)	6.30	6.84	7.05	6.15	5.40	6.35
Kadar Pulangan Perakaunan (ROI Bersih)	5.75	6.79	6.97	4.58	3.26	5.47
Nisbah Perbelanjaan Operasi Berbanding Pendapatan Kasar	0.94	1.09	1.42	1.87	3.10	1.68
Nisbah Perbelanjaan Operasi Berbanding Purata Dana	0.06	0.08	0.10	0.12	0.17	0.10
Pulangan dan Risiko (%)						
Kadar Pulangan Berwajaran Masa	5.30	8.63	10.03	4.03	5.39	NA
Volatiliti	2.99	2.86	3.15	2.38	3.14	NA
Caruman (RM Bilion)						
Caruman Bersih Majikan	2.52	2.67	2.70	2.87	2.78	
Caruman Kerajaan Persekutuan	1.50	1.50	1.50	1.50	0.50	
Komposisi Portfolio Pelaburan Pada Nilai Kos (RM Bilion)						
Domestik						
Ekuiti	23.73	27.37	29.00	35.85	39.06	
Pinjaman dan Sekuriti Hutang Persendirian	16.42	25.72	28.63	28.78	31.40	
Sekuriti Hutang Kerajaan	18.04	22.01	25.55	29.49	29.43	
Deposit Pasaran Wang	16.97	7.80	7.16	5.01	5.91	
Ekuiti Persendirian	0.43	0.43	0.44	0.52	0.12	
Hartanah	0.00	0.00	0.00	0.00	1.21	
Antarabangsa						
Ekuiti	0.81	1.89	2.96	4.16	5.40	
Pendapatan Tetap	1.02	1.54	1.66	2.47	2.51	
Ekuiti Persendirian	0.23	0.24	0.37	0.67	1.14	
Hartanah	1.00	2.00	4.07	3.71	3.92	
Pengurusan Dana						
Pengurusan Dana Dalaman (%)	93.78	93.09	89.85	89.56	87.50	
Pengurusan Dana Luaran (%)	6.22	6.91	10.15	10.44	12.50	
Bilangan Majikan Mencarum	601	613	505	503	498	
Bilangan Ahli	134,055	145,855	160,560	171,528	177,757	
Bilangan Kakitangan KWAP	152	175	207	255	529	
Pendapatan Setiap Kakitangan (RM Juta)	30.66	32.87	32.29	25.37	11.79	

Nota: Angka-angka adalah berdasarkan prestasi di peringkat KWAP

TAHUN 2015 SEPINTAS LALU

SUMBER DANA



PERATUS PENINGKATAN **8.17%**

RM6.24 BILION

PENDAPATAN PELABURAN KASAR (SELEPAS LINDUNG NILAI)

5.78%

PULANGAN ATAS PELABURAN KASAR (SEBELUM LINDUNG NILAI)

5.40%

PULANGAN ATAS PELABURAN BERSIH (SELEPAS LINDUNG NILAI)

5.39%


KADAR PULANGAN BERWAJARAN MASA

3.26%

KADAR PULANGAN PERAKAUNAN


PULANGAN ATAS PELABURAN MENGIKUT PECAHAN KELAS ASET

DOMESTIK



- Ekuiti
- Sekuriti Hutang Persendirian dan Pinjaman
- Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Bon Quasi
- Deposit Pasaran Wang
- Ekuiti Persendirian
- Hartanah

ANTARABANGSA



- Ekuiti
- Pendapatan Tetap
- Ekuiti Persendirian
- Hartanah

12.50%
PENGURUS DANA LUARAN

87.50%
PENGURUS DANA DALAMAN

84.95%
DOMESTIK

15.05%
ANTARABANGSA

PERUTUSAN PENGERUSI



TAN SRI DR. MOHD IRWAN SERIGAR ABDULLAH
PENGERUSI

PERUTUSAN PENGERUSI

LAPORAN TAHUNAN 2015
KUMPULAN WANG PERSARAAN
(DIPERBADANKAN)

SEKSYEN 01
SOROTAN KORPORAT

Bagi pihak Lembaga Pengarah, dengan sukacitanya saya membentangkan Laporan Tahunan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

5.0%
KDNK

3.25%
OPR

6.0%
PENGUNAAN SWASTA

PENGENALAN

Tahun 2015 merupakan tahun yang penuh peristiwa untuk ekonomi global, dengan pelbagai cabaran ekonomi makro yang mendaratkan sepanjang tahun ini.

Jangkaan satu langkah yang akan berlaku pada kadar faedah Amerika Syarikat digabungkan dengan kesan ultra akomodatif dasar kewangan di Eropah dan Jepun telah membayangi iklim ekonomi dari awal tahun, memandu daya tarikan USD dan memuncak dengan kenaikan nilai 22.8% bagi tahun ke tahun bagi Dolar Amerika berbanding Ringgit.

Kebimbangan terhadap lebihan bekalan pengeluaran minyak juga berterusan sepanjang tahun, dan diburukkan lagi apabila keadaan ekonomi tidak menentu di China telah mula memberikan kesan negatif terhadap latar belakang permintaan minyak. Dengan baki bekalan dan permintaan dalam industry minyak menjadi semakin merunsingkan, harga minyak turun ke paras terendah dalam berbilang tahun pada penghujung 2015.

Meskipun dalam suasana yang mencabar dan tidak menentu, ekonomi Malaysia secara amnya berdaya tahan pada tahun 2015, disokong oleh permintaan domestic yang agak murah.

Pengenalan yang dirancang bagi Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada April telah menyebabkan corak perbelanjaan diperhati dengan terperinci pada suku pertama. Walau bagaimanapun, penggunaan swasta yang dipegang sehingga agak baik sepanjang tahun, semakin meningkat pada 6.0% tahun ke tahun pada suku pertama 2015.

Tekanan daripada pertumbuhan ekonomi global yang lemah dan penurunan pada ekonomi China memberi impak pada sector luar Malaysia dimana ia telah terkesan oleh penurunan harga minyak.

Oleh itu, lebihan akaun semasa Malaysia berkurangan kepada 2.9% daripada KDNK pada tahun 2015 berbanding 4.3% pada tahun sebelumnya. Akibatnya, ekonomi Malaysia menyaksikan penurunan kadar pertumbuhan kepada 5.0% pada tahun 2015 daripada 6.0% pada tahun 2014.

Di dalam persekitaran global dan situasi dalam negeri yang tidak menentu, pasaran ekuiti dalam negeri, FBM KLCI, jatuh 12.6% dalam tempoh lapan bulan pertama. Walau bagaimanapun, pasaran ekuiti mengalami proses pemulihan sederhana pada bulan seterusnya pada tahun 2015, menimbal balik beberapa kerugian sebelum ini, menamatkan tahun ini pada 1,693 mata, penurunan 3.9% daripada 2014. Indeks MSCI Asia Pasifik kecuali Jepun pula jatuh 12.0% manakala Indeks S&P 500 jatuh 0.7% dalam tempoh yang sama.

Walau bagaimanapun, KWAP terus menjana pulangan yang menarik pada 2015. Ini adalah kerana usaha berterusan kami untuk memperluaskan portfolio pelaburan kami serta gigih berusaha dan amat teliti dengan penilaian keputusan pelaburan.

PERUTUSAN PENGERUSI



Pindaan Akta Kumpulan Wang Persaraan 662 diluluskan oleh Parlimen

PASARAN DOMESTIK

Di dalam negara pula, Malaysia menyaksikan peningkatan dolar AS meningkat berbanding Ringgit sebanyak 22.8% berbanding tahun 2015. Sementara itu, pertumbuhan KDNK bagi 2015 mencatatkan 5.0% lebih perlahan dari tahun ke tahun pada suku keempat tahun 2015 berakhir pada kadar yang lebih rendah sebanyak 4.5%, disokong dengan permintaan sector swasta sejajar dengan pertumbuhan gaji yang stabil dan pasaran pekerja yang kukuh. Penggunaan swasta lebih lembut terbukti dengan pembelian pengguna lebih perlahan dalam dua suku berikutan pelaksanaan GST sebelum pulih pada tempoh tiga bulan terakhir tahun 2015. Sementara itu, Bank Negara telah mengekalkan Kadar Dasar Semalam (OPR) 3.25% sepanjang tahun.

MELANGKAH KE HADAPAN

Menuju ke hadapan, prospek pertumbuhan global kekal sederhana. Dalam perkembangan yang positif, terdapat tanda-tanda pemulihan yang stabil dalam ekonomi Amerika Syarikat, iaitu keputusan Rizab persekutuan Amerika Syarikat untuk menaikkan kadar dasar mereka untuk pertama kali semenjak 2006.

Sementara itu, di Malaysia, kelemahan harga minyak global yang berterusan akan sentiasa menyekat perbelanjaan kerajaan dan memberikan cabaran kepada prospek pertumbuhan. Walau bagaimanapun, permintaan dalam negeri adalah dijangka akan meyumbang secara positif kepada pertumbuhan kukuh Malaysia pada tahun 2016. Pelaburan swasta juga dilihat akan meyumbang secara positif, disokong oleh Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang sedang berlangsung. Bagi sektor luar, permintaan global yang kurang, ditambah pula dengan harga minyak global yang terus berada pada aras rendah dijangka akan mengurangkan eksport. Secara keseluruhannya, asas-asas yang agak kukuh di Malaysia dan permintaan domestic yang kukuh memberi jangkaan ekonomi yang semakin meningkat pada kadar sekitar 4.0 – 4.5% pada tahun 2016 (5.0% pada 2015).

PRESTASI KEWANGAN

Saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada pihak pengurusan dan tenaga kerja untuk menyumbang kearah prestasi yang patut dipuji KWAP tahun ini. Saiz dana meningkat secara progresif dengan purata pertumbuhan sebanyak 12.49% setia tahun sejak penubuhannya dan kini bernilai RM118.37 bilion pada 31 Disember 2015. Ini merupakan peningkatan

sebanyak RM8.94 bilion atau 8.17% pada kadar pertumbuhan sebenar, yang diterjemahkan kepada Pulangan Kasar atas Pelaburan sebanyak 5.78% sebelum perlindungan nilai dan pendapatan lain. Pulangan atas Pelaburan kasar KWAP selepas perlindungan nilai dan lain-lain pendapatan kembali 5.40% manakala pulangan Kadar Berwajaran Masa sebanyak 5.39% untuk tahun ini.

SOROTAN 2015

Beberapa pencapaian penting telah dicapai pada tahun ini. Tahap pencapaian ini menandakan titik perubahan penting bagi KWAP. Pada suku ketiga 2015, Pindaan Akta Kumpulan Wang Persaraan 662 telah diluluskan oleh Parlimen dan diwartakan. Ini seterusnya memberikan KWAP kuasa untuk megembangkan peranan dan fungsinya sebagai sebuah dana persaraan. Pelaburan dalam pelbagai rangkaian produk dan instrument, dalam dan luar negara kini dianggap dibenarkan, untuk membolehkan KWAP mendapat pulangan yang lebih tinggi melalui aktiviti pelaburannya. Lebih penting lagi, dengan kelulusan akta itu, KWAP akan dapat melihat pengambilalihan fungsi dari Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam menjadi kenyataan.


TADBIR URUS KORPORAT

Pada tahun 2015, untuk mengukuhkan lagi pendirian dalam kepentingan mematuhi tadbir urus korporat, KWAP menjadi ahli Institut Integriti Malaysia; ahli korporat International Corporate Governance Network (JCGN) dan Asian Corporate Governance Association (ACGA).

Peranan aktif KWAP dalam bidang ini sepanjang tahun telah terbukti membawa hasil dengan pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, Wan Kamarulzaman bin Wan Ahmad sebagai pengurus pertama Malaysia Institutional Investor Council.

Beliau juga menjadi ahli Jawatankuasa Penasihat FTSE ESG (London) pada tahun yang sama. Sebuah anugerah pengiktirafan khas daripada Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) juga telah disampaikan kepada Ketua Pegawai Eksekutif KWAP diatas sumbangan KWAP ke arah meningkatkan amalan tadbir urus korporat di Malaysia. Pencapaian ini menunjukkan bahawa KWAP berada di landasan yang betul untuk menjadi pelabur bertanggungjawab yang terkemuka di negara ini.


PERUTUSAN PENGURUSI



PERBANDINGAN SAIZ DANA

2015
RM118.37 bilion

2014
RM109.43 bilion



PELABUR YANG BERTANGGUNGJAWAB

KWAP juga memperdalamkan komitmennya kepada pelaburan yang bertanggungjawab dengan penubuhan dana syariah, menyumbang luar 3 mandat Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) kepada pengurus luaran dan menubuhkan mandate pengurusan dalaman ESG untuk memastikan bahawa pelaburan dana selaras dengan amalan terbaik dalam industri.

Kemasukan pertama ke dalam pelaburan harta tanah domestik berlangsung pada 2015 melalui pengambilalihan bangunan 40 tingkat yang mempunyai sijil Platinum LEED terletak di segi tiga emas Kuala Lumpur, diikuti dengan 2 lot tanah untuk pembangunan harta tanah di sekitar kawasan tersebut.

FUNGSI PERKHIDMATAN PERSARAAN

Lanjutan pada pindaan akta yang diluluskan, KWAP telah dilantik sebagai ejen Kerajaan untuk membayar pence, ganjaran dan faedah lain di bawah mana-mana undang-undang bertulis. Operasi Jabatan Perkhidmatan Persaraan KWAP berlangsung pada bulan November, di mana sebahagian daripada fungsi Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam telah diambil alih oleh KWAP untuk meningkatkan kecekapan proses syarikat yang mana dua pertiga daripada kakitangannya telah dipinjamkan kepada KWAP untuk membantu dan memastikan kelancaran peralihan fungsi ini.

PENUTUP

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak berkepentingan atas sokongan dan kepercayaan mereka. Prestasi tahun ini adalah hasil daripada perancangan yang teliti oleh pihak pengurusan dan usaha gigih Ketua Pegawai Eksekutif KWAP serta tenaga kerja KWAP yang penuh dedikasi. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Lembaga dan Ahli-ahli Panel Pelaburan di atas pandangan jauh dan bimbingan mereka yang telah membantu kami untuk terus cemerlang pada waktu yang sukar ini.

Terima kasih kepada Datuk Dr. S. Sundaran Annamalai, untuk berkhidmat sebagai anggota KWAP Lembaga dan saya ingin mengucapkan tahniah atas pelantikan beliau sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Ucapan selamat dating kepada Dato' Che Pee bin Samsudin dan Encik Johari bin Abdul Muid diatas pelantikan baru-baru ini sebagai ahli Lembaga dan Panel Pelaburan. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Dato' Mohammed Azlan bin Hashim yang telah mengambil alih tugas saya sebagai Pengerusi Panel Pelaburan.

Pada tahun yang akan datang, tidak ada keruguan bahawa akan terdapat pelbagai cabaran baharu untuk kita atasi. Walau bagaimanapun, saya mempunyai keyakinan penuh bahawa KWAP berada dalam kedudukan yang baik dan dapat mengharungi cabaran-cabaran yang mendatang dan terus maju ke hadapan.

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



WAN KAMARUZAMAN BIN WAN AHMAD
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

LAPORAN TAHUNAN 2015
KUMPULAN WANG PERSARAAN
(DIPERBADANKAN)

SEKSYEN 01
SOROTAN KORPORAT

Tahun 2015 mencatat banyak peristiwa bersejarah bagi KWAP. Ekonomi dunia dibayangi oleh lebihan bekalan dalam pasaran minyak global secara berterusan, yang disebabkan oleh kemunculan industri syal Amerika Syarikat dan pertumbuhan berterusan pengeluaran minyak OPEC.

Faktor-faktor ini telah menyebabkan harga minyak dunia turun ke paras terendah dalam tempoh lebih sedekad. Menjelang akhir tahun, harga minyak global telah turun sebanyak 35.0% berbanding pada permulaan tahun. Jangkaan untuk kenaikan kadar faedah Rizab Persekutuan AS yang pertama dalam tempoh sembilan tahun juga telah merangsang ketidakstabilan pasaran dan mengukuhkan dolar AS. Meskipun pasaran sibuk meletakkan harga berikutnya kenaikan kadar faedah tersebut, ringgit Malaysia susut nilainya sebanyak 18.5% disebabkan oleh faktor pertemuan. Ini mencerminkan situasi ekonomi global yang dinamik, di mana pasaran kewangan global menyaksikan pasaran agak tidak sekata dan tidak menentu.

Sementara itu, pasaran saham AS kurang berprestasi dan kelembapan ekonomi di China menimbulkan kekhawatiran di pasaran global. Di dalam negeri, FBMKLCI merekodkan penurunan dalam masa dua tahun berturut-turut, mengakhiri tahun dengan 3.9% lebih rendah.

Walaupun persekitaran pasaran adalah tidak menentu, KWAP masih berjaya mencapai sasaran Dana yang ditetapkan pada awal tahun. KWAP berjaya memberikan hasil yang melebihi tanda aras berpandukan falsafah pelaburan yang bertanggungjawab, disokong dengan pengurusan risiko dan tadbir urus yang baik.

MELANGKAH KE HADAPAN

Ekonomi global dijangka akan pulih sedikit menjelang tahun 2016. Pemulihan dalam ekonomi AS dimana terdapat kenaikan kadar faedah di AS yang pertama sejak tahun 2006 merupakan satu petanda yang baik, dan ianya dijangka akan menyokong permintaan global di samping mengurangkan kelembapan ekonomi di China.

Pada 2016, tekanan menurun ke atas harga minyak global dijangka akan terus memberi kesan di Malaysia. Walau bagaimanapun, asas ekonomi Malaysia adalah agak stabil dan permintaan domestik yang kukuh akan terus menyokong Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), di mana pertumbuhan dianggarkan pada kadar 4% ke 4.5%.

Penggunaan swasta akan terus disokong dengan kadar cukai pendapatan individu dan harga sumber tenaga yang lebih rendah, serta kadar pengambilan pekerja yang lebih stabil. Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang berterusan juga akan terus mengekalkan perbelanjaan pelaburan.


Secara keseluruhannya, walaupun terdapat pelbagai halangan sepanjang tahun lalu, asas Malaysia tetap utuh, menyediakan platform yang stabil untuk pertumbuhan aktiviti ekonomi.

PRESTASI KEWANGAN

Pada tahun 2015, KWAP telah berjaya mengekalkan prestasi yang mantap walaupun mengharungi pelbagai cabaran ekonomi, di mana jumlah saiz dana meningkat ke RM118.37 bilion, peningkatan sebanyak RM8.94 bilion, yang bersamaan dengan 8.17%.

Penyumbang utama kepada peningkatan dana adalah dari pendapatan pelaburan yang telah menyumbang sebanyak RM6.69 bilion, diikuti dengan caruman majikan sebanyak RM2.78 bilion dan dana daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM500 juta.

ALIRAN PERTUMBUHAN JUMLAH SAIZ DANA



PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



PRESTASI PELABURAN

Tahun 2015 sesungguhnya merupakan tahun yang tidak menentu bagi pasaran ekuiti dan pendapatan tetap. Menguruskan dana dalam dan luar negara telah menjadi semakin mencabar. Walau bagaimanapun, dana terus mencatat pendapatan pelaburan kasar yang direalisasikan sebelum perlindungan nilai, yang lebih tinggi, iaitu sebanyak RM6.69 bilion dalam tahun ini iaitu RM0.22 bilion lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya yang telah mencatat nilai sebanyak RM6.47 bilion. Pada masa yang sama, peningkatan sebanyak 8.55% pada tahun 2015 adalah melebihi sasaran 8.48%. Dari segi sumber pendapatan pelaburan, ekuiti merupakan penyumbang tertinggi dengan 45%, diikuti oleh pelaburan pendapatan tetap sebanyak 39% manakala pelaburan alternatif menyumbang sebanyak 17% daripada jumlah pendapatan pelaburan.

Dana telah mencatatkan pulangan kasar atas pelaburan (ROI) sebanyak 5.78% sebelum perlindungan nilai dan hasil pendapatan lain; dan 5.40% selepas penolakan perlindungan nilai dan pendapatan lain. Ekuiti antarabangsa kembali memberikan ROI tertinggi iaitu sebanyak 14.39%, diikuti oleh pelaburan ekuiti swasta dengan 9.64%. Bahagian aset-aset lain pula telah mencapai ROI sebanyak 3.60% hingga 7.67%.

Sepanjang 2015, KWAP telah mula meneroka ke dalam bidang pelaburan hartanah domestik dengan membeli Menara Integra, yang terletak di Jalan Tun Razak, diikuti oleh pengambilalihan tanah bagi tujuan pembangunan hartanah di Persiaran Stonor dan Changkat Kia Peng. Lokasi tanah yang strategik di tengah Pusat Bandar Kuala Lumpur dijangka akan menjana pulangan yang menguntungkan kepada KWAP. Ini menjadikan jumlah harta yang dimiliki dan dimiliki bersama oleh KWAP ke 14, di mana 8 berada di Australia dan 3 lagi di United Kingdom.

PENCAPAIAN OPERASI

Pindaan Akta Kumpulan Wang Persaraan 662 (Pindaan 2015) telah berkuat kuasa pada 1 September 2015. Pindaan ini membolehkan KWAP untuk bertindak sebagai ejen Kerajaan untuk membayar pence, ganjaran atau faedah lain yang diberikan di bawah mana-mana undang-undang bertulis daripada Dana yang disatukan.

Selepas 2 tahun membentuk konsep dan perancangan, serta kerjasama dengan Kementerian Kewangan (MOF) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), kegigihan KWAP terbukti berhasil dengan pengambilalihan Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA pada 1 November 2015. Seramai 254 kakitangan JPA telah dipinjamkan ke KWAP untuk tempoh dua tahun bagi membantu dalam proses peralihan bagi memastikan aliran perkhidmatan pelanggan dan pesara berjalan lancar; dan pada masa yang sama, memudahkan pemindahan pengetahuan kepada KWAP. Pengambilalihan ini membawa KWAP satu langkah lebih dekat bagi mencapai matlamat untuk menjadi sebuah dana persaraan yang lengkap.

MODAL INSAN

Sukacita saya memaklumkan bahawa pada tahun 2015 jumlah kakitangan kami telah meningkat kepada 529 pada 31 Disember 2015. Sebanyak 277 pekerja berpangkalan di pejabat utama di Kuala Lumpur, 252 berpangkalan di Putrajaya dan 5 berpangkalan di London, UK.

Seperti organisasi-organisasi di Malaysia yang lain, KWAP juga menghadapi pelbagai cabaran apabila ingin mendapatkan pegawai yang berkualiti kerana kekurangan bakat yang sesuai secara amnya.

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

LAPORAN TAHUNAN 2015
KUMPULAN WANG PERSARAAN
(DIPERBADANKAN)

SEKSYEN 01
SOROTAN KORPORAT

Walau bagaimanapun, tahun ini KWAP telah berjaya mengenal pasti calon-calon untuk dua jawatan kritikal, dengan pelantikan Nik Ahmad Fauzan bin Nik Muhammad sebagai Ketua Pegawai Operasi dan Syed Ali Haidar bin Syed Shahabuddin sebagai Pengarah Jabatan Undang-Undang dan Kesetiausahaan.

Pada tahun 2015, KWAP menjalani penyusunan semula dalam hierarki organisasinya untuk meningkatkan kecekapan dalam pengurusan. Ini melibatkan penyusunan semula Jabatan Perancangan Korporat dan Pembangunan (CPDD), di mana Unit Komunikasi Korporat telah dieluarkan dari jabatan tersebut dan diwujudkan sebagai sebuah Jabatan yang dikenali sebagai Jabatan Hal Ehwal Korporat, dan CPDD dinamakan semula sebagai Jabatan Strategi Korporat dan Prestasi. Fungsi bahagian sokongan pula disepadukan dari dua jabatan ini iaitu Jabatan Custodian dan Jabatan Penyelesaian Pelaburan, ke dalam Jabatan Perkhidmatan Sokongan Pelaburan. Kedua-dua jabatan baharu ini melapor terus kepada Ketua Pegawai Operasi.

Di samping itu, fungsi-fungsi yang diambil dari Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam telah menjadi sebuah jabatan di bawah Ketua Pegawai Operasi, yang dikenali sebagai Jabatan Perkhidmatan Persaraan.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (TSK)

Sebagai sebuah organisasi yang bertanggungjawab, KWAP memastikan inisiatif TSK berkhidmat kepada empat bidang utama, yang meliputi tempat kerja, pasaran, komuniti dan alam sekitar sambil membawa slogan TSK KWAP “Berkongsi Nilai Kita”. Fokus utama pasukan TSK KWAP pada tahun 2015 adalah usaha dermawan. Tahun ini bermula dengan pelancaran Misi Bantuan Bencana Alam secara sukarela, di mana KWAP menderma dan bekerjasama dengan Kementerian Kewangan untuk membantu pemulihian negeri Kelantan yang dilanda banjir besar yang merupakan tragedi paling teruk dalam lebih 20 tahun. KWAP juga meneruskan usaha dermawan apabila berlakunya gempa bumi yang menggemarkan Gunung Kinabalu di Sabah dan kemudian di Nepal. Dana telah diraih dengan tujuan untuk menderma bagi membantu mereka yang terjejas oleh bencana yang menimpa.

Tahun ini juga menyaksikan penyertaan KWAP di acara Free Market yang dianjurkan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) di Projek Perumahan Rakyat Miskin Tegar di Gombak Setia (PPRT Gombak Setia), Kuala Lumpur. Oleh kerana kejayaan yang dicapai sewaktu percubaan pertama menyertai program itu, KWAP telah mengambil langkah yang lebih besar dengan menganjurkan acara sendiri di PPRT Lembah Subang. Program ini telah mendapat sambutan yang baik oleh penduduk serta para pekerja KWAP.

PENUTUP

Sebagai penutup, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Pengurus KWAP, ahli-ahli Lembaga dan Panel Pelaburan kerana telah membantu kami mengharungi tahun yang sukar ini. Bimbingan yang berterusan dan sokongan yang diberikan telah melancarkan perjalanan KWAP untuk meraih kejayaan di sebalik cabaran yang dilalui. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pengurusan kanan KWAP dan semua kakitangan, atas dedikasi dan komitmen yang diberikan dan mencapai hasil yang melebihi tanda aras. Mari kita berharap tahun 2016 akan membawa pertumbuhan yang lebih baik dan pulangan yang lebih tinggi untuk KWAP.

Lancarkan Program
KWAP Free Market



2 misi bantuan pasca banjir
telah dianjurkan untuk membantu
mangsa menyusun
kehidupan mereka di Kelantan.



Tadbir Urus Korporat

SEKSYEN 02

023

Penyata Tadbir Urus Korporat

033

Penyata Kawalan Dalaman

035

Pengurusan Risiko dan Pematuhan

048

Ringkasan Amalan Etika

052

Inisiative Tadbir Urus Baharu

PENYATA

TADBIR URUS KORPORAT

LAPORAN TAHUNAN 2015
KUMPULAN WANG PERSARAAN
(DIPERBADANKAN)

SEKSYEN 02
TADBIR URUS KORPORAT

LEMBAGA

Lembaga diberi kuasa dan dipertanggungjawab untuk mentadbir dan mengurus KWAP seperti di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) atau “Akta”. Sejak penubuhannya, Tadbir Urus Korporat telah dijadikan sebahagian komitmen Lembaga dalam melaksanakan tanggungjawabnya untuk melindungi dan meningkatkan nilai pihak berkepentingan melalui mempromosi dan mengamalkan piawaian tadbir urus melalui nilai-nilai teras KWAP seperti integriti, ketelusan dan profesionalisme, yang dianggap perlu untuk kemajuan berterusan KWAP dan kejayaan ke arah mencapai objektif pihak berkepentingan.

Komitmen Lembaga KWAP ke arah tadbir urus korporat yang baik adalah Lembaga meluluskan KWAP untuk menjadi ahli penandatanganan kepada Kod Pelabur Institusi Malaysia (“Kod”) yang diterajui oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG). Penyertaan KWAP sebagai penandatangan untuk Kod berfungsi sebagai platform bagi KWAP untuk meningkatkan keupayaan dalaman tadbir urus korporat dan menjadi proaktif sebagai pemegang saham. Ini juga menjadi rujukan bagi KWAP untuk memastikan piawaian tadbir urus KWAP juga mematuhi apa yang tertera di dalam Kod Pelabur Institusi Malaysia.

Sebagai sokongan terhadap amalan terbaik pada Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus, Lembaga KWAP telah menubuhkan mandat Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir (ESG) dengan penyumberan luar kepada pengurus dana luaran pada suku pertama 2015. Penyumberan luar membolehkan KWAP untuk mempercepatkan lagi proses pembelajaran serta menubuhkan kemampuan dalam setiap keputusan pelaburan dan operasi.

Lembaga percaya bahawa kepimpinan KWAP menerapkan tadbir urus korporat yang baik sekaligus ia akan mencatatkan prestasi yang diingini secara cekap dan berkesan di samping dapat melindung dan meningkatkan nilai pemegang berkepentingan.

Komposisi Lembaga

Lembaga KWAP terdiri daripada ahli-ahli yang berpengalaman dan berkemahiran dengan pelbagai latar belakang dari Kerajaan, sektor swasta, Bank Negara Malaysia dan wakil pencarum dimana mereka memainkan peranan penting bagi kejayaan keseluruhan KWAP.

Seperti yang dinyatakan dalam seksyen 6 Akta Kumpulan Wang Persaraan (Akta 662), Lembaga hendaklah dianggotai oleh ahli-ahli berikut yang dilantik oleh Menteri Kewangan:

- (i) seorang Pengerusi yang merupakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan;
- (ii) seorang wakil daripada Bank Negara Malaysia;
- (iii) seorang wakil daripada Kementerian Kewangan;
- (iv) Ketua Pegawai Eksekutif yang merupakan ahli ex-officio;
- (v) tiga orang wakil Kerajaan Malaysia;
- (vi) tiga orang wakil dari sektor swasta yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam perniagaan atau kewangan; dan
- (vii) seorang wakil pencarum yang menyumbang kepada Dana Persaraan selain daripada wakil Kerajaan Malaysia.

Profil ringkas setiap ahli Lembaga dibentangkan di muka surat 131 hingga 135 dalam Laporan Tahunan ini.

KOMPOSISI LEMBAGA

-  **seorang Pengerusi** yang merupakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan;
-  **seorang wakil** daripada Bank Negara Malaysia;
-  **seorang wakil** daripada Kementerian Kewangan;
-  **seorang Ketua Pegawai Eksekutif** yang merupakan ahli ex-officio;
-  **tiga orang wakil** kerajaan Malaysia;
-  **tiga orang wakil** dari sektor swasta yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam perniagaan atau kewangan; dan
-  **seorang wakil** pencarum yang menyumbang kepada Dana Persaraan selain daripada wakil Kerajaan Malaysia.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Pada tahun 2015, dua ahli Lembaga baharu telah dilantik. Pelantikan Dato' Che Pee bin Samsuddin berkuat kuasa pada 15 Februari 2015 sebagai wakil Kerajaan Malaysia yang menggantikan Datuk Wan Selamat Wan Sulaiman yang telah bersara pada 18 Disember 2014 manakala pelantikan Datuk Dr. Sundaran Annamalai berkuat kuasa pada 1 Julai 2015 sebagai wakil daripada Kementerian Kewangan menggantikan Dato' Mat Nor bin Nawi, yang telah bersara pada 6 Jun 2015.

Setakat 31 Disember 2015, terdapat dua kekosongan jawatan di bawah Seksyen 6 Akta (4)(e) untuk menggantikan Tan Sri Idrus bin Harun yang telah meletak jawatan kerana beliau telah dilantik sebagai Hakim di Mahkamah Rayuan manakala Datuk Dr. Sundaran Annamalai telah meletak jawatan kerana dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perludungan dan Komoditi. Pelantikan kedua-dua jawatan ini masih belum dilantik oleh Kementerian Kewangan.

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif

Sebagai amalan terbaik, peranan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah diasingkan.

Pengerusi KWAP bertanggungjawab terutamanya dalam memastikan keberkesanan dan tatacara Lembaga manakala Ketua Pegawai Eksekutif dilantik oleh Lembaga dengan kebenaran Menteri Kewangan, bertanggungjawab bagi keseluruhan operasi perniagaan dan pelaksanaan dasar dan keputusan yang dibuat oleh Lembaga dan keputusan pelaburan yang dibuat oleh Panel Pelaburan selaras dengan Akta. Ketua Pegawai Eksekutif dibantu oleh Pengurusan dalam menjalankan pentadbiran harian dan kawalan pentadbiran tenaga kerja KWAP.

Tugas dan Tanggungjawab Lembaga

Selaras dengan tanggungjawab dan fungsi, Lembaga ditubuhkan untuk mentadbir dan mengurus KWAP dan memastikan KWAP mencapai objektifnya dengan cemerlang.

Lembaga melaksanakan beberapa tugas khusus seperti mengawal selia perjalanan operasi, mengenal pasti risiko-risiko utama dan memastikan pelaksanaan sistem yang sesuai untuk mengurus risiko berkaitan dan juga mengkaji kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman seperti yang diperincikan dalam Akta dan Piagam Lembaga.

KOMPONEN LEMBAGA YANG BERKESAN

Menstruktur Lembaga yang berprestasi tinggi

- Menstruktur Lembaga untuk memadankan keperluan organisasi
- Mentakrifkan perananan jawatankuasa, struktur dan komposisi untuk melengkapkan keperluan Lembaga
- Memilih dan mencalon Ahli Lembaga menggunakan proses berdisiplin
- Menilai Lembaga secara keseluruhan dan setiap Ahli Lembaga secara berkala

Memastikan Operasi dan Interaksi Lembaga yang Berkesan

- Menjadikan tiap-tiap mesyuarat Lembaga yang produktif
- Memastikan kualiti dan ketepatan masa semua maklumat Lembaga
- Membina kepercayaan melalui interaksi positif
- Lembaga dan komunikasi terbuka dalam Lembaga serta pihak pengurusan

Memenuhi peranan dan tanggungjawab asas Lembaga

- Menyumbang kepada membangunkan strategi korporat dan penetapan matlamat
- Mengelakkan pendekatan pengurusan prestasi korporat yang kukuh
- Menyelia pembangunan pemimpin masa hadapan dan modal insan organisasi
- Memahami dan menguruskan risiko organisasi
- Guna pakai perspektif pihak berkepentingan apabila membuat keputusan
- Mengimbangi kepentingan pemegang kepentingan yang sah

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

SEKSYEN 02
TADBIR URUS KORPORAT

Mesyuarat Lembaga

Mesyuarat Lembaga ditetapkan lebih awal pada setiap tahun, manakala Mesyuarat Khas Lembaga hanya diadakan sekira perlu bagi membincangkan perkara-perkara yang memerlukan keputusan segera.

Ahli-ahli Lembaga disediakan dengan agenda dan kertas mesyuarat yang mengadungi maklumat yang relevan tentang perkara-perkara yang akan dibincangkan dalam mesyuarat untuk penelitian mereka. Pada setiap mesyuarat, setiausaha mesyuarat akan memastikan bahawa kuorum lengkap pada permulaan mesyuarat supaya dapat membentuk mesyuarat yang sah.

Sepanjang tahun kewangan 2015, 10 mesyuarat Lembaga dan 2 Lembaga Khas dan Panel Pelaburan telah diadakan.

Kedatangan Mesyuarat Lembaga

BIL.	NAMA	KEDATANGAN
1.	Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah <i>Pengerusi</i>	12/12
2.	Dato' Mat Noor bin Nawi <i>* bersara pada 6 Jun 2015</i>	1/7
3.	Datuk Dr. Sundaran Annamalai <i>* dilantik pada 1 Julai 2015 and meletak jawatan pada 16 Disember 2015</i>	4/5
4.	Dato' Che Pee bin Samsuddin <i>* dilantik pada 15 Februari 2015</i>	7/11
5.	Datuk Yeow Chin Kiong	9/12
6.	Datuk Muhammad bin Ibrahim	8/12
7.	Dato' Siow Kim Lun	10/12
8.	Dato' Azmi bin Abdullah	12/12
9.	Dato' Dr. Gan Wee Beng	11/12
10.	Datuk Azih bin Muda	8/12
11.	Wan Kamaruzaman bin Wan Ahmad	12/12

Antara aktiviti-aktiviti utama Lembaga bagi tahun 2015 adalah seperti berikut, iaitu dalam bidang kuasa seperti dinyatakan pada Seksyen 12 (1) Akta 662:

BIL.	BIDANG TANGGUNGJAWAB LEMBAGA DAN AKAUNTABILITI SEPERTI YANG DIPERUNTUKKAN OLEH AKTA	TUGAS/AKTIVITI LEMBAGA BAGI TAHUN 2015
1.	Mewujudkan prosedur berkenaan dengan hal-hal kewangan dan perakaunan, termasuk penyimpanan, penutupan dan pengauditannya KWAP dan membangunkan prosedur perakaunan dan kewangan tersendiri;	<ul style="list-style-type: none"> • Meluluskan Bajet Tambahan ke atas Perbelanjaan Berkaitan Menara Integra; • Meluluskan Bajet Perbelanjaan untuk Jabatan Perkhidmatan Persaraan KWAP; • Meluluskan Bajet Perbelanjaan KWAP bagi Tahun Kewangan 2016.
2.	Menetapkan tanggungjawab tenaga kerja KWAP termasuk perkara-perkara berkenaan saraan, terma dan syarat perkhidmatan, tempoh perkhidmatan dan cuti tenaga kerjanya;	<ul style="list-style-type: none"> • Meluluskan Semakan Struktur Organisasi KWAP 2015; • Meluluskan Semakan Struktur Organisasi dan Pakej Peminjaman untuk Jabatan Perkhidmatan Persaraan; • Meluluskan Semakan Pakej Peminjaman Tenaga Kerja untuk Jabatan Perkhidmatan Persaraan; • Meluluskan Pelantikan Ketua Pegawai Operasi; • Meluluskan Pembaharuan Kontrak Ketua Pegawai Eksekutif; • Meluluskan beberapa Pembaharuan Kontrak Ketua Jabatan di KWAP.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

BIL.	BIDANG TANGGUNGJAWAB LEMBAGA DAN AKAUNTABILITI SEPERTI YANG DIPERUNTUKKAN OLEH AKTA	TUGAS/AKTIVITI LEMBAGA BAGI TAHUN 2015
3.	Menubuhkan pihak berkuasa tata tertib yang sesuai untuk kelakuan dan disiplin warga kerja KWAP;	<ul style="list-style-type: none"> Meluluskan Polisi Tiada Hadiah.
4.	Menubuhkan jawatankuasa dan prosedur untuk jawatankuasa tersebut;	<ul style="list-style-type: none"> Tiada pelantikan jawatankuasa baharu pada tahun 2015.
5.	Mengawal selia prosedur dalaman termasuk tatacara prosedur berkaitan operasi;	<ul style="list-style-type: none"> Meluluskan Penggunaan Alokasi Strategik Aset bagi Hartanah; Meluluskan Had Risiko dan Pengurusan Tindakan Pencetus untuk Had Manfaat Hartanah; Meluluskan Penyata Ketahanan Risiko KWAP; Meluluskan Strategi Pelaburan Pembangunan Hartanah; Meluluskan Penambahan kepada Polisi Susut Nilai; Meluluskan Pindaan pada Dasar dan Garis Panduan Pelaburan KWAP; Meluluskan Dasar Keselamatan Maklumat; Meluluskan KWAP menjadi Penandatangan untuk <i>Malaysian Code for Institutional Investors</i>; Meluluskan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Reputasi; Meluluskan Penyemakan Semula Had Risiko Pihak Lain; Meluluskan Had Kuasa Budi Bicara Tindakan Korporat berkenaan dengan Mesyuarat Agung Tahunan, Mesyuarat Agung Luarbiasa dan Mesyuarat Pemegang Bon.
6.	Menetapkan cara dimana apa-apa dokumen, cek dan instrumen perlu ditandatangani atau disempurnakan bagi pihak KWAP;	<ul style="list-style-type: none"> Meluluskan pembukaan akaun bank untuk tunai runcit hartanah domestik; Membenarkan Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurus KWAP meluluskan had Lembaga; Meluluskan semakan pada Proses Pengesahan dan Pelekapan Cap Mohor;
7.	Menyediakan peruntukan bagi semua perkara berkenaan atau perlu atau wajar untuk memberi kesan kepada dan untuk digunakan bagi menjalankan peruntukan-peruntukan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662).	<ul style="list-style-type: none"> Pelantikan Perunding dan Pengusaha Wajar Hartanah, Panel Peguambela dan Peguamcara dan Pengurus Dana Luaran.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

SEKSYEN 02
TADBIR URUS KORPORAT

PANEL PELABURAN

Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) juga memperuntukkan penubuhan Panel Pelaburan untuk menentukan hala tuju strategik untuk perkara berhubung pelaburan. Ia menentukan dan meluluskan dasar pelaburan dan peraturan, dasar pengurusan risiko, alokasi aset dan arah tuju strategik pelaburan.

Komposisi Panel Pelaburan

Panel Pelaburan hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut, seperti yang ditetapkan di dalam Seksyen 7 Akta 662 sebagaimana yang dipinda dalam Akta A1496, iaitu dilantik oleh Menteri Kewangan:-

- (i) seorang Pengerusi hendaklah menjadi Pengerusi Lembaga atau orang lain yang dilantik oleh Menteri Kewangan [Seksyen 7(2)(a)];
- (ii) seorang wakil daripada Kementerian Kewangan [Seksyen 7(2)(c)];
- (iii) Ketua Pegawai Eksekutif KWAP hendaklah menjadi setiausaha [Seksyen 7(2)(d) Akta]; dan
- (iv) Empat individu daripada sektor awam atau swasta yang mempunyai pengalaman dan kepakaran perniagaan, pelaburan, perbankan atau kewangan [Seksyen 7(2)(e)].

Pada 30 Mei 2015, Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah, yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah telah meletak jawatan sebagai Pengerusi Panel Pelaburan. Berikutnya peletakan jawatan ini, Menteri Kewangan seterusnya melantik Dato' Mohammed Azlan bin Hashim, wakil daripada sektor swasta sebagai Pengerusi yang baharu berkuatkuasa pada 1 Jun 2015. Kekosongan kerusi dibawah Seksyen 7(2)(e) yang ditinggalkan oleh Dato' Mohammed Azlan bin Hashim digantikan dengan pelantikan Encik Johari Muid pada 15 Oktober 2015.

Merujuk kepada pindaan Akta 662, Seksyen 7(2)(b), wakil daripada Bank Negara Malaysia tidak lagi menjadi keperluan. Walau bagaimanapun, berdasarkan pendedahan dan pengalaman, Cik Che Zakiah Che Din, telah dilantik di bawah seksyen baharu, 7(2)(e) sebagai seorang wakil daripada sektor awam atau swasta yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam perniagaan, pelaburan, perbankan dan kewangan berkuatkuasa dari 21 Oktober 2015.

Profil ringkas setiap ahli Panel Pelaburan dibentangkan di muka surat 136 hingga 139 dalam Laporan Tahunan ini.

Tugas Utama dan Tanggungjawab Panel Pelaburan

Tanggungjawab Panel Pelaburan adalah berdasarkan Seksyen 7(1) Akta 662. Panel Pelaburan secara amnya bertanggungjawab untuk meluluskan antara lain, hala tuju strategik KWAP bagi semua perkara berkaitan dengan pelaburan KWAP, dasar dan garis panduan pelaburan, alokasi aset dan cadangan pelaburan. Dalam melaksanakan fungsinya, Panel Pelaburan hendaklah melaporkan aktivitinya kepada Lembaga dan hendaklah bertindak mengikut dasar am yang boleh dikeluarkan oleh Lembaga dan seterusnya diluluskan oleh Menteri Kewangan.

Mesyuarat Panel Pelaburan

Sepanjang tahun kewangan 2015, 12 mesyuarat Panel Pelaburan, 3 mesyuarat khas dan 2 mesyuarat Lembaga Khas dan Panel pelaburan telah diadakan.

Kehadiran Mesyuarat Panel Pelaburan

BIL.	NAMA	KEHADIRAN
1.	Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah <i>Pengerusi</i> <i>* meletak jawatan pada 31 Mei 2015</i>	7/7
2.	Dato' Mohammed Azlan bin Hashim <i>Pengerusi</i> <i>* dilantik pada 1 Jun 2015</i>	15/17
3.	Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir	15/17
4.	Datuk Abdul Farid bin Alias	8/17
5.	Cheah Tek Kuang	13/17
6.	Che Zakiah binti Che Din	14/17
7.	Johari bin Abdul Muid <i>* dilantik pada 15 Oktober 2015</i>	4/4
8.	Wan Kamaruzaman bin Wan Ahmad	17/17

Dalam keadaan dimana keputusan segera diperlukan dan Setiausaha tidak dapat mengadakan mesyuarat, kelulusan boleh didapati melalui pekeliling kepada semua ahli Panel Pelaburan. Keputusan melalui pekeliling memerlukan persetujuan sebulat suara dan dilaporkan semasa mesyuarat Panel Pelaburan untuk tujuan pengesahan.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Ringkasan Aktiviti Panel Pelaburan

Bagi tahun 2015, Panel Pelaburan telah mempertimbang dan membincangkan 60 cadangan pelaburan dimana 57 cadangan telah diluluskan termasuk kelulusan melalui pekeliling.

JAWATANKUASA LEMBAGA

Bagi membantu Lembaga dalam melaksanakan tugas mereka, Lembaga telah menubuhkan beberapa jawatankuasa, iaitu Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Imbuhan dan Jawatankuasa Lembaga Perolehan. Semua Jawatankuasa Lembaga mempunyai terma rujukan bertulis yang dikaji dari masa ke semasa untuk memastikan bahawa ia adalah relevan dan terkini.

Aktiviti terperinci Jawatankuasa Lembaga sepanjang tahun 2015 adalah seperti di bawah.

JAWATANKUASA AUDIT

Jawatankuasa Audit telah ditubuhkan untuk memastikan penubuhan dan perlaksanaan sistem kawalan dalaman di KWAP.

Keahlian

Pada masa ini, Jawatankuasa Audit terdiri daripada 4 ahli Lembaga, iaitu Pengerusi dan 3 ahli-ahli lain yang telah dilantik oleh Lembaga:

- (i) Dato' Azmi bin Abdullah – Pengerusi
 - (ii) Dato' Siow Kim Lun – Ahli
 - (iii) Dato' Dr. Gan Wee Beng – Ahli
 - (iv) Dato' Che Pee bin Samsuddin – Ahli
- (dilantik pada 1 Oktober 2015)*

Dato' Azmi bin Abdullah dan Dato' Che Pee bin Samsuddin merupakan ahli Malaysian Institute of Accountants (MIA).

Empat mesyuarat Jawatankuasa Audit telah diadakan sepanjang tahun 2015.

Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Audit

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit:

- (i) Untuk mencadangkan dan mengkaji peraturan-peraturan kewangan, peraturan perakaunan, dasar dan amalan;
- (ii) Untuk mengkaji dan membincangkan asas dan bidang audit dalaman dan luaran dan memastikan pendekatan selaras antara juruaudit dalaman dan luaran;
- (iii) Untuk mengkaji penyata kewangan KWAP dengan pengurusan dan juruaudit sebelum ia diluluskan oleh Lembaga;
- (iv) Untuk membincangkan masalah dan keraguan yang timbul daripada audit interim dan audit akhir dan sebarang perkara yang juruaudit ingin bincangkan (bila diperlukan semasa ketidaaan pihak pengurusan);
- (v) Untuk mengkaji pemerhatian audit oleh juruaudit luaran dan tindakan susulan pengurusan;
- (vi) Untuk mempertimbangkan penemuan utama siasatan dalaman dan balasan pengurusan;
- (vii) Untuk mengarahkan sebarang siasatan khas dijalankan oleh juruaudit dalaman dan mengkaji penemuan juruaudit dalaman;
- (viii) Untuk mempertimbangkan sebarang urusniaga pihak berkaitan yang mungkin timbul dalam KWAP;
- (ix) Untuk menyediakan penilaian bebas mengenai kecukupan dan kebolehpercayaan proses pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman dan pematuhan dengan dasar risiko, undang-undang, garis panduan dalaman dan keperluan peraturan;
- (x) Untuk mengkaji perubahan Prosedur Kewangan; dan
- (xi) Untuk mempertimbangkan isu-isu lain seperti yang ditakrifkan oleh Lembaga.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

SEKSYEN 02
TADBIR URUS KORPORAT

Juruaudit luar KWAP adalah Ketua Audit Negara Malaysia sebagaimana ditentukan oleh Akta Badan-Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240].

Kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa Audit

BIL.	NAMA	KEHADIRAN
1.	Dato' Azmi bin Abdullah <i>Pengerusi</i>	4/4
2.	Dato' Siew Kim Lun	4/4
3.	Dato' Dr. Gan Wee Beng	3/4
4.	Dato' Che Pee bin Samsuddin <i>*dilantik pada 1 Oktober 2015</i>	0/1

Ringkasan Aktiviti Jawatankuasa Audit

Antara isu-isu/cadangan utama dibincang dan diluluskan oleh Jawatankuasa Audit adalah:

- Penyata Kewangan KWAP bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2014;
- Laporan Audit Prima Ekuiti Limited (UK);
- Laporan Audit Dalaman mengenai Pelaksanaan Pengurusan Audit dan Pengurusan bagi Pengurus Dana Luaran, Penyumberan dan Pengurusan Vendor Teknologi Maklumat, Data Peribadi dan Integriti, Pengkomputeran Awam, Pemerhatian pada Latihan Pemulihian Bencana KWAP, Kawalan Dalaman Perakaunan, Pematuhan terhadap Akta dan Peraturan, Perolehan dan Pengurusan Kontrak dan Ketepatan Pembayaran daripada Pencarum;
- Isu-isu berkaitan pelaksanaan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS); dan
- Ulasan Audit Dalaman dan Isu-isu Audit yang belum dibangkitkan oleh beberapa jabatan di KWAP.

JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO

Jawatankuasa Pengurusan Risiko telah ditubuhkan untuk membantu Lembaga dalam melaksanakan tugas-tugas berkaitan pengurusan risiko.

Keahlian

Pada masa ini, Jawatankuasa Pengurusan Risiko terdiri daripada 4 ahli Lembaga dan satu ahli Panel Pelaburan, iaitu seorang Pengerusi dan 4 ahli lain yang telah dilantik oleh Lembaga:

- (i) Dato' Muhammad bin Ibrahim – Pengerusi
- (ii) Dato' Siew Kim Lun – Ahli
- (iii) Dato' Mohammed Azlan bin Hashim – Ahli
- (iv) Dato' Dr. Gan Wee Beng – Ahli
- (v) Wan Kamaruzaman bin Wan Ahmad – Ahli

Empat mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko telah diadakan sepanjang tahun 2015.

Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Risiko:

- (i) untuk membentuk dan menjalankan strategi dan dasar pengurusan risiko;
- (ii) untuk menilai dan meluluskan cadangan mengenai polisi pengurusan risiko dan prosedur dalam perniagaan dan risiko kewangan seperti risiko pasaran, risiko kredit, risiko strategik, dan risiko operasi;
- (iii) untuk mengenal pasti keinginan/toleransi/parameter risiko kepada Lembaga untuk diterima pakai;
- (iv) untuk mengukur/menilai dasar-dasar yang sedia ada dan baharu, kawalan dan mencadangkan kepada Lembaga untuk apa-apa perubahan, kelulusan dan penerimaan;
- (v) untuk memastikan kecukupan dasar dan sistem pengurusan risiko dan memastikan takat keberkesanannya;
- (vi) untuk memastikan bahawa infrastruktur, sumber dan sistem yang ada telah tersedia untuk mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko;
- (vii) untuk menetapkan pendedahan risiko KWAP dan aktiviti pengurusan risiko;
- (viii) untuk merumuskan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM);
- (ix) untuk mencadangkan kepada Lembaga untuk apa-apa perubahan kepada Rangka Kerja Pengurusan Risiko; dan
- (x) untuk mempertimbangkan isu-isu berkaitan risiko lain seperti yang ditetapkan oleh Lembaga.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko

BIL.	NAMA	KEHADIRAN
1.	Datuk Muhammad bin Ibrahim <i>Pengerusi</i>	4/4
2.	Dato' Siow Kim Lun	3/4
3.	Dato' Mohammed Azlan bin Hashim	3/4
4.	Dato' Dr. Gan Wee Beng	3/4
5.	Wan Kamaruzaman bin Wan Ahmad	4/4

Rumusan Aktiviti Jawatankuasa Pengurusan Risiko:

Antara isu utama yang dipertimbangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko sepanjang tahun 2015 adalah seperti berikut:

- Profil Risiko Korporat;
- Analisis Jurang Pengurusan Risiko Kredit;
- Pendedahan Aktiviti Pertukaran Asing dan Perlindungan Nilai;
- Pengesahan Model Skor Penilaian Kredit Dalaman;
- Garis Panduan Kredit Nilai-pada-Risiko;
- Penyeragaman Pendekatan Penilaian untuk Garis Panduan Pengurusan Risiko Kredit;
- Had Risiko dan Pengurusan Tindakan Pencetus (MAT) untuk Had Manfaat Hartanah;
- Menyemak semula Penyata Risiko KWAP;
- Hala Tuju Pemulihan Bencana KWAP;
- Rangka Kerja Pengurusan Risiko Reputasi;
- Semakan ke atas Had Risiko Pihak Lain; dan
- Laporan Pematuhan bagi tahun 2015.

JAWATANKUASA IMBUHAN

Jawatankuasa Imbuhan telah ditubuhkan untuk membantu Lembaga dalam melaksanakan fungsi dengan tanggungjawab utamanya untuk mewujudkan dasar rangka kerja yang berkaitan dalam menentukan pelantikan dan imbuhan pengurusan dan warga kerja KWAP serta mencadangkan kepada Lembaga imbuhan berkaitan prestasi pekerja berkenaan.

Keahlian

Jawatankuasa Imbuhan terdiri daripada 2 ahli Lembaga dan 2 ahli Panel Pelaburan, iaitu seorang Pengerusi dan 3 ahli lain yang telah dilantik oleh Lembaga:

- (i) Dato' Siow Kim Lun – Pengerusi
- (ii) Dato' Mohammed Azlan bin Hashim – Ahli
- (iii) Cheah Tek Kuang – Ahli
- (iv) Wan Kamaruzaman bin Wan Ahmad – Ahli

Empat Mesyuarat Jawatankuasa Imbuhan telah dijalankan sepanjang tahun 2015.

Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Imbuhan

Berikut adalah tugas dan Jawatankuasa Imbuhan:

- (i) Untuk mencadangkan keperluan minimum kemahiran, pengalaman, kelayakan dan kemahiran utama tenaga kerja;
- (ii) Untuk mencadangkan dan mengkaji terma dan syarat pekerjaan dan perkhidmatan tenaga kerja;
- (iii) Untuk mencadangkan dan mengkaji kod kelakuan dan tatatertib tenaga kerja;
- (iv) Untuk mencadangkan mekanisme bagi penilaian formal atas keberkesanan tenaga kerja;
- (v) Untuk mencadangkan kenaikan pangkat tenaga kerja;
- (vi) Untuk mencadangkan rangka kerja dasar yang relevan dalam menentukan imbuhan (kewangan dan bukan kewangan) tenaga kerja;
- (vii) Untuk mencadangkan struktur perjanjian perkhidmatan/prinsip untuk pekerja termasuk faedah persaraan/penamatan faedah;
- (viii) Untuk mengkaji setiap tahun dan mencadangkan polisi imbuhan keseluruhan untuk pegawai pengurusan utama untuk memastikan yang memberi ganjaran yang bersesuaian dengan sumbangan mereka kepada pertumbuhan dan keuntungan KWAP;
- (ix) Untuk mengkaji prestasi pengurusan pada setiap tahun dan mencadangkan pelarasian khusus imbuhan kepada Lembaga dan/atau pembayaran ganjaran jika ada, selaras dengan sumbangan mereka bagi tahun tersebut; dan
- (x) Untuk mempertimbangkan isu-isu lain yang ditentukan oleh Lembaga.

**PENYATA
TADBIR URUS KORPORAT**

SEKSYEN 02
TADBIR URUS KORPORAT

Kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa Imbuhan

BIL.	NAMA	KEHADIRAN
1.	Dato' Siow Kim Lun	4/4
2.	Dato' Mohammed Azlan bin Hashim	3/4
3.	Cheah Tek Kuang	4/4
4.	Wan Kamaruzaman bin Wan Ahmad	4/4

Rumusan Aktiviti Jawatankuasa Imbuhan

Antara cadangan yang dibincangkan dan disahkan oleh Jawatankuasa Imbuhan sepanjang tahun 2015 adalah:

- Pembayaran Bonus 2014 dan Kenaikan Gaji Tahunan 2015;
- Semakan struktur organisasi KWAP bagi tahun 2015;
- Semakan struktur organisasi dan peminjaman tenaga kerja untuk Jabatan Pengurusan Persaraan;
- Pelantikan Ketua Pegawai Operasi;
- Pembaharuan kontrak Ketua Pegawai Eksekutif KWAP; dan
- Pembaharuan beberapa kontrak Ketua-Ketua Jabatan di KWAP.

LEMBAGA PEROLEHAN

Lembaga perolehan ditubuhkan untuk membantu Lembaga dalam melaksanakan fungsi berkaitan dengan penilaian cadangan perolehan.

Keahlian

Pada masa kini, Lembaga Perolehan terdiri daripada 3 ahli Lembaga, iaitu Pengerusi dan 2 ahli Lembaga yang lain yang telah dilantik oleh Lembaga:

- (i) Dato' Mat Noor bin Nawi – Pengerusi
Bersera pada 6 Jun 2015
- (ii) Datuk Dr. Sundaran Annamalai – Pengerusi
Dilantik pada 1 Oktober 2015
- (iii) Datuk Yeow Chin Kiong – Ahli
- (iv) Wan Kamaruzaman bin Wan Ahmad – Ahli

Hanya satu mesyuarat Lembaga Perolehan diadakan pada tahun 2015 untuk membincangkan dan mencadangkan kelulusan Lembaga untuk Cadangan Pelantikan Vendor Membekal, Memasang, Menguji dan Pemasangan Perisian Sistem Maklumat Ekuiti Persendirian dan Pelantikan Vendor untuk menyediakan khidmat nasihat hiasan dalaman bagi pejabat baharu Jabatan Perkhidmatan Persaraan KWAP di Cyberjaya.

Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Perolehan

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Perolehan:

- (i) Untuk menilai pendaftaran petender dengan Kementerian Kewangan dan Pusat Khidmat Kontraktor, iklan pelawaan tender, spesifikasi tender, dokumen tender (jika perlu), penyediaan jadual tender oleh Jawatankuasa Pembuka Tender, laporan penilaian teknikal dan kewangan, dan lain-lain;
- (ii) Untuk memastikan bahawa proses perolehan mematuhi semua polisi dan prosedur perolehan;
- (iii) Cadangan teknikal akan dibuka dan dinilai terlebih dahulu diikuti oleh cadangan kewangan;
- (iv) Untuk mempertimbangkan dan mencadangkan pemberian tender yang bermanfaat kepada KWAP, mengambil kira faktor-faktor seperti harga, penggunaan produk dan barang dan/atau perkhidmatan, penghantaran atau tempoh siap, kos penyelenggaraan serta faktor-faktor lain yang berkaitan;
- (v) Untuk memutuskan mengenai proses tender semula atau mencadangkan mana-mana kaedah perolehan lain, jika Lembaga Perolehan mendapati bahawa prosedur perolehan tidak mengikut peraturan-peraturan atau mengesyaki bahawa terdapat penyelewengan dalam proses tender;
- (vi) Untuk mempertimbangkan dan menerima tender yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa oleh sekurang-kurangnya majoriti mudah dan berada dalam had yang diluluskan;
- (vii) Untuk mempertimbangkan dan menerima sebarang sebutharga yang diperakui oleh Jawatankuasa Sebutharga yang melebihi had sebutharga; dan
- (viii) Untuk mempertimbangkan isu-isu perolehan lain sebagaimana yang ditakrifkan oleh Lembaga.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Kehadiran Mesyuarat Lembaga Perolehan

BIL.	NAMA	KEHADIRAN
1.	Dato' Mat Noor bin Nawi <i>Pengerusi</i> <i>(Bersara pada 6 Jun 2015)</i>	-
2.	Datuk Dr. Sundaran Annamalai <i>Pengerusi baharu</i> <i>(Dilantik pada 1 Oktober 2015)</i>	1/1
3.	Datuk Yeow Chin Kiong	1/1
4.	Wan Kamaruzaman bin Wan Ahmad	1/1

JAWATANKUASA INTEGRASI JPA-BPP

Jawatankuasa Integrasi JPA-BPP ditubuhkan untuk Lembaga mengawasi pengambilalihan dan perubahan kemajuan cadangan pengambilalihan operasi, pembayaran dan fungsi pentadbiran Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA.

Keahlian

Jawatankuasa Integrasi JPA-BPP terdiri daripada 3 orang ahli Lembaga, iaitu Pengerusi dan 2 orang anggota lain yang dilantik oleh Lembaga:

- (i) Dato' Azmi bin Abdullah – Pengerusi
- (ii) Datuk Yeow Chin Kiong – Ahli
- (iii) Datuk Azih bin Muda – Ahli

Tiga mesyuarat Jawatankuasa Imbuhan telah dijalankan sepanjang tahun 2015.

Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Integrasi BPP-JPA

Berikut adalah antara tugas-tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Integrasi BPP-JPA:

- (i) Memberi panduan mengenai hala tuju strategik projek;
- (ii) Mengkaji belanjawan kewangan, struktur organisasi dan projek program transformasi dan mencadangkan untuk kelulusan oleh Lembaga; dan
- (iii) Untuk memberi persetujuan untuk aktiviti integrasi dan transformasi projek.

KEHADIRAN MESYUARAT JAWATANKUASA INTEGRASI JPA-BPP

BIL.	NAMA	KEHADIRAN
1.	Dato' Azmi bin Abdullah <i>Pengerusi</i>	3/3
2.	Datuk Yeow Chin Kiong	2/3
3.	Datuk Azih bin Muda	3/3

Setelah pengambilalihan telah berjaya dilaksanakan, Lembaga bersetuju untuk membubarkan Jawatankuasa Integrasi JPA-BPP pada 27 November 2015.

PELANTIKAN DAN IMBUHAN AHLI LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan dilantik bagi tempoh tidak melebihi 3 tahun, dan pada tempoh tamatnya, mereka tidak layak untuk dilantik semula. Tempoh bagi semua ahli Lembaga dan Panel Pelaburan akan tamat pada 28 Februari 2016 kecuali Johari bin Abdul Muid dimana tempoh beliau akan tamat pada 28 Februari 2018. Imbuhan ahli Lembaga dan Panel Pelaburan ditentukan dari masa ke semasa, tertakluk kepada kelulusan Menteri Kewangan.

Pada tahun 2015, ahli Lembaga dan Panel Pelaburan menerima imbuhan masing-masing sebanyak RM353,568.00 dan RM333,100.00.

PENYATA KAWALAN DALAMAN

LAPORAN TAHUNAN 2015
KUMPULAN WANG PERSARAAN
(DIPERBADAKAN)

SEKSYEN 02
TADBIR URUS KORPORAT

TANGGUNGJAWAB

Lembaga menyedari tanggungjawabnya dalam menyemak dan mengekalkan sistem kawalan dalaman dan amalan pengurusan risiko untuk memastikan tadbir urus korporat yang baik. Kedua-dua elemen ini direka khas untuk mengurus dan mengurangkan risiko kepada ketahanan risiko yang boleh diguna pakai disamping mematuhi dasar, objektif dan mandat berkanun KWAP yang sedia ada.

Lembaga mengiktiraf kewujudan proses yang berterusan dalam menilai keberkesanan dan integriti sistem kawalan dalaman melalui pengenalpastian, penilaian dan pengurusan risiko yang dihadapi oleh KWAP. Memandangkan had yang wujud dalam semua sistem kawalan dalaman, sistem ini direka untuk mengurus dan bukannya menghapuskan risiko dalam kegagalan mencapai matlamat dan objektif KWAP, ia hanya memberi jaminan yang munasabah tetapi tidak mutlak terhadap salah nyata ketara, salah tadbir urus atau kerugian.

Sistem Pengawalan Dalaman disemak dan dikemaskini dari masa ke semasa, selaras dengan perubahan dinamik dalam persekitaran perniagaan dan profil risiko yang dihadapi oleh KWAP. Lembaga telah mengakui bahawa pihak pengurusan bertanggungjawab dalam melaksanakan dasar Lembaga, prosedur dan proses risiko dan kawalan.

Peranan pihak pengurusan merangkumi:

- Mengenalpasti dan menilai risiko yang berkaitan dalam mencapai objektif dan strategi KWAP;
- Menggubal dasar dan prosedur untuk mengurus risiko berkaitan;
- Merekabentuk, melaksana dan memantau sistem kawalan dalaman yang kukuh; dan
- Melaporkan kepada Lembaga tepat pada masanya mengenai sebarang perubahan kepada risiko dan tindakan pembetulan yang diambil.

Proses Kawalan Dalaman Utama

Proses kawalan dalaman utama yang diwujudkan untuk mengkaji kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman adalah seperti berikut:

• **Jawatankuasa Audit**

Ia adalah sebuah jawatankuasa di peringkat Lembaga yang ditugaskan untuk memastikan penggubalan, kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman, menyediakan pengawasan, penyata kewangan KWAP serta pelaksanaan tanggungjawab pengurusan.

Semua penemuan penting yang dibangkitkan oleh juruaudit dalaman, juruaudit luaran dan pihak ketiga yang dilantik dalam kajian khas dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit untuk kajian dan perbincangan. Jawatankuasa Audit sentiasa mengkaji dan memastikan pelaksanaan pelan tindakan pengurusan untuk menangani penemuan yang dibangkitkan.

• **Jawatankuasa Risiko**

Jawatankuasa Pengurusan Risiko adalah membantu Lembaga dalam melaksanakan fungsi pengurusan risiko serta penggubalan dan pelaksanaan strategi pengurusan risiko dan dasar. Dasar-dasar dan garis panduan ini menjadi asas bagi aktiviti-aktiviti pengurusan risiko di dalam KWAP. Antara cadangan mengenai dasar risiko pengurusan dan prosedur dan menentukan keinginan risiko, toleransi dan parameter kepada Lembaga untuk diterima pakai.

Pada peringkat Pengurusan, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Menyeluruh ditubuhkan untuk membantu Jawatankuasa Pengurusan Risiko dalam membincangkan strategi pengurusan risiko, dasar dan garis panduan sebelum kelulusan. Antara fungsinya adalah untuk mengkaji dan menilai pendedahan risiko KWAP dan membuat keputusan yang bersetujuan dalam kawalan pengurangan risiko. Jawatankuasa Pengurusan Risiko juga bertanggungjawab untuk memastikan ketersediaan infrastruktur, sumber dan sistem bagi pengurusan risiko yang berkesan.

• **Jawatankuasa Eksekutif**

Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) bertanggungjawab ke atas pelaksanaan dan penilaian serta komunikasi yang berkesan ke seluruh KWAP mengenai operasi utama dan keputusan pihak pengurusan.

PENYATA KAWALAN DALAMAN

- **Rangka Kerja Pengurusan Teknologi Maklumat (IT)**

Rangka Kerja Pengurusan Teknologi Maklumat (IT) baharu, yang diluluskan oleh Lembaga telah ditubuhkan untuk memberikan pihak berkepentingan jaminan bahawa urusan KWAP mendapat memanfaatkan IT untuk memberikan faedah optimum, kawalan dilaksanakan ke atas maklumat dan sumber IT, risiko berkaitan IT dan pengurusan Pematuhan.

Rangka kerja ini merangkumi tanggungjawab operasi IT utama seperti berikut:

1. Penubuhan Jawatankuasa Pemandu IT (ITSC) yang bertanggungjawab dalam memastikan tahap kecekapan yang tinggi dan berkesan dalam proses membuat keputusan tadbir urus IT seperti dalam Penajaran Strategik, Nilai Penghantaran, Pengurusan Sumber, Pengurusan Risiko dan Pengurusan Prestasi;
2. Rangka Kerja Pengurusan Risiko Keselamatan IT KWAP melibatkan pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) berdasarkan kepada standard ISO 27001:2005. Ia menetapkan keperluan untuk mewujudkan, melaksana, mengendali, memantau, mengkaji semula, mengekalkan dan menambahbaik dokumentasi ISMS dalam konteks risiko perniagaan secara menyeluruh organisasi;
3. Rangka Kerja Pengurusan Projek dan Pembekal IT telah menyediakan rangka kerja bagi Pengurusan untuk memulakan, merancang, melaksanakan, mengawal dan penyiapan projek IT serta mekanisme untuk memantau dan mengurus vendor IT KWAP.

- **Keselamatan Maklumat**

Selaras dengan keperluan ISMS, Lembaga telah meluluskan Dasar Keselamatan Maklumat yang mengandungi domain utama dalam mengurus dan mentadbir pengurusan keselamatan. Ini adalah untuk melindungi dan memelihara keselitan, integriti dan ketersediaan semua maklumat KWAP daripada potensi ancaman luaran dan dalaman, sengaja atau bersampiran yang boleh memberi kesan kepada KWAP.

- **Polisi dan Prosedur Dalaman**

Polisi, prosedur dan proses direkodkan dalam manual operasi dan garis panduan disemak secara berkala. Dokumen-dokumen ini digunakan untuk menentukan kepatuhan terhadap sistem kawalan dalaman.

- **Sumber Manusia**

Garis panduan yang baik bagi perekutan dan penamatan perkhidmatan warga kerja, mengelakkan konflik berkepentingan, pengisyiharan harta dan liabiliti, penilaian prestasi setengah tahunan dan tahunan serta program latihan dirangka bagi menjamin kecekapan, keupayaan dan prestasi warga kerja dalam melaksanakan tanggungjawab secara profesional.

- **Penilaian Prestasi**

Pelan perniagaan dan bajet tahunan KWAP disediakan dan dibentangkan kepada Lembaga bagi semakan dan kelulusan. Disamping itu, prestasi sebenar KWAP dibandingkan dengan pelan perniagaan dan bajet yang diluluskan setiap bulan, dan jika mempunyai perbezaan ketara, akan dijelaskan oleh Pengurusan kepada Lembaga.

- **Fungsi Audit Dalaman**

Jabatan Audit Dalaman KWAP telah melaksanakan pengurusan audit di bidang Pelaburan, Operasi dan Teknologi Maklumat selaras dengan pelan audit yang telah diluluskan bagi tahun 2014. Hasil daripada kajian luar dan tugas audit yang dijalankan telah dimasukkan dalam laporan audit yang mengetengahkan keberkesanan keseluruhan sistem kawalan dan kepentingan risiko dalaman dan tindak balas dalam pemulihan serta tindak balas pihak Pengurusan berkaitan dengan isu-isu audit, penemuan dan pemerhatian.

Antara tugas-tugas lain yang dijalankan oleh Jabatan Audit Dalaman adalah seperti berikut:-

- a) Mengambil bahagian sebagai pemerhati bebas dan menilai hasil latihan di dalam Latihan Pemulihan Bencana KWAP;
- b) Mengulas dasar, manual dan Piawaian Prosedur Operasi (SOP), memberi pendapat audit dari segi kawalan dalaman dan perspektif proses penambahbaikan; dan
- c) Menjalankan audit berkala susulan bagi isu-isu audit yang belum dibangkitkan oleh juruaudit dalaman dan luaran sehingga semua isu telah diselesaikan.

PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

LAPORAN TAHUNAN 2015
KUMPULAN WANG PERSARAAN
(DIPERBADAKAN)


SEKSYEN 02
TADBIR URUS KORPORAT

ULASAN

Dalam perjalanan yang berterusan untuk mencapai Misi dan Visinya, KWAP menyedari bahawa persekitaran perniagaan yang sentiasa berubah memaparkan pelbagai bentuk ancaman dan peluang. KWAP bertekad untuk maju ke hadapan, mengurus ancaman dan merebut peluang-peluang yang tepat untuk mencipta nilai dan mengekalkan modal di dalam apa jua bentuk. Pendekatan pengurusan risiko untuk menyokong inisiatif ini adalah melalui penggunaan Pengurusan Risiko Menyeluruh (ERM) sebagai strategi teras seluruh perusahaan. Pendekatan ini direka untuk mengenal pasti peristiwa yang berpotensi yang boleh menjelaskan entiti dan menguruskan penyata selera risiko, sekali gus menyediakan jaminan munasabah berhubung pencapaian objektif organisasi.

STRUKTUR TADBIR URUS PENGURUSAN RISIKO

Struktur Pengawasan Pengurusan Risiko Menyeluruh



Lembaga KWAP bertanggungjawab sepenuhnya di atas pengawasan dan pengurusan risiko KWAP. Lembaga, melalui Jawatankuasa Pengurusan Risiko adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pengawasan risiko di KWAP.

Antara tanggungjawab Pengurusan Risiko dan Pematuhan termasuk mengkaji dan memastikan kecukupan dasar dan prosedur pengurusan risiko, mengkaji pendedahan risiko, dan memastikan infrastruktur, sumber dan sistem untuk mentadbir aktiviti-aktiviti pengurusan risiko supaya berjalan dengan lancar.

Lembaga juga dibantu oleh Jawatankuasa Audit yang bertanggungjawab untuk memberi penilaian bebas terhadap kesempurnaan dan kebolehpercayaan proses pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman dan dasar pematuhan risiko dan keperluan peraturan. Ahli Lembaga juga disokong oleh Jawatankuasa Audit yang bertanggungjawab untuk memberi penilaian bebas mengenai kecukupan dan kebolehpercayaan proses-proses pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman, dan juga pematuhan kepada dasar risiko dan keperluan pengawalseliaan.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Menyeluruh dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, yang berfungsi sebagai satu platform di mana semua perkara berkaitan risiko, sama ada operasi atau pelaburan dibincangkan dan ditangani. Isu-isu kemudiannya dikemaskini kepada Lembaga Pengurusan Risiko untuk makluman dan keputusan, jika perlu.

Fungsi pengurusan risiko yang bebas dan berdedikasi, iaitu Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan; dan Jabatan Audit Dalaman bertanggungjawab memastikan rangka kerja pengurusan risiko dan dasar-dasar yang diluluskan, dilaksanakan dan dipatuhi. Mereka juga bertanggungjawab untuk mengendalikan proses pengurusan risiko dengan unit-unit operasi termasuk mengenalpasti, menilai, mengawal dan memantau.


Di barisan hadapan, unit operasi bertanggungjawab untuk mengenalpasti dan mengurus risiko dalam operasi mereka. Mereka bertanggungjawab untuk memastikan semua aktiviti harian yang dilakukan dalam rangka kerja yang mantap dan mematuhi dasar, prosedur dan had yang diluluskan.

PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO DAN DASAR

KWAP mempunyai Rangka Kerja Pengurusan Risiko Menyeluruh yang telah diformalisasikan, di mana ia disokong oleh dasar Pengurusan Risiko Menyeluruh untuk memudahkan pelaksanaan Pengurusan Risiko Menyeluruh. Pendekatan Pengurusan Risiko Menyeluruh adalah sejajar dengan Standard Pengurusan Risiko ISO 31000:2009.

Berikut adalah struktur bidang utama Rangka Kerja Pengurusan Risiko Menyeluruh:



Kawasan-kawasan utama dan rangka kerja kecil termasuk Rangka Kerja Pengurusan Risiko Operasi, Risiko Pasaran dan Risiko Kredit. Rangka-rangka kerja ini telah dibangunkan secara modular untuk memberi peruntukan saksama bagi pengasingan, kedalaman dan penjelasan risiko utama. KWAP mempunyai fleksibiliti untuk membangunkan rangka kerja kecil baharu bagi menangani risiko-risiko lain.

Risiko-risiko lain di luar kategori risiko menyeluruh (jika ada) ditangani melalui profil risiko korporat. Pengurusan risiko tersebut sering dilaksanakan melalui program-program pengurangan risiko yang kemudiannya disempurnakan dengan sewajarnya di KWAP.


Penambahan terbaru kepada Rangka Kerja Pengurusan Risiko Menyeluruh ialah Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kecairan yang dibangunkan secara berpandangan ke hadapan bagi menangani risiko yang akan menjadi lebih penting pada masa akan datang.

Penambahan terbaru kepada Rangka Kerja Pengurusan Risiko Operasi adalah Rangka Kerja Pengurusan Risiko Reputasi yang dibentuk untuk memastikan pendekatan yang jelas dan berterusan; dan metodologi pengurusan risiko reputasi di KWAP. Pelaksanaan rangka kerja itu hendaklah menyediakan risiko reputasi yang mempunyai keselesaan yang tinggi kepada pihak berkepentingan utama, iaitu Lembaga dan Panel Pelaburan dimana ia haruslah di uruskan dengan betul dan seimbang.

PENGURUSAN RISIKO OPERASI

Risiko operasi adalah risiko kerugian yang timbul daripada proses dalaman yang tidak mencukupi atau gagal, tenaga kerja dan sistem atau kejadian luaran. Melalui Laporan Kejadian Risiko Operasi, KWAP mampu untuk mengesan dan merakam kejadian kehilangan atau kejadian yang hampir terjadi di dalam operasi KWAP. Ia juga berfungsi sebagai saluran bagi manajemen jabatan berkaitan untuk bekerjasama berusaha ke arah menangani isu-isu risiko yang berkaitan dengan kejadian yang dilaporkan, dibantu oleh Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan.


Pada tahun 2015, tiada Laporan Kejadian Risiko Operasi yang memberi kesan kerugian operasi terhadap KWAP dilaporkan, kerana majoriti kejadian telah diperbetulkan secara tepat pada masanya. Laporan Kejadian Risiko Operasi dilaporkan termasuk dalam kategori peristiwa risiko tersebut:



PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN


Dalam menangani risiko operasi yang dilaporkan, langkah-langkah proaktif telah diambil seperti menjalankan kaji selidik ke atas proses-proses utama untuk memasukkan kawalan baharu dengan peranan yang lebih jelas dan bertanggungjawab bagi pihak yang terlibat. Carta berikut menunjukkan bilangan Laporan Kejadian Risiko Operasi 2015:

JUMLAH LAPORAN KAJIAN RISIKO OPERASI YANG DILAPORKAN (TAHAP IMPAK)



Sumber: Rekod tahun 2015

JUMLAH LAPORAN KEJADIAN RISIKO OPERASI YANG DILAPORKAN (JENIS)



Sumber: Rekod tahun 2015

Pengurusan Kesinambungan Perniagaan

Pengurusan Kesinambungan Perniagaan adalah salah satu keutamaan di KWAP. Sepanjang 2015, KWAP telah meneruskan pelaksanaan rangka kerja Pengurusan Kesinambungan Perniagaan dan bahagian yang dikenal pasti di mana penambahbaikan boleh dibuat untuk mengurangkan risiko gangguan operasi kritikal kepada keupayaan dan kecekapan dalaman.

Salah satu inisiatif utama ialah Latihan Pemulihan Bencana di mana KWAP diuji kemampuannya untuk pulih dari fungsi kritikal dalam masa yang ditentukan, seterusnya, memastikan kesinambungan operasi walau adanya gangguan. Pada tahun 2015, KWAP telah berjaya menjalankan:

- 2 Latihan Pemulihan Bencana (secara tidak langsung dan secara langsung);
- 1 Latihan Pemulihan Bencana Teknologi Maklumat secara mengejut (secara tidak langsung).

Latihan Pemulihan Bencana telah dipertingkatkan lagi dengan menggabungkan langkah-langkah kejutan atau senario tambahan untuk menilai keupayaan KWAP untuk mengendalikan bencana yang sebenar.

Latihan yang dijalankan memerlukan fungsi kritikal yang telah dikenalpasti untuk berjalan secara langsung di Pusat Pemulihan Bencana KWAP dan apabila siap dipulih kembali ke pejabat utama di Menara Yayasan Tun Razak. Kejayaan Latihan Pemulihan Bencana yang dijalankan secara langsung merupakan satu pencapaian besar bagi KWAP.

PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

PEMATUHAN

Fungsi pematuhan dalam organisasi memainkan peranan yang lebih penting sejak beberapa tahun kebelakangan ini disebabkan oleh sifat dan saiz kerugian kewangan dan kehilangan reputasi yang timbul daripada keingkaran pematuhan. Pematuhan berfungsi sebagai satu fungsi bebas yang mengenal pasti, menilai, menasihati, memantau dan melaporkan risiko pematuhan, iaitu, risiko undang-undang atau peraturan, kerugian kewangan, atau kehilangan reputasi organisasi yang boleh menjadi teruk akibat daripada kegagalan untuk mematuhi semua undang-undang, peraturan, kod etika dan piawaian atau amalan yang baik.

Objektif utama pematuhan adalah untuk mengekalkan reputasi KWAP untuk memastikan bahawa kedudukan kompetitif, reputasi dan nilai-nilai bersama bukan sahaja dikekalkan, malah dipertingkatkan. Bagi mencapai objektif, misi asas KWAP adalah untuk menilai secara berkesan dan menguruskan risiko pematuhan organisasi untuk memenuhi harapan semua pihak berkepentingan. Risiko pematuhan dalam KWAP ditakrifkan sebagai risiko gangguan di dalam model perniagaan organisasi, reputasi dan keadaan kewangan daripada kegagalan untuk memenuhi undang-undang dan peraturan-peraturan, dasar dan harapan pihak berkepentingan. Bagi memenuhi keperluan asas aspirasi Rangka Kerja Pematuhan yang telah dilaksanakan pada tahun 2010; di mana rangka fungsi pematuhan telah dibentuk. Dalam menguruskan pelancaran Rangka Kerja Pematuhan, Pematuhan telah menerima pakai model tiga barisan pertahanan dalam mengurus risiko pematuhan di KWAP.

Selain daripada itu, Pegawai Perhubungan Pematuhan telah dilantik di setiap jabatan untuk bertindak sebagai pusat rujukan dalam mana-mana isu tentang ketidakpatuhan dan memastikan bahawa jabatan mereka sentiasa dimaklumkan jika ada pelaksanaan dasar-dasar dan garis panduan baru. Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan membentuk barisan

kedua pertahanan. Fungsi pematuhan mempunyai peranan penting dalam struktur kawalan mereka. Ini termasuk membantu perniagaan untuk menjangka keperluan dasar kawal selia atau polisi dalaman, meneliti dan menilai potensi risiko pematuhan dan memastikan perniagaan peka dalam melaksanakan tanggungjawab harian. Barisan ketiga pertahanan ialah audit dalaman yang menjalankan ulasan ex-post bebas dan kerap bagi keseluruhan kawalan dalaman organisasi serta risiko dan pematuhan kepada keperluan pengawalseliaan.

Skop Pematuhan

a) Pematuhan Kawal Selia

Ia meliputi peraturan-peraturan dan garis panduan di mana KWAP terikat untuk mematuhi Akta Parliment berkaitan, ketetapan Menteri Kewangan dan garis panduan berkaitan dengan badan-badan pengawal seliaan seperti Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Malaysia. Pemilikan pengawal seliaan tertakluk kepada unit operasi yang berkaitan pada peringkat transaksi atau operasi, jika terdapat potensi pelanggaran pematuhan, hendaklah dikenalpasti terlebih dahulu sebelum ia berlaku. Pendekatan proaktif telah diterima pakai sebagai pengawal seliaan kepatuhan bukanlah suatu pilihan.

b) Pematuhan Dalaman

Ini meliputi pematuhan kepada dasar dan garis panduan, sebagai contoh, Dasar dan Garis Panduan Pelaburan, Had Kuasa Budi Bicara dan Piawaian Prosedur Operasi. Pendekatan jabatan dalam memastikan pematuhan dalaman dapat dikekalkan melalui kawalan had risiko dalam sistem pelaburan dan kawalan proses operasi yang diterima pakai dalam Piawaian Prosedur Operasi.


Proses Pematuhan

Aktiviti-aktiviti pematuhan saling berkait rapat dengan perkembangan pematuhan di peringkat global, keperluan undang-undang sedia ada serta dasar dan prosedur KWAP. Carta berikut menunjukkan proses pematuhan dan pendekatan am yang diambil dalam pengurusan risiko pematuhan.

PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

LAPORAN TAHUNAN 2015
KUMPULAN WANG PERSARAAN
(DIPERBADAKAN)

SEKSYEN 02
TADBIR URUS KORPORAT



Nilai Pematuhan

Apabila model perniagaan berubah, teknologi baharu muncul dan peningkatan kelas aset pelaburan baharu di tengah-tengah tumpuan sengit pada kecekapan operasi, KWAP tidak pernah lebih terdedah kepada apa-apa kepelbagaiaan risiko. Dalam hal ini, Lembaga dan Pengurusan Kanan KWAP telah melanjutkan sokongan dan kerjasama sepenuhnya bagi menggerakkan pematuhan kepada barisan hadapan. Ini telah dilaksanakan dengan mewujudkan nada dari atas, dengan erti kata lain, mematuhi segala peraturan-peraturan dan mengambil kira kelakuan yang beretika. Semua tenaga kerja KWAP menyedari bahawa Lembaga dan Pengurusan Kanan harus mengambil pendirian tanpa kompromi jika amanah dilanggar. Unit Pematuhan menjadi titik rujukan dan penasihat strategi utama bagi inisiatif yang diusahakan oleh KWAP.

Penembusan berkesan budaya pematuhan yang wajar ke dalam semua unit perniagaan dan operasi telah meningkatkan kewujudan umum penting dan memudahkan lagi pengesahan awal risiko pematuhan. Ini menyebabkan tindakan pengurangan risiko pematuhan lebih cepat dijalankan. KWAP mengakui bahawa budaya pematuhan yang kukuh adalah asas bagi amalan pematuhan yang baik dan adalah penting ia dijadikan sifat intrinsik organisasi.

Budaya pematuhan juga diluaskan kepada pengurus dana luar (EFM). Pengurus dana luar kami dikehendaki mengisyaitar kepada kami pada setiap tahun bahawa semua garis panduan pelaburan KWAP diterima pakai pada sistem pelaburan mereka. Ini adalah untuk memastikan bahawa EFM sentiasa mematuhi garis panduan yang dikuatkuasa ke atas mereka.

Dasar Tembok China

KWAP membangunkan dan melaksanakan Dasar Tembok China pada tahun 2014. Dasar Tembok China telah diperkenalkan untuk mewujudkan prosedur mengawal aliran maklumat bukan untuk umum dan maklumat harga sensitif di dalam KWAP untuk mengurangkan risiko dagangan dalaman dan potensi pelanggaran undang-undang dan peraturan-peraturan. Ia juga membantu bagi memastikan bahawa pemilikan maklumat bukan untuk umum dan harga sensitif tidak menimbulkan risiko atau risiko percanggahan tanggapan antara kepentingan awam, kepentingan KWAP dan kepentingan peribadi warga kerja. Tadbir urus yang ditetapkan dalam dasar ini menggariskan cara bagi mengelak berlakunya kebocoran maklumat sekali gus mengelakkan ketidakadilan dalam mengambil kesempatan terhadap keuntungan atau mengurangkan kerugian sebelum masyarakat umum memperoleh maklumat tersebut.

PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

PENGURUSAN RISIKO PASARAN

Risiko pasaran KWAP berkaitan dengan risiko kerugian yang tidak dijangka disebabkan oleh perubahan negatif dalam nilai pegangan aset yang timbul daripada pergerakan dalam kadar pasaran atau harga. Carta seterusnya menggambarkan kategori risiko asas di bawah risiko pasaran. Pemacu utama di dalam risiko pasaran KWAP terutamanya Risiko Kadar Faedah, Risiko Ekuiti, Risiko Mata Wang dan Risiko Penyebaran Kredit.


Terdapat 3 kelas aset utama yang merangkumi pelaburan KWAP di mana 83.40% jumlah risiko disumbangkan oleh ekuiti, diikuti dengan 9.04% dalam pendapatan tetap dan 7.56% dalam pelaburan alternatif (ekuiti persendirian dan harta tanah) seperti gambar rajah yang berikut:

JUMLAH SUMBANGAN RISIKO MENGIKUT KELAS ASET PADA 31 DISEMBER 2015




Sistem risiko pasaran KWAP yang menggunakan model multifaktor canggih menunjukkan bahawa 3 risiko portfolio bahagian adalah dari risiko industri (71%) yang berteraskan ekuiti, risiko struktur termal (9.90%). Pendapatan tetap dan risiko pemilihan (4.94%). Risiko idiosinkratik hanya sedikit atau tiada kaitan dengan risiko pasaran. Kedua-dua interaksi faktor interaksi dan pasaran/mata wang adalah positif, ini bermakna bahawa pelaburan KWAP sehingga 31 Disember 2015 secara amnya positif diantara sekuriti yang berbeza kelas aset untuk dan pasaran.

PERATUS PORTFOLIO RISIKO PADA 31 DISEMBER 2015



Langkah utama risiko pasaran digunakan dalam KWAP adalah Nilai-pada-Risiko. KWAP kini mengukur Nilai-pada-Risiko (VaR) sebagai kerugian yang mungkin boleh berlaku pada 5% kebarangkalian, sepanjang tempoh perdagangan 10 hari. Secara keseluruhan, Nilai pada-Risiko KWAP adalah pada purata 1.42% daripada nilai pasaran dana. Dalam erti kata lain, untuk tempoh 2 minggu, terdapat kebarangkalian 95% bahawa KWAP tidak akan kehilangan lebih dari 1.42% daripada nilai pasaran dana akibat risiko pasaran, seperti yang digambarkan pada gambar rajah berikut:

JUMLAH NILAI PORTFOLIO RISIKO PADA 31 DISEMBER 2015



● VaR Relatif (%) ● VaR Tetap (RM Bilion)

KWAP juga mengukur ketidaktentuan portfolio, yang didefinisikan sebagai kepelbagai ramalan perubahan portfolio bagi tempoh masa 1 tahun, berdasarkan 1 Sisihan Piawai atau 68% kebarangkalian. Secara purata, ketidaktentuan portfolio KWAP adalah $\pm 4.34\%$. Model ini meramalkan bahawa portfolio boleh meningkatkan atau mengurangkan nilai $\pm 4.34\%$ dalam masa 1 tahun. Semakin tinggi angkanya, semakin tidak menentu portfolio, semakin menjadi lebih berisiko.

Carta seterusnya menunjukkan bahawa portfolio menunjukkan kenaikan pada kebarangkalian jumlah portfolio pada bulan September hingga Disember 2015 yang menunjukkan kegawatan dalam pasaran global dalam tempoh tersebut.

JUMLAH KEBARANGKALIAN PORTFOLIO PADA 2015




PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

Di samping itu, pemantauan dan pemahaman mengenai ketidaktentuan portfolio telah dipertingkatkan dengan menambah langkah-langkah pulangan risiko seperti Nisbah Sharpe yang ditunjukkan di dalam carta yang seterusnya. Nisbah ini mengukur pulangan yang berlebihan (bagi setiap unit risiko) dalam aset pelaburan.

NISBAH SHARPE KWAP BAGI TAHUN 2015

Sharpe (%)




Purata setahun Nisbah Sharpe KWAP adalah pada 0.48% setakat 31 Disember 2015. Secara keseluruhan, portfolio KWAP berjaya menambah nilai dengan 48 mata asas berbanding kadar bebas risiko, iaitu 3 bulan KLIBOR. Nisbah Sharpe negatif dari Ogos 2015 hingga November 2015 menunjukkan prestasi yang kurang memberangsangkan dalam keseluruhan pendapatan tetap dan pasaran ekuiti pada masa itu berikutan aliran berita negatif dalam pasaran global.

PENDEDAHAN RISIKO EKUITI

Portfolio ekuiti adalah 35.77% daripada jumlah nilai pasaran. Secara keseluruhan, VaR KWAP adalah 3.48% daripada nilai pasaran portfolio ekuiti, dimana kemungkinan kerugian sebanyak 3.48% daripada nilai portfolio dalam tempoh 2 minggu dengan mengandaikan 95% tempoh keyakinan seperti yang ditunjukkan dalam carta yang berikut.

KADAR RISIKO BULANAN TAHUN 2015

Var Relatif (%)



● VaR Relatif (%)

● VaR Tetap (RM'Bilion)


Tracking Error

Tracking error (juga dikenali sebagai risiko aktif) adalah ukuran sisaan daripada penanda aras; sebagai contoh, dana indeks itu akan mempunyai tracking error hampir sifar (0), manakala portfolio yang diurus secara aktif biasanya akan mempunyai tracking error yang lebih tinggi.

Tracking error bagi portfolio ekuiti KWAP telah menurun sejak awal tahun dan berada pada 2.68% pada akhir Disember 2015.

TRACKING ERROR - PENGURUS DANA EKUITI DALAMAN DAN LUARAN DOMESTIK PADA 2015


Tracking Error (%)



Tracking error sejak penubuhannya untuk portfolio ekuiti antarabangsa KWAP stabil sepanjang tahun dan berada pada 8.51% pada akhir bulan Disember 2015. Tracking error ekuiti antarabangsa adalah lebih tinggi daripada dalaman disebabkan oleh mandat yang agak kecil dan berkelompok berbanding dengan penanda aras masing-masing seperti yang ditunjukkan dalam carta berikut.

TRACKING ERROR - PENGURUS EKUITI DALAMAN DAN LUARAN ANTARABANGSA PADA 2015

Tracking Error (%)



● Dalam (Antarabangsa) ● Luaran (Antarabangsa)


PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

Korelasi

Korelasi mengukur jarak pergerakan portfolio adalah dengan menggunakan penanda aras manakala Beta menganggarkan kuantum pergerakan tersebut.


Korelasi untuk penanda aras (FBM100) adalah agak tinggi bagi keseluruhan tahun dengan purata 0.96 manakala Beta adalah pada purata 0.94 seperti yang ditunjukkan pada carta seterusnya. Korelasi dan beta yang terletak hampir kepada 1 menunjukkan bahawa KWAP mempunyai portfolio pertahanan dan ia adalah kurang ketidaktentuan berbanding penanda aras.

BETA DAN KOLERASI BULANAN PADA 2015



Carta seterusnya menunjukkan pendedahan sektor ekuiti KWAP berbanding indeks FBM100. Setakat 31 Disember 2015, 3 sektor utama tertinggi *overweight* adalah produk perindustrian, utiliti dan kewangan, manakala 3 sektor utama tertinggi *underweight* adalah tenaga dan penjagaan kesihatan.

WAJARAN DOMESTIK DALAMAN BERBANDING PENANDA ARAS WAJARAN KWAP



Ujian Tekanan

KWAP juga menjalankan Ujian Tekanan secara berkala pada portfolio dalam pelbagai senario berdasarkan asas sejarah dan pada masa akan datang. Keputusan yang dikaji, dianalisis dan dinilai adalah untuk memberi gambaran terhadap kelemahan portfolio.

Keputusan Ujian Tekanan adalah seperti berikut:-


5 SENARIO PALING TERUK

SENARIO	P&L
1997 - 1998 Krisis Kewangan Asian P&L	-53.74%
1997 - 1999 Kejatuhan Harga Minyak P&L	-48.39%
1972 - 1974 Krisis Minyak (Dis. hingga Sep.) P&L	-43.55%
1987 Pasaran Merudum (Ogos hingga Nov.) P&L	-37.99%
2008 Julai - Januari P&L	-26.44%

PENDEDADAHAN RISIKO PENDAPATAN TETAP

Portfolio pendapatan tetap [Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM)/Instrumen Pelaburan Kerajaan (IPK)] adalah 58.83% daripada jumlah nilai pasaran portfolio dan pasaran mata wang sehingga 31 Disember 2015, VaR pendapatan tetap KWAP adalah dengan kemungkinan kerugian 0.69% daripada nilai portfolio dalam tempoh 2 minggu dengan pengandaian 95% berselang keyakinan.

NILAI RISIKO BULANAN PADA 2015



● Var Relatif ● Var Tetap

PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

Modified Duration


Modified Duration mengikut konsep dimana kadar faedah dan harga bon bergerak ke arah yang bertentangan. Ia merupakan analisis sensitiviti yang digunakan untuk menentukan kesan perubahan 100-mata-asas (1%) dalam perubahan kadar faedah pada harga bon.

Secara purata, *Modified Duration* KWAP dalam kedua-dua IPK/GII dan SHP melebihi *Modified Duration* bagi penanda aras masing-masing pada 7.29 berbanding penanda aras Quantshop SKM All Index iaitu pada 5.32 manakala portfolio SHP pada 5.07 berbanding penanda aras Quantshop Corp (Medium) pada 4.45, seperti yang dinyatakan dalam kedua-dua gambar rajah berikut.

Ini bermaksud, jika kadar berubah sebanyak 100 mata asas, nilai portfolio akan berubah kira-kira 7.29% untuk SKM dan 5.07% bagi SHP. Ini adalah kerana portfolio pegangan KWAP yang mempunyai tempoh yang lebih lama dan lebih sensitif pada pergerakan kadar faedah berbanding penanda aras. Tempoh yang lebih tinggi ini selaras dengan strategi pelaburan dan ketahanan risiko kami sebagai pelabur jangka panjang.

MODIFIED DURATION SKM DAN QUASI KERAJAAN DALAMAN BERBANDING PENANDA ARAS PADA 2015

Modified Duration



MODIFIED DURATION SHP DALAMAN VS PENANDA ARAS PADA 2015


Modified Duration



Secara keseluruhannya, SKM dan Bon Kuasi Kerajaan dan tempoh kadar utama SHP berlebihan pada 5 tahun ke 10 tahun kematanan sekuriti, seperti yang ditunjukkan dalam rajah berikut.

TEMPOH KADAR UTAMA PENDAPATAN TETAP PADA 31 DISEMBER 2015

Kadar Tempoh Utama




Tracking Error

Tracking error sejak penubuhan portfolio pendapatan tetap dalaman dan luaran domestik kekal stabil pada 1.59% dan 1.01%.

Carta-carta berikut menunjukkan bahawa portfolio memperkenan peningkatan mendadak pada kenaikan dan penurunan bulan September sehingga Disember 2015 mencerminkan kegawatan dalam pasaran global pada tempoh itu, terutamanya pada jangka pengumuman kenaikan kadar di Amerika Syarikat.

JUMLAH TRACKING ERROR PENDAPATAN TETAP DOMESTIK DALAMAN PADA 2015


Peratus (%)



PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

JUMLAH TRACKING ERROR PENDAPATAN TETAP DOMESTIK LUARAN 2015


Peratus (%)



Tracking error sejak penubuhan portfolio pendapatan tetap dalaman dan luaran antarabangsa kekal stabil pada 7.63% dan 4.48%, seperti yang ditunjukkan dalam carta yang berikut.


JUMLAH TRACKING ERROR PENDAPATAN TETAP ANTARABANGSA DALAMAN 2015

Peratus (%)



JUMLAH TRACKING ERROR PENDAPATAN TETAP ANTARABANGSA LUARAN 2015

Peratus (%)



Ujian Tekanan

KWAP juga menjalankan Ujian Tekanan secara berkala pada portfolio dalaman SHP dan IPK pada tahun 2015.

Berdasarkan peristiwa-peristiwa bersejarah, 5 senario paling buruk adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual berikut.

5 SENARIO PALING TERUK

SENARIO	P&L
2009 Januari - Mac P&L	-1.19%
1997-1999 Kejatuhan Harga Minyak P&L	-0.57%
2007 - 2008 Kenaikan Harga Minyak P&L	-0.51%
2011 Pergolakan di Mesir P&L	-0.44%
1997-1998 Krisis Kewangan Asian P&L	-0.35%

Kerugian adalah lebih kecil berbanding dengan ekuiti kerana bon antarabangsa hanya 2.75% daripada jumlah dana KWAP dan pasaran bon domestik yang lebih kebal daripada kesan senario global.

PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

PENDEDAHAN RISIKO PELABURAN ALTERNATIF

Pada Disember 2015, anggaran pelaburan KWAP dalam pelaburan alternatif adalah sebanyak 5.40% iaitu hartaanah, ekuiti persendirian, infrastruktur dan dana ekuiti persendirian.

Hartaanah (Domestik dan Antarabangsa)

Pada tahun 2015, KWAP memperluaskan kegiatan pembelian hartaanah dalam pasaran negara, selain daripada pelaburan di Australia dan United Kingdom. KWAP juga meneroka tanah pembangunan di Australia dan mempelbagaikan pendedahan risiko kepada pusat membeli-belah selain daripada bangunan pejabat. Hartaanah-hartaanah ini dilaburkan terutamanya untuk hasil sewa dan berjangka panjang; oleh itu risikonya adalah struktur dan bukan transaksi. Selain terdedah kepada pergerakan dalam harga hartaanah, pengurusan pajakan seawan adalah penting untuk mengekalkan aliran pendapatan yang stabil.

Dana Ekuiti Persendirian (Domestik dan Antarabangsa), Infrastruktur (Antarabangsa) dan Pelaburan Terus (Domestik)

Dengan mengambil kira strategi ekuiti persendirian KWAP dan sasaran kemantangan, pengurusan risiko ekuiti persendirian tertumpu kepada penilaian pra-pelantikan pengurus dana dan strategi pelaburannya. Aktiviti selepas pelantikan tertumpu kepada pengurusan risiko operasi dan pemantauan dana itu sendiri dan potensi risiko yang berkemungkinan terjadi jika berlaku hapis kira atau kerugian.

Produk Derivatif dan Berstruktur


Pelbagai kontrak derivatif turut digunakan untuk mengurus pendedahan risiko pasaran. Instrumennya adalah pertukaran Mata Wang Bersilang dan Kadar Faedah Bersilang (IRS), Pinjaman dan Pertukaran Mata Wang Asing Kehadapan, yang terutamanya digunakan untuk melindung nilai pendedahan bukan ringgit dalam pelaburan antarabangsa.

Pendedahan Antarabangsa

Risiko Matawang


Pendedahan risiko mata wang dalam pelaburan antarabangsa kini berada pada kadar 11.80% daripada jumlah pelaburan setakat 31 Disember 2015.

PERATUS PELABURAN MATA WANG KWAP PADA 2015




Pendedahan mata wang utama yang teratas adalah USD, GBP, AUD dan EUR pada 31 Disember 2015, seperti yang digambarkan dibawah.

PENDEDAHAN NILAI PASARAN (RINGGIT MALAYSIA) MENGIKUT MANDAT PERTUKARAN WANG PADA 2015



Carta berikut menunjukkan bahagian kelas-kelas aset yang berbeza dalam pelaburan antarabangsa.

PERATUS PELABURAN ANTARABANGSA MENGIKUT KELAS-KELAS ASET




PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

PENGURUSAN RISIKO KREDIT

Risiko kredit ditakrifkan sebagai potensi peminjam atau pihak yang gagal memenuhi tanggungjawab kewangan mengikut terma yang dipersetujui. KWAP memainkan peranan aktif di dalam pendapatan tetap domestik dan pasaran wang dengan penglibatan dalam kedua-dua pasaran utama dan sekunder yang memerlukan dasar risiko kredit yang kukuh untuk menguruskan risiko ini. Amalan terbaik industri dipupuk melalui pengemaskinian dasar dan proses risiko kredit berterusan.


Tujuan pengurusan risiko kredit adalah untuk memastikan pendedahan risiko kredit berada di tahap yang boleh diterima pakai dan untuk memastikan pulangan yang bersesuaian dengan risiko yang diambil. Rangka Kerja Risiko Kredit dan Garis Panduan Risiko Kredit telah diperkenalkan pada KWAP untuk memformalkan fungsi risiko kredit yang meliputi pengurusan risiko kredit, penilaian risiko dan pemantauan.



Untuk mengurus pendedahan risiko kredit KWAP, beberapa siri had risiko kredit dan Pengurusan Tindakan Pencecut (MAT) telah diletakkan seperti yang berikut:

PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

SEKSYEN 02
TADBIR URUS KORPORAT




Had kredit direka sama ada untuk menyekat pendedahan risiko terhadap kelas aset tertentu atau kelas aset kecil atau menyekat pendedahan untuk satu entiti atau penerbit.

Sebaliknya, Pengurusan Tindakan Pencetus adalah pencetus untuk memberi jaminan pengkajian semula pengurusan dan penilaian semula pendedahan risiko yang diiringi.

KWAP menggunakan Kredit Nilai-pada-Risiko (Kredit VaR) antara lain sebagai kaedah untuk mengukur risiko kredit. Ia adalah ukuran potensi maksimum perubahan nilai portfolio instrumen kewangan dengan kebarangkalian yang diberikan pada sesuatu tempoh yang ditetapkan. Sistem kuantifikasi risiko kredit digunakan untuk memantau komposisi keseluruhan dan kualiti portfolio kredit dengan menyediakan maklumat dan teknik analisis yang mencukupi.

PORTFOLIO PENDAPATAN TETAP KWAP PADA 31 DISEMBER 2015



- Hutang Antarabangsa
- Pasaran Mata Wang
- Pinjaman
- Sekuriti Hutang
- SKM & Bon Quasi Persendirian

Carta ini menunjukkan pendedahan pendapatan tetap KWAP, di mana 41.58% dilaburkan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) dan Bon Quasi Kerajaan, 28.56% dalam Sekuriti Hutang Swasta (SHP), 16.85% dalam Pinjaman dan 8.34% dalam Pasaran Matawang. Manakala baki sebanyak 4.67% adalah dalam Hutang Antarabangsa.

RINGKASAN AMALAN ETIKA: TATAKELAKUAN

KWAP komited untuk mengekalkan kejujuran, integriti dan pertanggungjawaban pada tahap tertinggi dalam perniagaan dan operasinya. Ia bertekad untuk mengekalkan standard ini di kalangan warga kerja dan memastikan bahawa kepentingan organisasi sentiasa diutamakan.

Sebagai kustodian dan pengurus dana persaraan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 3 Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662), aset utama KWAP adalah integriti dan reputasinya dalam tatacara profesional dan beretika dalam menjalankan semua aktiviti perniagaan dan urusannya. Kewibawaan organisasi ini dan keyakinan pihak berkepentingan terhadapnya menjadi tonggak utama kejayaannya.

KWAP komited untuk mengekalkan kejujuran, integriti dan pertanggungjawaban pada tahap tertinggi dalam perniagaan dan operasinya. Ia bertekad untuk mengekalkan standard ini di kalangan warga kerja dan memastikan bahawa kepentingan organisasi sentiasa diutamakan.

Sebagai sebuah badan berkanun, KWAP menerima pakai Akta Badan Berkanun (Disiplin dan Tambahan) 2000 sebagai sebahagian daripada Terma dan Syarat Pekerjaannya kepada semua kakitangan yang membentuk Kod Etika dan Tatacara KWAP. Kod tersebut bermatlamat menyemai kesedaran tentang standard tatacara di kalangan warga kerja dan menggariskan prinsip-prinsip mereka dalam melaksanakan tugas mereka. Dengan Kod ini, KWAP dapat membentuk persekitaran korporat yang sihat dan profesional.

Sebagai sebuah Badan Berkanun,



KWAP menerima pakai

Akta 2000 (Disiplin dan Surcaj)

Badan Berkanun

sebagai sebahagian daripada

Terma dan Syarat Pekerjaan untuk

semua tenaga kerja yang membentuk



Kod Etika dan Tingkah Laku KWAP (kod).

RINGKASAN AMALAN ETIKA: KENYATAAN KEPERLUAN RISIKO

LAPORAN TAHUNAN 2015
KUMPULAN WANG PERSARAAN
(DIPERBADANKAN)

SEKSYEN 02
TADBIR URUS KORPORAT

Salah satu pencapaian utama KWAP pada tahun 2015 adalah kelulusan Penyata Keperluan Risiko oleh Lembaga. Selaras dengan amalan terbaik industri, Penyata Keperluan Risiko KWAP telah diluluskan pada bulan Mei 2015 selepas penyelidikan meluas dan proses perundingan yang telah diadakan pada tahun 2014.

Penyata Keperluan Risiko ditakrifkan sebagai sikap Lembaga mengambil risiko secara menyeluruh dan bagaimana ia berkaitan dengan jangkaan pihak berkepentingan. Ia telah dinyatakan secara meluas, dalam konteks keupayaan objektif untuk mengambil risiko dan tahap toleransi risiko.

Sesebuah Penyata Risiko adalah penting kepada organisasi kerana ia menentukan tahap komitmen dan garis sempadan pihak Pengurusan di mana organisasi beroperasi, dan membimbing organisasi dalam membuat keputusan dengan menerapkan kesedaran risiko dan toleransi risiko ke dalam DNA operasi organisasi.

Di masa yang sama, KWAP berusaha menjadi Organisasi Berprestasi Tinggi, Lembaga mengakui bahawa keperluan pihak-pihak berkepentingan, terutamanya kerajaan dan pesara yang memerlukan sebuah organisasi mengamalkan pengurusan risiko yang berhemah dalam aktiviti pelaburan dan bukan pelaburannya.

Di masa yang sama,

KWAP berusaha untuk
menjadi Organisasi Prestasi Tinggi



Lembaga mengakui bahawa
keperluan pihak berkepentingan,

terutama kerajaan dan pesara yang
memerlukan sebuah organisasi mengamalkan pengurusan risiko
yang berhemah dalam aktiviti

pelaburan &
bukan pelaburannya

RINGKASAN AMALAN ETIKA: KENYATAAN KEPERLUAN RISIKO

PRINSIP DAN PENYATA KETAHANAN RISIKO KWAP

1. Lembaga mengakui bahawa matlamat jangka panjang KWAP adalah untuk memenuhi liabiliti pencen kerajaan dan menyokong penyelidikan tambahan dan dialog dengan penaja pelan tentang bagaimana matlamat ini boleh dicapai.
2. Lembaga mempunyai tanggungjawab pengawasan umum dan risiko yang diambil KWAP. Walaupun keputusan pelaburan diambil oleh Panel Pelaburan, tanggungjawab ke atas tahap keseluruhan risiko yang dijalankan oleh KWAP adalah di bawah bidang kuasa Lembaga. Panel Pelaburan KWAP dan Pengurusan Kanan akan mengambil tahu mengenainya apabila sesuatu aktiviti dijalankan.
3. Lembaga memberi pendapat dan menyatakan tahap risiko ini melalui Penyata Ketahanan Risiko ini. Ia dibentangkan berdasarkan tahap tinggi, luas, prinsip, menyokong sesuatu yang kompleks, pelbagai rupa, dinamik dan bertindih sifat risiko dalam KWAP.
4. Lembaga mengakui bahawa terdapat keperluan untuk menguruskan pelaburan KWAP secara aktif dengan objektif untuk mengembangkan saiz dana dan mencapai pulangan risiko terlaras yang mampan ke atas pelaburan di samping memastikan keselamatan dan kecairan yang mencukupi dalam portfolio pelaburan. Ini dapat dicapai melalui strategi pelaburan yang dinamik seimbang dengan amalan pengurusan risiko yang mantap.
5. Lembaga mengakui bahawa ada kesediaan dan keupayaan untuk mengambil risiko. Tahap risiko KWAP adalah bersedia untuk pertimbangkan strategi objektif, jangkaan pihak berkepentingan, matlamat kewangan dan strategi pampasan KWAP. Ini dinilai dan dipertimbangkan dalam Alokasi Aset Strategik KWAP, Strategi Pelaburan dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko.
6. Lembaga mengakui keperluan untuk mengimbangi jangkaan pulangan dan keperluan risiko. Semakin tinggi kuantum pulangan dijangka daripada pelaburan, semakin tinggi risiko untuk tidak memenuhi keperluan pulangan. Risiko-risiko ini perlu dilaporkan kepada Lembaga dan Panel Pelaburan secara berkala.
7. Lembaga menyatakan bahawa:
 - KWAP hendaklah hanya mengambil risiko ke atas apa yang boleh menilai dan mengurus pada tahap yang munasabah dan selesa;
 - oleh itu risiko tersebut, secara agregat, dalam pada perjalanan perniagaan biasa, tidak menyebabkan KWAP, kerugian besar atau merugikan dari segi kewangan atau material; dan
 - menyebabkan Dana gagal memenuhi objektif strategiknya.
8. Pilihan kelas aset KWAP, strategi pelaburan dan instrumen pelaburan yang berpandukan prinsip-prinsip utama berikut:
 - keyakinan agak tinggi dari segi keselamatan aset;
 - kecairan yang banyak dalam aset atau portfolio aset;
 - pulangan pelaburan munasabah dengan risiko terlaras.
9. Jenis dan tahap risiko utama adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rangka Kerja Pengurusan Risiko KWAP. Kelas-kelas risiko utama yang dikenal pasti dan dinyatakan secara khusus adalah:
 - Risiko Strategik;
 - Risiko Pasaran;
 - Risiko Kredit;
 - Risiko Operasi;
 - Risiko Pematuhan;
 - Risiko Kecairan; dan
 - Risiko Reputasi.
 Risiko yang lain masih diiktiraf dan diuruskan melalui program-program khusus.
10. Keupayaan KWAP untuk mengambil risiko dan tahap risiko perlu diambil kira keupayaan dalam untuk mengurus risiko-risiko ini. KWAP perlu berusaha secara berterusan untuk meningkatkan keupayaan dan mengembangkan kapasiti melalui peningkatan kemahiran, pengetahuan, teknologi dan sumber-sumber lain.

RINGKASAN AMALAN ETIKA:

POLISI TIADA HADIAH

LAPORAN TAHUNAN 2015
KUMPULAN WANG PERSARAAN
(DIPERBADANKAN)

SEKSYEN 02
TADBIR URUS KORPORAT

Polisi Tiada Hadiah diwujudkan bagi mentadbir dan membimbing para tenaga kerja KWAP dalam urusan mereka dengan pihak luar. KWAP berpegang teguh pada amalan tadbir urus korporat yang baik dan mengekalkan amalan-amalan terbaik dalam urusan perniagaan pada setiap masa. Pelaksanaan Polisi Tiada Hadiah juga dapat mencegah tenaga kerja daripada terlibat dalam gejalan rasuah dan konflik berkepentingan yang boleh mengurangkan kredibiliti dan integriti KWAP.

Syarat-syarat yang digariskan dalam Dasar Tiada Hadiah menunjukkan bahawa tenaga kerja tidak boleh menerima atau menawarkan, dan tidak membenarkan ahli-ahli keluarganya yang terdekat untuk menerima atau menawarkan bagi pihaknya hadiah atau peruntukan faedah lain termasuk layanan hiburan daripada atau kepada pihak luar, kerana ini boleh meletakkan tenaga kerja dalam kedudukan dimana pertimbangan perniagaan seseorang adalah bebas dari berprasangka.

Di samping itu, dasar ini juga diperluaskan kepada semua bentuk hadiah perayaan atau apa-apa yang diterima semasa musim perayaan.

Berkenaan perkara di atas, tenaga kerja perlulah mengisi borang pengisyntiharan Penerimaan Hadiah/Hiburan yang boleh didapati di Jabatan Sumber Manusia dan borang tersebut hendaklah mendapat pengesahan daripada Ketua Jabatan atau Ketua Pegawai Eksekutif KWAP.

Terma yang digariskan dalam Polisi Tiada Hadiah menyatakan



“tenaga kerja tidak dibenarkan menerima atau menawar, dan tidak membenarkan ahli keluarga terdekat untuk menerima atau menawarkan sebarang hadiah atau peruntukan faedah lain termasuk layanan hiburan bagi pihaknya”

Kerana ini berkemungkinan akan meletakkan tenaga kerja dalam keadaan dimana pertimbangan akaun perniagaannya mungkin terjejas.

INISIATIVE TADBIR URUS BAHARU

AKTIVISME PEMEGANG SAHAM

Lawatan Pengurusan

Pada tahun 2015, Jabatan Strategi Korporat dan Prestasi (CSPD) telah menganjurkan 22 lawatan pengurusan termasuk 15 syarikat tempatan serta 7 syarikat serantau/institusi berkepentingan KWAP.

Lawatan ini diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif kami, Encik Wan Kamaruzaman Wan Ahmad dan termasuk pengurusan kanan yang lain:

LAWATAN PENGURUSAN DOMESTIK PADA TAHUN 2015:

BIL.	SYARIKAT
1	Kuantan Medical Centre (TDM Berhad)
2	Bumi Armada Berhad
3	Dialog Group Berhad
4	Munchy Food Industries Sdn. Bhd.
5	SP Setia Berhad
6	DiGi.com Berhad
7	Syarikat Perumahan Negara Berhad
8	Bursa Malaysia Berhad
9	RHB Capital Berhad
10	SapuraKencana Petroleum Berhad
11	CIMB Group Berhad
12	Dayang Enterprise Holdings Berhad
13	Sime Darby Group Berhad
14	IOI Group Berhad
15	Prestariang Berhad

Tujuan lawatan ini adalah untuk membina hubungan dengan rakan-rakan di Thailand dan Australia untuk menimba ilmu pengetahuan dan pendedahan dalam amalan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) mereka.

LAWATAN PENGURUSAN SERANTAU DIJALANKAN PADA 2015

BIL.	SYARIKAT/INSTITUSI	NEGARA
1	Government Pension Fund of Thailand	
2	Stock Exchange of Thailand	
3	Bank of Thailand	
4	Lombard Investments Inc	
5	Quality House Plc	
6	Krung Thai Bank Plc	
7	PTT Exploration and Production Plc	

Selain lawatan pengurusan domestik dan antarabangsa biasa, KWAP juga telah menganjurkan lawatan Lembaga dan Panel Pelaburan ke Australia untuk melawat hartaan KWAP di Sydney dan membina hubungan dengan New South Wales dan Western State Government.

BIL.	SYARIKAT/INSTITUSI	NEGARA
1	NSW State Government	
2	State Super Financial Services Limited	
3	NSW Treasury Corporation (TCorp)	
4	AMP Capital Investors Limited	
5	Australian Trade Commission	
6	Macquarie Group Limited	
7	Logos Property Group	
8	Victoria State Government	
9	Future Fund Australia	
10	Investa Property Group	
11	CIMB TCA Australia Pty Ltd	
12	Australia and New Zealand Banking Group Limited	

Hak Mengundi

KWAP melaksanakan hak mengundi di Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Luar Biasa (AGM/EGM) dengan kehadiran 100% dan telah menyampaikan pandangan dan/atau ketetapan pada 137 AGM/EGM domestik.

Bagi menambahbaik penglibatan KWAP dalam syarikat-syarikat pelaburan dan untuk mewujudkan kesan yang lebih besar, Pengurusan Kanan KWAP telah menghadiri sebanyak 16 AGM/EGM domestik pada tahun 2015.

Selain mengundi dalam AGM/EGM, KWAP juga menjalankan penglibatan secara langsung dengan syarikat-syarikat pelaburan sebelum dan selepas AGM mengenai perkara-perkara yang melibatkan isu-isu seperti kepelbagaiannya jantina, kemampunan dan isu-isu alam sekitar.

Surat kepada Syarikat Penerima Pelaburan

Selain pemantauan berterusan pada syarikat-syarikat pelaburan melalui lawatan pengurusan, penyertaan dalam AGM/EGM, mesyuarat penganalisis berkala dan dialog, KWAP juga mengeluarkan Surat Pemegang Saham kepada 109 buah syarikat penerima pelaburan pada tahun 2015. Surat tersebut merangkumi cadangan lain untuk menerima pakai amalan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus yang baik inisiatif kemampunan.

INISIATIVE TADBIR URUS BAHRU

SEKSYEN 02
TADBIR URUS KORPORAT

PENGLIBATAN BERSAMA PENGAWAL SELIA

Selaras dengan aspirasi kami untuk menyokong Tadbir Urus Korporat yang baik, KWAP menyokong budaya ini melalui penyertaan sebagai penceramah jemputan dalam pelbagai persidangan, ceramah dan perbincangan yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Malaysia dan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG).

CERAMAH DAN PERSIDANGAN YANG DISERTAI KWAP

BIL. INSTITUSI

1	<i>Non-Financial Information for Public Listed Companies' Directors</i> dianjurkan oleh Bursa Malaysia
2	<i>Securities Commission's corporate governance events</i>
3	<i>Bursa Malaysia's Sustainability Symposium</i>

KOD MALAYSIA BAGI PELABUR INSTITUSI (KOD)/MAJLIS PELABUR INSTITUSI (IIC)

KWAP mengesahkan komitmennya dengan menjalani piawaian tadbir urus korporat yang baik dengan menjadi penandatangan kepada Kod. Kod ini terdiri daripada set prinsip yang membantu pelabur institusi memenuhi tanggungjawab pengawasan mereka melalui mempengaruhi dan menggalakkan budaya tadbir urus korporat yang baik dalam syarikat pelaburan mereka. Kod ini terdiri daripada satu set prinsip yang membantu pelabur institusi untuk memenuhi tanggungjawab pengawasan mereka melalui mempengaruhi dan menggalakkan budaya tadbir urus korporat yang baik dalam syarikat penerima pelaburan mereka. Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, Encik Wan Kamaruzaman bin Wan Ahmad telah dipilih sebagai pengurus pertama bagi Kod Malaysia bagi Pelabur Institusi.

Peranan utama IIC adalah mewakili kepentingan bersama pelabur institusi di Malaysia. Selain penubuhan IIC, jawatankuasa kerja khas juga telah ditubuhkan untuk memberi tumpuan kepada isu-isu dan topik yang mempunyai kepentingan strategik terhadap kepentingan bersama kepada pelabur institusi dan selaras dengan objektif IIC iaitu Pasaran dan Industri; Tadbir Urus dan Dasar. Pengarah Jabatan Perancangan Korporat dan Strategi KWAP, Ismail bin Zakaria telah dilantik sebagai Pengurus untuk Jawatankuasa Kerja Tadbir Urus & Polisi.

KEAHLIAN/PERSATUAN/JAWATANKUASA/ANUGERAH

International Corporate Governance Network (ICGN)

Memastikan penajaran amalan Tadbir Urus Korporat KWAP bersama rakan-rakan global, KWAP menjadi ahli korporat International Corporate Governance Network (ICGN) yang diwakili oleh 345 orang ahli mewakili lebih 47 buah negara. ICGN ditubuhkan untuk menggalakkan piawaian pengurusan tadbir korporat yang standard kepada institusi di seluruh dunia. Selain itu, pegawai KWAP telah dilantik menjadi pengeluar surat bagi Malaysia.

Asian Corporate Governance Association (ACGA)

KWAP merupakan ahli Asian Corporate Governance Association (ACGA). ACGA merupakan persatuan bebas dan persatuan bukan keuntungan untuk menggalakkan dan memudahkan penambahbaikan tadbir urus korporat di Asia. Setakat ini, ACGA mempunyai 107 ahli mewakili 8 sektor iaitu Persaraan dan dana wang berdaulat, sektor korporat (tersenarai dan swasta), firma perakaunan dan lain-lain.

Di samping itu, KWAP telah mengadakan perbincangan bersama ACGA mengenai kriteria penilaian ASEAN CG Scorecard 2016 dengan tujuan untuk memperbaiki taraf kedudukan negara melalui inisiatif yang dipertingkatkan oleh pelabur institusi. Selain itu, KWAP juga merupakan ahli kumpulan kerja ASEAN CG Scorecard yang ditubuhkan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Jawatankuasa Penasihat FTSE

Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, Encik Wan Kamaruzaman bin Wan Ahmad telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Penasihat FTSE ESG. Pelantikan kepada Jawatankuasa adalah melalui jemputan peribadi dari FTSE. Penubuhan Jawatankuasa ini adalah untuk menyediakan satu forum bagi FTSE untuk berinteraksi bersama pengguna indeks dan pihak berkepentingan yang lain dengan tujuan untuk meningkatkan metodologi yang mendasari penilaian FTSE ESG dan produk indeks yang berkaitan, termasuk FTSE4Good Index Series.

Anugerah MSWG dan Jawatankuasa

Pengiktirafan khas telah diberikan kepada Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, Wan Kamaruzaman bin Wan Ahmad atas usaha berterusan beliau dalam meningkatkan tadbir urus korporat di Malaysia. Anugerah itu diumumkan secara rasminya pada *MSWG Malaysian-ASEAN Corporate Governance Transparency Index, Findings and Recognition Event 2015 - The Malaysian Chapter*, acara tersebut telah mengiktiraf dan menganugerahkan syarikat korporat yang menyokong ketelusan dalam syarikat mereka dan juga individu yang memperjuangkan tadbir urus korporat yang baik.

Pengarah Jabatan Strategi Korporat dan Prestasi KWAP dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Adjudikasi untuk acara tersebut.

PENGLIBATAN BERSAMA NGOS/INDEX PROVIDERS

Sebagai sebahagian daripada inisiatif KWAP untuk menambah baik amalan ESG, KWAP telah menjalankan perbincangan bersama NGO dan *Index Providers*:

BIL. INSTITUSI

1	WWF mengenai "Kewangan Berterusan" diadakan pada 25 Jun 2015
2	FTSE mengenai "Kriteria ESG" diadakan pada 23 Julai 2015
3	MSCI mengenai "ESG Research" dan "Best Practices in Sustainability Investing – The Current State of ESG" diadakan pada 9 Oktober 2015



Strategi Korporat

SEKSYEN 03

055

Kad Skor Korporat

060

Peningkatan Pelaburan Dalam Persada Global

062

Mewujudkan Organisasi Lebih Bertanggungjawab

063

Pengambilalihan Fungsi Perkhidmatan Persaraan

KAD SKOR KORPORAT:

ULASAN KAD SKOR 2015

A. PIHAK BERKEPENTINGAN

OBJEKTIF/WAJARAN	STATUS SEBENAR	SOROTAN
1. Meningkatkan Saiz Dana	a) Melebihi sasaran	<ul style="list-style-type: none"> • Saiz dana pelaburan: pertumbuhan sebenar 8.55% atau bersamaan dengan RM9.30 bilion berbanding sasaran 8.48% [dari RM110.8 bilion (anggaran baki awal 2015) kepada RM120.1bilion] • Saiz dana perakaunan: pertumbuhan sebenar adalah 8.53% atau bersamaan dengan RM9.33 bilion berbanding sasaran 8.48% [dari RM109.43 bilion baki pembukaan sebenar 2015 kepada RM118.37 bilion] • Menerima sumbangan Kerajaan Persekutuan sebanyak RM500 juta, dan telah mencapai pendapatan pelaburan kasar sebanyak RM6.69 bilion dan RM2.78 bilion adalah pungutan caruman majikan
2. Memperluas Peranan di dalam Pengurusan Persaraan	a) Melebihi sasaran	<ul style="list-style-type: none"> • Pindaan Akta Kumpulan Wang Persaraan diluluskan oleh Parlimen pada persidangan kedua • Pelaksanaan pengambilalihan fungsi Bahagian Perkhidmatan Persaraan, Jabatan Perkhidmatan Awam pada November 2015
3. Menubuhkan Dana Patuh Syariah	a) Di bawah sasaran kerana penyusunan semula keutamaan	<ul style="list-style-type: none"> • Menyiapkan penilaian kesediaan operasi beserta pelan implikasi pelaburan dan pelan pemindahan; memerlukan penelitian lanjut
4. Pelaburan yang Bertanggungjawab	a) Melangkaui sasaran	<ul style="list-style-type: none"> • Penyumberan luar kepada pengurus dana luaran untuk 3 mandat iaitu Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dan menubuhkan mandat ESG yang diuruskan secara dalaman • Rangka kerja telah disiapkan separa siap; memerlukan penelitian lanjut dan pemerolehan pengetahuan yang lebih mendalam tentang ESG • Menyokong pelbagai inisiatif tadbir urus korporat di peringkat industri seperti institusi Kod Pelabur dan Majlis Institusi Pelabur • Melibatkan diri secara aktif dalam pelbagai acara tadbir urus dan kemampanan korporat Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti • Melawat 33 syarikat tempatan / antarabangsa / badan pengawalselia / dana penceh dan mengeluarkan Surat Pemegang Saham kepada 109 syarikat penerima pelaburan
5. Memainkan Peranan Aktif dalam Sistem Persaraan Malaysia	a) Melangkaui Sasaran	<ul style="list-style-type: none"> • Mengambil bahagian dalam penubuhan Majlis Keselamatan Sosial Kebangsaan • Bekerjasama dengan Majlis Perancangan Kewangan Malaysia (MFPC) untuk menganjurkan: <ul style="list-style-type: none"> i) <i>Islamic Wealth Management and Financial Planning Conference</i>; dan ii) Menganjurkan 3 ceramah kewangan untuk badan-badan kerajaan dan kementerian.

KAD SKOR KORPORAT: ULASAN KAD SKOR 2015

B. KEWANGAN

OBJEKTIF	STATUS SEBENAR	SOROTAN
1. Mencapai sasaran pulangan	a) Melebihi sasaran	<ul style="list-style-type: none"> Pendapatan direalisasikan sebelum dilindung nilai dan pertukaran asing adalah RM6.69 bilion berbanding sasaran iaitu RM6.24 bilion Pulangan atas pelaburan sebelum dilindung nilai pertukaran asing pada 5.78% mengatasi sasaran asas 5.40% sekitar 5% Kadar Pulangan Berwajaran Masa (TWRR) pada 5.39% mengatasi agregat penanda aras iaitu 3.37% Kadar pulangan berwajaran masa 5 tahun berturut sebanyak 6.66% mengatasi 5 tahun berturut CPI+200 mata aras iaitu 4.45%; mengatasi sebanyak 2.21%
2. Peralihan ke Piawaian Laporan Kewangan Malaysia	a) Melebihi sasaran	<ul style="list-style-type: none"> Menubuhkan polisi, proses dan prosedur yang berkaitan dengan pelaksanaan IFRS yang akan bermula pada 2016
3. Memperluaskan Pelaburan Antarabangsa KWAP	a) Memenuhi sasaran	<ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan 5 inisiatif berbaki 8 inisiatif ditangguhkan berikutan arahan oleh Kementerian Kewangan untuk menangguhkan pelaburan antarabangsa dengan inisiatif utama seperti yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> i) Pengambilalihan Lot 2 Erskine Park, Sydney ii) Proses penjualan 88 Wood Street, hartanah UK iii) Menghantar permohonan pengecualian cukai kepada 7 negara iv) Menerapkan Jepun ke mandat Asia Pasifik v) Liputan untuk pasaran baharu dan pasaran yang baru muncul

C. OPERASI

OBJEKTIF	STATUS SEBENAR	SOROTAN
1. Meningkatkan keupayaan operasi	a) Melebihi sasaran untuk pelaksanaan inisiatif b) Tidak mencapai sasaran untuk pematuhan	<ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan 6 inisiatif berbanding dengan sasaran sekurang-kurangnya 5 dengan inisiatif utama yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> i) Selesai integrasi Jabatan Penyelesaian Pelaburan dan Jabatan Kustodian ii) Selesai penilaian teknikal dan kewangan untuk projek penggantian Sistem Pengurusan Dana Bersepadu iii) Penilaian tender untuk sistem baharu Sumber Manusia 3 daripada bukan pematuhan undang-undang dan 90% penutupan pada penemuan audit
2. Mengukuhkan Tatacara Profesional	a) Melangkaui sasaran	<ul style="list-style-type: none"> Memperkenalkan Buku Panduan Kod Etika dan Kelakuan Memperkenalkan Polisi Tidak Menerima Hadiah Ahli Institut Integriti Malaysia Ketua Pegawai Eksekutif KWAP dilantik sebagai pengurus pertama Majlis Institut Pelabur Pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif KWAP sebagai ahli Jawatankuasa Penasihat ESG FTSE (London) Menerima anugerah pengiktirafan khas daripada MSWG diatas sumbangan KWAP terhadap meningkatkan amalan tadbir urus korporat di Malaysia Menjadi Ahli Korporat Rangkaian Tadbir Urus Korporat Antarabangsa (ICGN) dan Persatuan Tadbir Urus Korporat Asia (ACGA)

KAD SKOR KORPORAT: ULASAN KAD SKOR 2015

D. PEMBELAJARAN DAN PEMBANGUNAN

OBJEKTIF	STATUS SEBENAR	SOROTAN
1. Menyumbang ke arah Pembangunan Modal Insan	a) Melangkaui sasaran	<ul style="list-style-type: none"> • Melaksanakan 4 inisiatif berbanding sasaran minimum iaitu 3; dengan inisiatif utama seperti yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> i) Menubuhkan Penjenamaan dan memamer KWAP melalui Pameran Kerjaya dan Forum Korporat di Pameran Kerjaya Graduan UKEC untuk menarik graduan muda untuk kembali ke tanah air dan berkhidmat di institusi tempatan ii) Kepimpinan berintegrasi dan kecekapan fungsi pada semua proses dan fungsi Sumber Manusia iii) Mengambil bahagian sebagai penceramah pada acara-acara berikut: <ul style="list-style-type: none"> - <i>Khazanah Research Institute Talk</i>; - <i>Mobility Forum</i> dianjurkan oleh <i>Computerworld Malaysia</i>; - <i>BMS-GenCorp Careers Advice Evening (UK)</i>; - <i>CIO Summit Malaysia 2015</i>; dan - Seminar Perancangan Kewangan. iv) Ahli Jawatankuasa Adjudikasi untuk <i>MSWG's Corporate Governance Award 2015</i>
2. Perancang Pelapisan	a) Melangkaui sasaran	<ul style="list-style-type: none"> • Pengisian Jawatan Ketua Pegawai Operasi dan Ketua Jabatan Perundungan dan Kesetiausahaan • Merekut 9 siswazah di bawah Program <i>KWAP Young Talent (KYT)</i> pada pameran kerjaya UKEC 2015 dan mengenalpasti 6 KYT dalam KWAP • Menubuhkan Program Kepimpinan Perniagaan dengan kerjasama ICLIF untuk mengembangkan bakat pertengahan kerjaya • Kesemua tenaga kerja pelapis telah menjalani <i>Emerging Leaders Program</i> bersama ICLIF sebagai sebahagian daripada proses pembangunan struktur kerjaya mereka
3. Menanamkan Budaya Penglibatan Tenaga Kerja	a) Melangkaui sasaran	<ul style="list-style-type: none"> • Melaksanakan 5 inisiatif berbanding sasaran minimum iaitu 4; dengan inisiatif utama seperti yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> i) Berjaya menganjurkan Pesta Sukan Kementerian Kewangan (PSKK) bersama Suruhanjaya Sekuriti ii) Mengambil bahagian dalam Misi Bantuan Banjir Kementerian Kewangan 2015 di Pantai Timur termasuk sumbangan wang tunai kepada Tabung Bencana NSTP-Media Prima dan menyumbangkan dapur gas kepada mangsa-mangsa banjir iii) Peningkatan pada budaya mentor dan bimbingan untuk menangani rancangan pelapisan dan meningkatkan kelancaran kerjaya dan untuk melengkapkan dan membangunkan kepimpinan di kalangan bakat-bakat yang dikenal pasti.
4. Menjadi Organisasi Berorientasi Pengetahuan	a) Melebihi sasaran	<ul style="list-style-type: none"> • Melaksanakan 4 inisiatif berbanding sasaran minimum iaitu 3; dengan inisiatif utama seperti yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> i) Mengadakan lawatan Lembaga dan Panel Pelaburan ke Australia ii) Mengadakan lawatan sambil belajar ke Jamsoestek, Indonesia oleh Jabatan Perkhidmatan Persaraan iii) Mengadakan lawatan pengurusan ke Thailand - bersama syarikat-syarikat pelabur, dana persaraan dan badan-badan kawal selia iv) Menjalankan 5 seminar dalaman mengenai Ekuiti Persendirian

KAD SKOR KORPORAT: ULASAN KAD SKOR 2016

A. PIHAK BERKEPENTINGAN

OBJEKTIF	UKURAN KPI	SASARAN TAHUANAN
1. Meningkatkan Saiz Dana (pada kos)	a) Peratusan Peningkatan Saiz Dana	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan saiz dana pelaburan pada kos sebanyak 8.41% daripada RM120.1 bilion kepada RM130.2 bilion
2. Penjenamaan semula KWAP dan Membangunkan Budaya Korporat yang baharu	a) Jangka Masa Siap	<ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan inisiatif penjenamaan semula: <ul style="list-style-type: none"> i) Visi, Misi dan Nilai termasuk peningkatan visual ii) Melancarkan Usul Nilai Tenaga Kerja
3. Mengintegriasi Pelaburan Bertanggungjawab dan Mampan	a) Pelaksanaan Inisiatif b) Bilangan Inisiatif yang Disiapkan	<ul style="list-style-type: none"> Menyemak semula Keyakinan Pelaburan KWAP dengan menggabungkan falsafah pelaburan dan keperluan kemampunan tanpa melepaskan pulangan pelaburan Membangunkan Rangka Kerja Korporat ESG KWAP, Rangka Kerja Pelaburan ESG dan Kaedah Penyelidikan ESG Pihak Pengurusan menghadiri sekurang-kurangnya 15 Mesyuarat Agung Tahunan/Mesyuarat Agung Luar Biasa <ul style="list-style-type: none"> i) Menjalankan sekurang-kurangnya 25 lawatan syarikat; dan ii) 1 lawatan serantau
4. Peranan aktif dalam Tadbir Urus Malaysia dan Sistem Persaraan Malaysia	a) Kadar Penyertaan b) Inisiatif yang Disiapkan	<ul style="list-style-type: none"> Menghadiri kesemua mesyuarat Majlis Pelabur Institusi, peringkat Majlis dan peringkat kerja Menjalankan sekurang-kurangnya 1 penglibatan dengan setiap pengawal selia seperti Sekuriti Suruhanjaya, Bursa Malaysia dan Bank Negara Malaysia Menjalankan sekurang-kurangnya 2 penglibatan dengan badan-badan antarabangsa seperti ICGN, ACGA, FTSE MSCI dan WWF menghasilkan Laporan Demografi Persaraan Sektor Awam

B. KEWANGAN

OBJEKTIF	UKURAN KPI	SASARAN TAHUNAN
1. Mencapai Sasaran Pulangan		
a) Pendapatan Direalisasikan b) Jumlah Pulangan c) Tambah nilai kepada pertumbuhan dana dengan memberi jumlah pulangan mengatasi kadar inflasi	a) Melebihi Kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 2016 b) Penanda Aras Khas (purata berwajaran bagi semua penanda aras kelas aset) c) 5-tahun berturut-turut Indeks Harga Pengguna + 250 mata asas	<ul style="list-style-type: none"> Pulangan atas Pelaburan 5.50% Melebihi penanda aras yang ditetapkan melebihi 5 tahun berturut-turut Indeks Harga Pengguna + 250 mata asas
2. Peralihan kepada Piawai Laporan Kewangan Malaysia	a) Bilangan Inisiatif yang disiapkan	<ul style="list-style-type: none"> Menyiapkan 30% keperluan IFRS
3. Pengurusan Kos yang Berkesan dan Pemantauan	a) Bilangan inisiatif yang dilaksanakan	<ul style="list-style-type: none"> Menjalankan 3 inisiatif pengurusan kos yang berkesan

KAD SKOR KORPORAT: ULASAN KAD SKOR 2016

C. OPERASI

OBJKTIF	UKURAN KPI	SASARAN TAHUNAN
1. Mengintegrasikan dan Mengubah Operasi Pencen dan Tawaran Nilai Tambahan Produk / Perkhidmatan	a) Bilangan inisiatif dilaksanakan b) Peratus pencapaian di bawah tahap keperluan perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan sekurang-kurangnya 5 daripada 7 inisiatif transformasi Melaksanakan sekurang-kurangnya 2 daripada 3 produk nilai tambahan dan inisiatif perkhidmatan 90% (penyelarasian bagi apa-apa tunggakan pada masa pengambilalihan fungsi)
2. Mengenalkan Strategi Pelaburan Baharu dan Pendekatan Pengurusan Risiko Pasaran	a) Bilangan inisiatif yang dilaksanakan b) Peratusan cadangan pelaburan yang diluluskan oleh Panel Pelaburan	<ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan sekurang-kurangnya 10 daripada 14 inisiatif Sekurang-kurangnya 90% daripada cadangan pelaburan diluluskan oleh Panel Pelaburan
3. Penekanan yang lebih pada pelaburan Syariah dan membina keupayaan operasi yang berkaitan	a) Bilangan inisiatif yang dilaksanakan	<ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan sekurang-kurangnya 5 daripada 7 inisiatif berkenaan Shariah
Aktiviti pelaburan di Eropah bagi tahun 2015 dijangka melebihi USD187 bilion yang telah dicatatkan pada tahun 2014, didorong oleh tiga pasaran terbesar UK, Jerman dan Perancis¹. New York, dengan sekitar lebih USD37 bilion pelaburan merupakan sebuah bandar yang mencatatkan pelaburan komersial tertinggi secara langsung, diikuti oleh London USD29 bilion dan Tokyo USD14 bilion (Rajah 2).

RAJAH 2 - PELABURAN HARTANAH KOMERSIAL LANGSUNG BAGI 20 BANDARAYA TERTINGGI PADA TAHUN 2015



Sumber: JLL, Oktober 2015

¹ Jones Lang LaSalle Global Market Perspective Q4 2015


ULASAN PASARAN PELABURAN

SEKSYEN 04
AKTIVITI PELABURAN

Australia

Pejabat Daerah Pusat Perniagaan Australia menyaksikan penurunan pada kadar kekosongan daripada 10.8% pada Januari 2015 kepada 10.4% pada Julai 2015 (Rajah 3). Prestasi tertinggi adalah Sydney, dengan 60,405 meter persegi penyerapan ruang pejabat pada Julai 2015 dengan kadar kekosongan pada 6.3%. Melbourne ketinggalan di belakang dengan 8.1% kadar kekosongan dan 60,906 meter persegi penyerapan.

RAJAH 3 - KADAR KEKOSONGAN DAERAH PUSAT PERNIAGAAN AUSTRALIA BERBANDING BUKAN DAERAH PUSAT PERNIAGAAN AUSTRALIA DARI 1990 HINGGA 2015




— Daerah Pusat Perniagaan Australia
— Bukan Daerah Pusat Perniagaan Australia

Kadar kekosongan bukan Daerah Pusat Perniagaan Australia kekal rendah daripada Daerah Pusat Perniagaan Australia

Sumber: Property Council of Australia

Walau bagaimanapun, kadar kekosongan di Perth meningkat kepada 16.6% pada Julai 2015 dengan anggaran penyerapan -20,000 meter persegi.² Pejabat komersial telah menyumbang sebanyak 50% daripada aktiviti pelaburan pada tahun 2015 dengan pelaburan asing berjumlah AUD15.4 bilion atau 51% daripada jumlah pelaburan³ (Rajah 4).

RAJAH 4 - CUSHMAN & WAKERFIELD, PASARAN PELABURAN AUSTRALIA UNTUK SUKU KETIGA TAHUN 2015



Sumber: Cushman & Wakefield Research

² Australian Property Council Office Market Report Julai 2015


³ Cushman & Wakefield Investment MarketBeat Suku Keempat 2015

ULASAN PASARAN PELABURAN

UK

Kadar keseluruhan kekosongan pejabat UK kekal pada 8.2%, pengurangan sebanyak 90 mata asas tahun ke tahun⁴. Purata hasil pejabat utama di submarkets Central London City pada suku ketiga 2015 menurun kepada 4.00%, bersamaan 25 mata asas lebih rendah daripada suku pertama 2015 (Rajah 5). Purata hasil West End menurun kepada 3.5%, dari pada 3.65% pada suku kedua 2015, iaitu yang terendah sejak suku kedua 2007 (Rajah 6). Pada 2016, hasil dijangka akan lebih mengecil berikutan lebih banyak modal akan menyasarkan harta tanah kerana kadar faedah dijangka kekal rendah untuk tempoh yang lebih lama serta prospek ekonomi global yang lemah.


RAJAH 5 - HASIL UTAMA BANDAR BERBANDING KADAR PERTUKARAN



Sumber: JLL/Datastream


Central London mencatatkan jumlah pelaburan yang lebih kukuh iaitu £11.9 bilion daripada suku pertama hingga suku ketiga 2015 berbanding tempoh yang sama pada tahun lalu sebanyak £11.7 juta⁵. Pada suku ketiga 2015, pelabur-pelabur antarabangsa menyumbang 48% daripada jumlah urus niaga di Central London, manakala Asia pada 28% dan Amerika Syarikat & Kanada pada 12% pelabur yang paling menonjol, iaitu 40% daripada jumlah⁶ (Rajah 7).

RAJAH 6 - HASIL UTAMA WEST END BERBANDING KADAR PERTUKARAN



Sumber: JLL/Datastream

RAJAH 7 - TRANSAKSI PELABURAN MENGIKUT PEMBELIAN PADA SUKU KETIGA 2015



Sumber: CBRE

⁴ Jones Lang LaSalle UK Office Market Outlook Separuh Pertama 2015

⁵ Jones Lang LaSalle The Central London Market Suku Ketiga 2015

⁶ CBRE Research Central London Property Market Review Suku Ketiga 2015


ULASAN PASARAN PELABURAN

SEKSYEN 04
AKTIVITI PELABURAN

Malaysia

Bangunan pejabat di Kuala Lumpur mencatatkan kadar purata kekosongan kira-kira 18.4% pada suku ketiga 2015, sedikit pengurangan daripada 20.2% pada suku kedua 2015. Pengurangan ini disebabkan pemindahan penyewa ke pembangunan baharu muncul pada suku kedua 2015 (Rajah 8). Penawaran pada suku ketiga tahun 2015 meningkat sebanyak 426,000 kaki persegi dengan hanya satu bangunan yang siap pada suku kedua. Jumlah keseluruhan pejabat di Kuala Lumpur adalah 75.7 juta kaki persegi.

RAJAH 8 - KADAR PENYERAPAN BERSIH PEJABAT, KAKI PERSEGI (JUTA) DAN KEKOSONGAN



Sumber: DTZ Research

Pada suku keempat 2015, penambahan sebanyak 2 juta kaki persegi akan dilakukan pada stok yang sedia ada⁷. Purata sewa dan nilai modal kegal stabil pada RM6.40 setiap kaki persegi dan RM942 setiap kaki persegi seperti yang dicatatkan pada suku kedua 2015. Dengan perancangan bekalan yang besar kira-kira 11 juta kaki persegi pada suku pertama tahun 2016 hingga 2018, sewa dijangka tetap berada di bawah tekanan (Rajah 9).

RAJAH 9 - PERANCANGAN PEMBANGUNAN PEJABAT, KAKI PERSEGI (JUTA)




Sumber: DTZ Research

⁷ DTZ Property Times Kuala Lumpur Q3 2015

PRESTASI DANA


KWAP terus mencatatkan kemajuan dengan saiz dana yang semakin meningkat kepada RM118.37 bilion pada 31 Disember 2015, peningkatan sebanyak RM8.94 bilion berbanding tempoh yang sama daripada RM109.43 bilion. Semenjak penubuhan pada tahun 2007, dana ini secara konsistennya pertumbuhan purata 12.49% setiap tahun.

PERTUMBUHAN DANA DARI 1991 HINGGA 2015



Penyumbang utama pertumbuhan dana pada 2015 adalah pendapatan pelaburan sebanyak RM6.24 bilion, diikuti oleh caruman majikan sebanyak RM2.78 bilion dan Sumbangan Kerajaan Persekutuan sebanyak RM500 juta.

PECAHAN SUMBER DANA




● Caruman Kerajaan Persekutuan ● Caruman Majikan ● Pendapatan Pelaburan Terkumpul

PRESTASI DANA

SEKSYEN 04
AKTIVITI PELABURAN


Tahun 2015 merupakan tahun yang tidak menentu bagi pasaran ekuiti dan pendapatan tetap. Pengurusan dana domestik dan antarabangsa menjadi lebih mencabar. Walau bagaimanapun, kumpulan dana mencatatkan pendapatan pelaburan kasar direalisasikan pada RM6.24 juta selepas perlindungan nilai dan pendapatan lain ialah RM0.23 bilion, lebih rendah berbanding tahun sebelumnya iaitu RM6.47 bilion. Pelaburan pendapatan tetap termasuk SKM, SHP, Pinjaman, Pasaran Wang menyumbang 43.26% daripada jumlah keseluruhan pendapatan. Pelaburan dalam ekuiti menyumbang 44.16%, dan pelaburan alternatif menyumbang sebanyak 5.84%.

PENDAPATAN PELABURAN KASAR DARI TAHUN 2012 HINGGA 2015



Dana pulangan atas pelaburan kasar sebelum lindung nilai adalah 5.78%, iaitu 37 mata asas lebih rendah berbanding pulangan atas pelaburan kasar tahun sebelumnya iaitu 6.15%. Pulangan ekuiti antarabangsa mencatatkan pulangan atas pelaburan yang tertinggi iaitu 14.39%, dan diikuti oleh pelaburan alternatif dengan 6.59%. Kelas aset yang selebihnya mencatatkan pulangan atas pelaburan masing-masing antara 3.60% hingga 7.67%.

PULANGAN PELABURAN KASAR




PRESTASI DANA

Pendapatan bersih selepas pengurangan dan kemerosotan nilai pelaburan berjumlah RM3.70 bilion atau pulangan atas pelaburan bersih sebanyak 3.26%, iaitu 136 mata asas lebih rendah terhadap pulangan atas pelaburan bersih bagi tahun 2014.

PULANGAN KASAR ATAS PELABURAN DARI 2011 HINGGA 2015

Peratus (%)



JUMLAH PULANGAN

Jumlah pulangan KWAP dibandingkan dengan penanda aras campuran yang terdiri dari purata wajaran penanda aras yang berbeza diberikan kepada setiap kategori pelaburan. Pada akhir Disember 2015, jumlah pulangan dana adalah 5.39% yang mengatasi penanda aras dicampur dengan 202 mata asas.

	KADAR PULANGAN WAJARAN MASA (%)	PENANDA ARAS (%)	LEBIHAN PULANGAN (%)	PULANGAN ATAS PELABURAN (%)	PENANDA ARAS
DOMESTIK	Ekuiti Domestik	4.84	-2.89	7.73	6.82
	SKM & Bon Quasi	3.74	4.86	-1.12	4.18
	SHP	5.25	4.59	0.66	5.35
	Pinjaman				4.69
	Pasaran Wang				3.60
	Hartanah		-		10.25
	Ekuiti Persendirian		-		36.13
ANTARABANGSA	Ekuiti	9.89	17.69	-7.80	14.39
	Pendapatan Tetap	20.50	19.59	0.91	4.74
	Hartanah	-	-	-	4.84
	Ekuiti Persendirian	-	-	-	1.52
JUMLAH	5.39	3.37	2.02	5.40	

Pulangan pelaburan ekuiti domestik adalah 4.84%, mengatasi penanda aras dengan 773 mata asas yang merupakan lebahan prestasi tertinggi berbanding kelas aset lain. Portfolio ekuiti antarabangsa tidak mencapai penanda aras iaitu sebanyak 780 mata asas, disebabkan oleh portfolio Asia Pasifik kecuali Jepun dan ketiadaan portfolio AS yang menyumbang 52% pada prestasi indeks.

Portfolio pendapatan tetap domestik agak stabil di tengah-tengah pasaran bon yang mencabar sepanjang penanda aras yang kurang memuaskan

berikutnya tumpuan yang lebih pada kertas jangka sederhana dan panjang keseluruhan tahun. Walau bagaimanapun, portfolio pendapatan tetap antarabangsa mencatatkan pulangan positif walaupun dalam persekitaran pasaran yang lemah.

KWAP sentiasa mengekalkan pendekatan yang berdisiplin pada Alokasi Aset Strategik, sekaligus dapat mengekalkan jumlah pulangan keseluruhan yang stabil walaupun dalam keadaan pasaran yang semakin tidak menentu.

PRESTASI KELAS-KELAS ASET: EKUITI

LAPORAN TAHUNAN 2015
KUMPULAN WANG PERSARAAN
(DIPERBADAKAN)

SEKSYEN 04
AKTIVITI PELABURAN

EKUITI

Jumlah pendedahan KWAP dalam ekuiti telah mencatatkan peningkatan sebanyak 11.12% kepada RM44.46 bilion pada 31 Disember 2015 daripada RM40.01 bilion pada awal tahun ini. Ekuiti domestik menyumbang majoriti daripada saiz dana atau 88% daripada jumlah pendedahan KWAP pada kos, manakala baki 12% telah dilaburkan dalam ekuiti antarabangsa.

Dari segi pembahagian antara ekuiti yang diuruskan secara dalaman berbanding ekuiti yang diuruskan secara luaran, 79% daripada jumlah pendedahan yang diuruskan secara dalaman oleh pengurus portfolio ekuiti KWAP dan baki 21% adalah di sumber keluar kepada pengurus dana luaran yang dilantik oleh KWAP.

PENDAPATAN EKUITI

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2015, pelaburan ekuiti KWAP mencatatkan jumlah pendapatan direalisasikan sebanyak RM3.25 bilion, yang diterjemahkan kepada Pulangan atas Pelaburan sebanyak 7.67%.

Sebahagian besar pendapatan iaitu 79% disumbangkan oleh ekuiti domestik manakala ekuiti antarabangsa menyumbang baki 21% tersebut. Ekuiti yang diuruskan secara dalaman mewakili 79% dari jumlah pendapatan ekuiti KWAP, sementara baki 21% diperolehi dari pelaburan ekuiti yang diuruskan oleh pengurus dana luaran.


EKUITI DOMESTIK DIURUS SECARA DALAMAN

Ekuiti domestik yang diuruskan secara dalaman dan secara berhemah terbukti bermanfaat walaupun semasa keadaan pasaran yang tidak menentu. KWAP melaksanakan pelaburan berhemah dengan menggunakan kaedah saringan yang ketat dan penilaian proses syarikat-syarikat yang pada dasarnya kukuh dengan rekod pengurusan baik, risiko pendapatan yang rendah, hasil dividen yang baik dan aliran mudah tunai yang tinggi.

Pendekatan itu telah terbukti menghasilkan prestasi yang baik apabila portfolio domestik dalaman mencatatkan jumlah pulangan sebanyak 5.38% seperti yang dinilai mengikut Kadar Pulangan Berwajaran Masa (TWRR) terhadap pulangan FBM100 dengan penanda aras -2.89%, yang memberikan lebihan pulangan sebanyak 8.27%.

Dari segi pulangan direalisasikan, ekuiti domestik dalaman mencatatkan jumlah pendapatan yang direalisasikan sebanyak RM2.11 bilion yang diterjemahkan ke Pulangan atas Pelaburan sebanyak 6.68%. Daripada jumlah pendapatan pelaburan, RM1.12 bilion diperoleh daripada keuntungan modal sementara baki RM986.9 juta diperoleh daripada pendapatan dividen.

PERUNTUKAN SEKTOR EKUITI DOMESTIK BAGI TAHUN 2015



- Perbankan/Kewangan
- Minyak & Gas
- Telekomunikasi
- Perladangan
- Utiliti
- Konglomerat
- Hartanah
- Pengangkutan & Logistik
- Konsumen
- Teknologi
- Pembinaan
- REIT
- Penjagaan Kesihatan
- Syarikat Projek Infrastruktur
- Lain-lain
- Bahan Binaan
- Media
- Perindustrian
- Sarung Tangan Getah
- Automotif

PRESTASI KELAS-KELAS ASET: EKUITI

PENGURUS DANA EKUITI LUARAN

Pada 31 Disember 2015, jumlah dana pasaran yang diuruskan oleh pengurus dana luaran domestik berjumlah RM6.47 bilion, meningkat sebanyak 19.06% daripada RM5.44 bilion pada tahun 2014. Jumlah portfolio ekuiti diuruskan oleh pengurus dana luaran domestik adalah sebanyak 5.47% daripada jumlah saiz dana KWAP. Ia terdiri daripada 17 pengurus dana luaran domestik, 4 pengurus dana luaran telah diamanahkan dengan pelaburan ekuiti Syariah, 2 menguruskan mandat bermodal kecil, 4 mengurus mandat yang baharu iaitu mandat Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus manakala selebihnya menguruskan mandat konvensional.

SENARAI PENGURUS DANA LUARAN PADA 31 DISEMBESR 2015

KONVENSIONAL	TAHUN PENUBUHAN DANA
CIMB-Principal Asset Management Berhad	2005
Nomura Asset Management Malaysia Sdn. Bhd.	2007
Aberdeen Asset Management Berhad	2008
RHB Asset Management Sdn. Bhd.	2009
Kenanga Investors Berhad	2011
Islamik	
i-VCAP Management Sdn. Bhd.	2011
CIMB-Principal Islamic Asset Management Sdn. Bhd.	2012
AmlIslamic Fund Management Sdn. Bhd.	2012
Asian Islamic Investment Management Sdn. Bhd.	2015
Modal Kecil	
Affin Hwang Asset Management Berhad	2014
Kenanga Investors Berhad	2014
Maybank Asset Management Sdn. Bhd.	2015
Eastspring Investments Berhad	2015
Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG)	
VCAM Asset Management Sdn. Bhd.	2014
Aberdeen Asset Management Sdn. Bhd.	2015
BNP Paribas Investment Partners Malaysia Sdn. Bhd.	2015
Corston-Smith Asset Management Sdn. Bhd.	2015

KWAP mengadakan mesyuarat pada setiap suku tahun untuk mengkaji semula prestasi pengurus dana luaran dan pematuhan operasi. Dalam proses tersebut, KWAP telah mengambil peluang untuk belajar, memerhati dan seterusnya mencontohi amalan perniagaan yang terbaik yang diguna pakai oleh peserta industri berwibawa yang lain. Sepanjang tahun ini, sebanyak 40 mesyuarat suku tahunan telah dijalankan, biasanya pada awal setiap suku tahun.

Sehingga 31 Disember 2015, pengurus dana ekuiti luaran domestik KWAP telah mencatatkan agregat pendapatan direalisasi sebanyak RM451.87 juta, iaitu purata pulangan atas pelaburan sebanyak 7.56% berdasarkan modal. Kebanyakan pengurus dana luaran mengatasi penanda aras yang ditetapkan kecuali di dalam mandat Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus kerana ia merupakan mandat baharu.

Inisiatif berterusan KWAP adalah termasuk menyumbang lebih banyak dana untuk diurus secara luaran bagi mandat yang berbeza. Ini dilakukan melalui suntikan modal tambahan untuk melaksanakan pengurusan dana luaran terbaik dan menambah pengurus dana baharu bagi mandat semasa dan baharu.

Selaras dengan inisiatif kerajaan, KWAP mencebur mandat Modal Kecil dan menjadi barisan hadapan untuk mandat Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus. KWAP telah mengeluarkan *Request for Proposal (RFP)* kepada syarikat-syarikat pengurusan dana domestik dan antarabangsa bagi mempelawa syarikat yang mempunyai rekod yang baik sebagai Panel Pengurus Dana Luaran KWAP yang diluluskan.

PRESTASI KELAS-KELAS ASET: EKUITI


PENGURUS DANA EKUITI LUARAN

Pada tahun 2015, pelaburan antarabangsa KWAP yang diurus secara luaran telah dibahagikan kepada 3 mandat, iaitu Asia Pasifik kecuali Jepun (APEX), United Kingdom (UK) dan mandat Eropah. Mandat APEX kini diuruskan oleh State Street Global Advisors Asia Limited (SSGA), Franklin Templeton Asset Management Sdn Bhd (Templeton), dan Invesco Asset Management Singapore Ltd (Invesco). Anak syarikat milik penuh KWAP, Prima Ekuiti (UK) Ltd (PEUK) menguruskan kedua-dua mandat UK dan Eropah.

SENARAI PENGURUS DANA LUARAN ANTARABANGSA PADA 31 DISEMBER 2015

ASIA PASIFIK KECUALI JEPUN	TAHUN PENUBUHAN DANA
State Street Global Advisors Singapore Limited	2011
Franklin Templeton Asset Management (Malaysia) Sdn. Bhd.	2013
Invesco Asset Management Singapore Ltd	2015
FTSE UK	
Prima Ekuiti (UK) Ltd	2012
MSCI Eropah	
Prima Ekuiti (UK) Ltd	2014

PENDEDAHAN PENGURUS DANA EKUITI ANTARABANGSA LUARAN (PADA KOS)



● Dana UK ● Eropah ● Invesco ● Franklin Templeton ● SSGA

Setakat 31 Disember 2015, pengurus dana luaran ekuiti antarabangsa KWAP telah mencatatkan pulangan atas pelaburan yang lebih rendah di antara 2.7% dan 10.1%. Kesemua pengurus dana luaran mengatasi penanda aras yang ditetapkan kecuali dana yang diuruskan oleh Franklin Templeton dan Invesco.

KWAP melibatkan diri dengan potensi pengurus portfolio antarabangsa secara berkala, melalui persidangan atas talian dan mesyuarat. Semua input ini disimpan dalam pangkalan data untuk membantu dalam proses pencarian pengurus kami. KWAP telah mengadakan mesyuarat bersama pengurus portfolio antarabangsa secara berkala untuk memantau prestasi portfolio dan mengkaji semula strategi pelaburan mereka. Sebagai pulangan, KWAP menghantar tenaga kerja untuk menghadiri kursus-kursus pendek, seminar dan penempatan yang dianjurkan oleh pengurus-pengurus ini. Pelaburan di dalam ekuiti UK dan Eropah diserahkan kepada Prima Ekuiti (UK) Limited [Prima Ekuiti], iaitu anak syarikat milik penuh KWAP. Sehingga kini, PEUK telah menunjukkan prestasi yang memuaskan untuk kedua-dua mandat di bawah pengurusan pada 2015.

Setakat ini, PEUK telah menunjukkan prestasi yang memuaskan untuk kedua-dua mandat di bawah pengurusan tahun 2015.

PRESTASI KELAS-KELAS ASET: PENDAPATAN TETAP

PENDAPATAN TETAP

Tahun 2015 merupakan tahun yang mencabar dan penuh peristiwa bagi pasaran pendapatan tetap yang mencorakkan hasil pasaran wang. Antara acara kemuncak ialah pelaksanaan Cukai Perkhidmatan Kerajaan (GST) di Malaysia, kenaikan Dolar AS berbanding mata wang global, pengetatan Dasar Monetari AS, kejatuhan harga minyak mentah dan komoditi, pergolakan geo-politik di Timur Tengah dan Eropah Timur; dan kelembapan pertumbuhan ekonomi global terutamanya di China.

Di pasaran tempatan, hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) telah melonjak naik pada sebahagian besar tahun ini dengan peningkatan hasil 10 tahun hasil SKM daripada serendah 3.75% pada bulan Februari 2015 meningkat kepada 4.45% pada bulan Ogos 2015. Ini disebabkan oleh jangkaan kenaikan Rizab Persekutuan AS serta kelemahan Ringgit Malaysia berikutan lonjakan penurunan harga minyak.

Meskipun dengan persekitaran yang mencabar, KWAP tetap berjaya mengharungi keadaan pasaran yang sukar serta portfolio pendapatan tetap KWAP telah menunjukkan prestasi yang baik pada tahun 2015. Secara keseluruhannya, pulangan atas pelaburan yang telah dicapai pada 31 Disember 2015 adalah 4.54% atau RM3.06 bilion, jauh lebih tinggi daripada hasil purata 10-tahun SKM iaitu 4.20%. Pulangan atas pelaburan bagi Bon Korporat adalah 5.41% atau bersamaan RM792.05 juta, sedikit peningkatan berbanding pulangan atas pelaburan bagi tahun sebelumnya pada 5.40%. Pendapatan Sekuriti Kerajaan dan Quasi Bon Kerajaan meningkat kepada 4.18% atau RM1.2 bilion berbanding pulangan atas pelaburan yang berjumlah 4.09% pada tahun sebelumnya.

Pulangan atas Pelaburan yang dicapai pada 31 Disember 2015 untuk Pendapatan Tetap adalah **4.54% atau **RM3.06 BILION**.**

Pendapatan Sekuriti Kerajaan & Quasi Bon Kerajaan meningkat kepada **4.18% atau **RM1.2 BILION**.**

PENGURUS DANA DALAMAN

Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Quasi Bon Kerajaan

Pada suku pertama 2015, pasaran mengalami kenaikan yang ketara disebabkan oleh peningkatan keseluruhan pada pertumbuhan ekonomi domestik pada suku keempat 2014 yang mendorong kepada keyakinan di kalangan pelabur tempatan dan asing. Aliran masuk pelaburan asing serta pelaburan domestik baharu memacu kadar hasil SKM menurun antara 20 hingga 30 mata asas seluruh keluk. Hasil 10 tahun SKM menurun serendah 3.75% pada bulan Februari dari 4.15% pada awal tahun ini. Aliran masuk pelaburan asing meningkat secara berterusan sepanjang separuh pertama 2015. Ini membuktikan peratusan pegangan pelabur asing bon kerajaan meningkat daripada 29.0% pada awal tahun kepada 32.1% pada bulan Jun 2015. Pelaksanaan GST memperbaiki kedudukan fiskal Malaysia yang menjadikan pasaran modal negara lebih berpihak kepada pelabur asing.

Pada separuh kedua 2015 bagaimanapun, pasaran beralih dan merundum kerana Rizab Persekutuan AS telah memulihkan kadar faedah penanda aras dari pengembangan dasar monetasi semasa. Di samping itu, harga minyak merosot akibat bekalan yang berlebihan di pasaran. Harga minyak mentah jatuh dari USD65 setong pada bulan Jun kepada serendah USD 36 setong pada Disember 2015. Ini menyebabkan peningkatan nilai dolar AS yang menyaksikan Ringgit Malaysia bagi satu dolar Amerika berjumlah MYR3.68 pada bulan Jun dan peningkatan mendadak iaitu MYR4.45 bagi satu dolar Amerika pada September 2015. Hasil SKM pasaran mengalami kenaikan mendadak kira-kira 30 mata asas pada seluruh keluk yang menyaksikan hasil 10-tahun SKM meningkat kepada nilai tertinggi dalam masa 7 tahun iaitu pada kadar 4.45% pada Ogos 2015. Pelaburan domestik asing turun naik sepanjang separuh kedua disebabkan oleh ketidakpastian pasaran sekaligus menyebabkan pelabur berhati-hati dan menukar pelaburan kepada "pelaburan selamat" dalam bentuk Dolar AS.

Walaupun dalam keadaan senario ekonomi yang sentiasa berubah, portfolio ini tetap berjaya mencatatkan pulangan atas pelaburan berjumlah 4.18% bagi tahun kewangan dengan tempoh portfolio sebanyak 7.75 tahun. Ini merupakan peningkatan sebanyak 9 mata asas berbanding pulangan atas pelaburan tahun sebelumnya iaitu 4.09%. Pendapatan pelaburan kasar

PRESTASI KELAS-KELAS ASET: PENDAPATAN TETAP

pada 31 Disember 2015 meningkat 7.5% kepada RM1,205 juta berbanding pendapatan tahun sebelumnya berjumlah RM1,121 juta. Hasil keseluruhan portfolio meningkat sebanyak 29 mata asas daripada 3.74% pada awal tahun ini kepada 4.24% pada 31 Disember 2015. Jumlah keseluruhan pelaburan KWAP dalam sekuriti kerajaan (SKM, IPK dan Quasi Bon Kerajaan) setakat 31 Disember 2015 berjumlah RM28.92 bilion berbanding RM29.07 bilion pada akhir 2014.

PENDAPATAN BERSIH PELABURAN 5-TAHUN SKM, IPK DAN QUASI BON KERAJAAN




Sekuriti Hutang Persendirian

2015 merupakan tahun yang mencabar bagi pasaran bon korporat. Pasaran Sekuriti Hutang Persendirian (SHP) agak aktif pada separuh pertama tahun ini sebelum beralih lembap pada separuh masa kedua. Pasaran agak aktif pada 6 bulan pertama tahun 2015 berikutan pelabur kadar pengurangan mengembalikan kadar faedah Rizab Persekutuan AS, kecairan dalam pasaran tempatan masih mencukupi dan bekalan terbitan utama yang nipis.


Permintaan pelabur untuk pasaran sekunder telah mengecilkan kadar hasil di antara kertas hutang korporat dan kerajaan. Bon yang matang kebanyakannya aktif kerana hasil yang dicari oleh para pelabur. Pada separuh kedua tahun, keadaan bertukar apabila pelabur menjadi lebih prihatin pada kitaran pengetatan Rizab Persekutuan AS. Keadaan bertambah buruk dengan kejatuhan harga minyak dan aliran keluar tunai disebabkan kekuatan US Dollar. Ini menyumbang kepada kenaikan kadar hasil bon dan peningkatan ini tersebar antara kertas korporat dan kerajaan. Di sebalik peningkatan penyebaran, bekalan kertas baharu pada pasaran kredit meningkat terutamanya pada penangguhan terbitan baharu yang pada mulanya disasarkan untuk berada di awal tahun ini. Walau bagaimanapun, terbitan utama masih mendapat sambutan yang baik kerana pelabur melihat pada nilai hasil dan peluang untuk melabur dalam jumlah yang besar berbanding pasaran sekunder. Jumlah terbitan SHP pada tahun 2015 adalah di sekitar RM75.0 bilion berbanding RM78.0 bilion pada 2014. Bagi tahun 2015, pegangan portfolio kredit KWAP pada nilai pasaran

meningkat daripada RM14.75 bilion kepada RM16.38 bilion. Jumlah yang dijual dan ditebus adalah RM2.23 bilion berbanding pembelian baharu iaitu RM3.88 bilion bagi pembelian bersih RM1.65 bilion.

PENDAPATAN BERSIH PELABURAN



JUMLAH TERBITAN SHP



NILAI PASARAN SHP 5-TAHUN



PRESTASI KELAS-KELAS ASET: PENDAPATAN TETAP

Pendapatan tahun 2015 meningkat daripada RM743.89 juta kepada RM792.05 juta, sebahagian besarnya dibantu oleh pembelian yang diniagakan pada separuh kedua tahun ini. Keuntungan modal meningkat daripada RM15.26 juta pada 2014 kepada RM16.70 juta pada 2015.

PENDAPATAN 5-TAHUN PDS


Tahun	RM Juta
2011	559.5
2012	678.8
2013	802.0
2014	743.9
2015	792.0

Pulangan atas pelaburan bertambah lebih baik daripada 5.40% pada tahun 2014 kepada 5.41% pada tahun 2015 dibantu terutamanya oleh pembelian pada kadar hasil yang lebih tinggi pada akhir tahun 2015.

Sebagai sebahagian daripada penglibatan kami dengan syarikat-syarikat yang dilaburkan, pada tahun 2015, KWAP membuat beberapa lawatan ke kawasan/syarikat untuk memahami operasi syarikat pelabur dengan lebih baik. Antara syarikat yang dilawati termasuk DRB Hicom Berhad, Sarawak Energy Berhad, Samalaju Industrial Port Sdn Bhd, Bank Pembangunan Sabah dan Perbadanan Pinjaman Sabah.

PENGAGIHAN PENILAIAN SHP 2015


Peratus (%)



● AAA ● AA1 ● AA2 ● AA3 ● A1 ● A2 ● Tidak Dinilai

AGIHAN SHP MENGIKUT SEKTOR 2015

Peratus (%)



● Perkhidmatan Kewangan

● Infrastruktur dan Kemudahan

● Kewangan Awam

● Rangkaian Telekomunikasi

● Pengangkutan

● Bangunan dan Hartanah

● Hartanah

● Aset Sekuriti

● Perladangan dan Pertanian

● Pembinaan dan Kejuruteraan

● Pegangan Kepelbagai

AGIHAN SHP MENGIKUT SEKTOR 2015

Peratus %



● Islamik ● Konvensional

Tahun 2016 diramal menjadi tahun yang mencabar bagi pasaran bon domestik. Pembekalan pasaran kredit diramalkan secara relatifnya lebih rendah berbanding berbanding tahun 2015 berikutan ramalan ekonomi yang perlahan. Walau bagaimanapun, industri tertentu mungkin masih memerlukan dana dan pembiayaan semula iaitu infrastruktur, utiliti dan pelabur perbankan akan lebih berhati-hati dengan risiko kredit dan akhirnya menjadi maklumat yang sensitif. Biasanya, keadaan kredit akan berada didalam keadaan stabil walaupun berlatarkan pendapatan korporat dan keputusan kewangan yang lemah. Walau bagaimanapun, hasil mungkin akan menjadi lebih besar berikutan risiko kredit.

PRESTASI KELAS-KELAS ASET: PENDAPATAN TETAP


PINJAMAN

Jumlah Portfolio Pinjaman
berada pada **RM11.72 BILION**
pada Disember 2015



PRESTASI 5-TAHUN PORTFOLIO PINJAMAN

RM Juta



JUMLAH PORTFOLIO PINJAMAN 5-TAHUN

Tahun	RM Juta
2011	7,533.25
2012	10,284.40
2013	13,210.59
2014	11,808.48
2015	11,717.71

Pada tahun 2015, portfolio pinjaman KWAP mengandungi 9.90% daripada jumlah pelaburan KWAP, walau bagaimanapun, tiada lagi pengeluaran bagi pinjaman baharu. Perubahan pada portfolio pinjaman bagi tahun ini adalah disebabkan faedah atau permodalan kadar keuntungan dan pembayaran balik pinjaman dan kematangan.

PERGERAKAN PORTFOLIO PINJAMAN 2015

PERGERAKAN PORTFOLIO PINJAMAN	JUMLAH (RM JUTA)
Portfolio Pinjaman pada 1 Januari 2015	11,808.48
Faedah/Permodalan Keuntungan	182.83
Pembayaran Balik/Kematangan	(273.60)
Portfolio Pinjaman pada 31 Disember 2015	11,717.71

Tahun

● Pendapatan Pinjaman ● Portfolio Pinjaman

Bagi tahun 2015, jumlah pendapatan daripada portfolio pinjaman adalah RM552.87 juta berbanding RM642.85 juta pada tahun 2014. Penurunan pendapatan ini disebabkan oleh penurunan portfolio pinjaman yang berjumlah RM90.77 juta, menyebabkan penurunan pada pulangan atas pelaburan sebanyak 4.69% berbanding 4.95% pada tahun 2014.


PROFIL KEMATANGAN PORTFOLIO PINJAMAN

Tahun Kematangan	Jumlah Pinjaman (RM Juta)
2016	1,081.06
2017	1,021.69
2018	2,129.69
2019	1,237.69
2020	2,087.69
2021	2,230.69
2022	1,620.69
2023	309.05

PRESTASI KELAS-KELAS ASET: PENDAPATAN TETAP

Pasaran Wang

Jumlah pelaburan pasaran wang tertunggak pada 31 Disember 2015 berjumlah RM4.68 bilion, ini menyaksikan peningkatan sebanyak 45.8% daripada RM3.21 bilion pada awal tahun ini. Baki tunai KWAP termasuk pelaburan pasaran wang menyumbang sebanyak 5.0% daripada jumlah dana KWAP. Carta berikut menunjukkan pecahan pelaburan pasaran wang pada 31 Disember 2015.




PELABURAN PASARAN WANG PADA 31 DISEMBER 2015

Pada 31 Disember 2015, pelaburan deposit jangka pendek berada pada RM3.92 bilion, Instrumen Deposit Boleh Niaga/Sijil Instrumen Deposit Boleh Niaga (NID/NIDC) pada RM580.0 milion dan FRNIDs pada RM175.0 milion.

Pelaburan pasaran wang menjana pendapatan kasar berjumlah RM229.09 milion pada tahun 2015 bersamaan 19.08% lebih tinggi berbanding dengan pendapatan yang diraih pada tahun 2014 iaitu RM192.4 milion, disebabkan oleh hasil yang tinggi yang ditawarkan oleh institusi kewangan yang menawarkan deposit terutamanya pada akhir tahun.


Graf berikut menunjukkan prestasi pasaran wang:

PENCAPAIAN 5-TAHUN PASARAN WANG



Antarabangsa

KWAP telah mencapai kemajuan yang ketara dalam pelaburan pendapatan tetap antarabangsa pada 2015. Ia memberi tumpuan pada penyampaian prestasi yang kukuh di mana portfolio Pendapatan Tetap Asia mencatatkan pendapatan sebanyak RM69.4 milion dan pulangan atas pelaburan 19.0% manakala portfolio kerajaan Antarabangsa mencatatkan jumlah pendapatan berjumlah RM75.13 milion iaitu 6.69% daripada pendapatan atas pelaburan.



PORTFOLIO PENDAPATAN TETAP ASIA PADA 31 DISEMBER 2015

PENGURUSAN LUARAN

Sebagai sebahagian daripada pembangunan kebolehan dan kepelbagaiannya pendapatan, KWAP telah menyumbang luar pengurusan dana kepada pengurus dana luaran untuk menguruskan dana domestik dan antarabangsa. Pada 31 Disember 2015, jumlah dana pada kos yang disumber luar kepada pengurus dana luaran adalah 3.73% daripada jumlah keseluruhan saiz dana KWAP, iaitu peningkatan sebanyak 30.64% daripada jumlah dana pada kos RM3.43 bilion atau 3.10% pada tahun 2014. Dari segi pendedahan geografi, 75% daripada aset yang diuruskan oleh pengurus dana luaran dilaburkan di dalam pasaran bon Malaysia manakala 25% diperuntukkan di pasaran global sebagai sebahagian daripada kepelbagaiannya aset antarabangsa KWAP.

Domestik

Pada 31 Disember 2015, jumlah dana pendapatan pada kos yang diuruskan pengurus dana luaran domestik berjumlah RM3.37 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 45.26% daripada RM2.32 bilion atau 2.10% pada tahun 2014. Ia menyumbang sebanyak 4.87% daripada pendapatan keseluruhan pelaburan pendapatan tetap. Pengurus dana luaran domestik mencatatkan pendapatan agregat yang direalisasikan RM 153.11 milion mewakili purata pulangan atas pelaburan sebanyak 5.03% pada 31 Disember 2015.

PRESTASI KELAS-KELAS ASET: PENDAPATAN TETAP

SENARAI PENGURUS DANA LUARAN DOMESTIK

DOMESTIK	PENUBUHAN DANA
CIMB-Principal Asset Management Berhad	2006
AmFunds Management Berhad	2007
Affin Hwang Asset Management Berhad	2011
Amundi Malaysia Sdn. Bhd.	2012
Maybank Islamic Asset Management Sdn. Bhd.	2014
Nomura Islamic Asset Management Sdn. Bhd.	2014
RHB Islamic International Asset Management Berhad	2014
Maybank Asset Management Sdn. Bhd.	2015
VCAP Asset Managers Sdn. Bhd.	2015
Franklin Templeton GSC Asset Management Sdn. Bhd.	2015
Asian Islamic Investment Management Sdn. Bhd.	2015
i-VCAP Management Sdn. Bhd.	2015

Sebagai sebahagian daripada proses pemantauan KWAP, ulasan prestasi sering diadakan pada setiap suku tahun dengan kesemua pengurus dana luaran dan lawatan ke pejabat telah dilakukan. Sepanjang tahun ini, sebanyak 38 mesyuarat suku tahunan, 6 lawatan tahunan, 2 lawatan pematuhan dan 5 lawatan *due diligence* telah dijalankan untuk memantau pematuhan terhadap prosedur kawalan dalaman yang berkaitan serta amalan perniagaan yang terbaik dengan mengambil kira aktiviti dagangan harian dan pejabat pentadbiran dan pejabat sokongan.

Antarabangsa

Pada pelaburan antarabangsa, pendedahan pelaburan pengurus dana luaran kekal pada USD350.0 juta (RM1.11 bilion). Jumlah portfolio bon yang diuruskan secara dalaman, pelaburan pendapatan tetap luar pesisir menyumbang pada saiz dana KWAP pada nilai kos RM2.50 bilion atau 2.09% pada 31 Disember 2015. Pada 31 Disember 2015, pengurus dana luaran antarabangsa mencatatkan pendapatan agregat sebanyak USD1.94 juta mewakili purata pendapatan atas pelaburan pada 0.55%. Kekurangan pendapatan ini disebabkan oleh penghabluran dagangan dan kerugian forex oleh pengurus portfolio antarabangsa yang berjaya menguruskan Hutang Pasaran Baharu Muncul (EMD) portfolio mata wang tempatan. Oleh kerana prestasi pasaran baru muncul yang kurang menggalakkan, terutamanya Amerika Latin (LATAM) dan negara-negara Eropah Timur yang terpilih, KWAP telah memilih untuk menghentikan portfolio EMD dan beralih tumpuan kepada mandat pendapatan tetap Asia sebagai pasaran baharu muncul yang berdiri sendiri. Ini adalah berasaskan rantaui Asia yang menunjukkan prestasi yang lebih berdaya tahan serta profil risiko yang lebih rendah.

SENARAI PENGURUS DANA LUARAN ANTARABANGSA

DOMESTIK	PENUBUHAN DANA
CIMB-Principal Islamic Asset Management Sdn. Bhd.	2011
Amlslamic Funds Management Sdn. Bhd.	2011
BNP Paribas Investment Partners Najmah Malaysia Sdn. Bhd.	2014
Franklin Templeton GSC Asset Management Sdn. Bhd.	2014
*JF Asset Management Limited	2015

*Mandat bertukar daripada EMD kepada AFI

KWAP mengadakan beberapa perbincangan berkaitan dengan pelaburan yang berkaitan atau perkara-perkara operasi sebagai sebahagian daripada proses pemantauan, yang termasuk lawatan ke pejabat pengurus-pengurus dana luaran memastikan mereka mematuhi syarat-syarat kontrak dan juga untuk memahami dengan lebih mendalam tentang amalan perniagaan mereka. Penilaian portfolio prestasi telah diadakan pada setiap suku tahun untuk memastikan sasaran pendapatan dipenuhi. Sepanjang tahun ini, sebanyak 18 mesyuarat suku tahunan, 1 lawatan tahunan dan 1 lawatan due diligence yang telah dijalankan untuk memantau pematuhan terhadap prosedur kawalan dalaman yang berkaitan.

Semasa penyemakan mesyuarat pengurus dana luaran, KWAP menggalakkan semua pengurus dana luaran memainkan peranan proaktif dengan mengadakan penglibatan bersama syarikat-syarikat penerbit sebagai sebahagian daripada menegakkan Prinsip-prinsip untuk Pelaburan Bertanggungjawab. Ini merupakan sebahagian daripada komitmen KWAP untuk menggabungkan keterangkuman portfolio pengurus dana luaran ke dalam integrasi Alam Sekitar, Tadbir Urus dan Tadbir Urus.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif berterusan KWAP untuk mengembangkan pelaburan dan mempelbagaikan pulangan portfolio pengurus dana luaran, RFP (Request for Proposal) proses telah dijalankan untuk 3 strategi iaitu Mandat Sukuk Domestik, Mandat Bon Konvensional Domestik dan Mandat Pendapatan Tetap Asia yang menyaksikan penyertaan pengurus dana domestik dan antarabangsa. Berdasarkan penilaian tersebut, 2 pengurus baharu telah dilantik untuk menguruskan Mandat Bon Konvensional Domestik, 3 pengurus telah dilantik untuk menguruskan portfolio Sukuk Domestik dan 1 pengurus telah dilantik untuk menguruskan portfolio Pendapatan Tetap Asia.

PRESTASI KELAS-KELAS ASET: PELABURAN ALTERNATIF

EKUITI PERSENDIRIAN DAN INFRASTRUKTUR

Bagi tahun 2015, KWAP tidak memperoleh sebarang pelaburan ekuiti persendirian dan pelaburan infrastruktur yang baharu berikutan penstrukturkan semula pada pelaburan antarabangsa yang baru oleh Kementerian Kewangan. Walau bagaimanapun, kami hanya mematuhi mandat yang dijamin sehingga akhir 2014, yang tertumpu pada pelaburan Equis Asia Fund II, yang memberi tumpuan pada pelaburan tenaga dan infrastruktur di rantau Asia.

2015 menyaksikan kami menentukan semula tumpuan kami terhadap pelaburan tempatan langsung, di mana kami telah mengenal pasti tumpuan sektor untuk pelaburan antaranya, konsumen, penjagaan kesihatan, pendidikan, menjalinkan hubungan bersama pemegang kepentingan industri dan merangka perancangan sebagai persediaan untuk mengukuhkan platform pelaburan secara lansung tempatan.

Tahun ini juga menyaksikan portfolio pelaburan ekuiti persendirian langsung KWAP, Malakoff Corporation Berhad disenarai semula di Bursa Malaysia, dengan pulangan atas pelaburan yang direalisasi pada 80.3% yang dicatatkan dari latihan itu. Sementara itu, prestasi syarikat portfolio kami iaitu Munchy Food Industries Sdn. Bhd., pembuat wafer biskut No.1 Malaysia melebihi sasaran semasa pada tahun 2014.

Pada 31 Disember 2015, KWAP telah melabur dalam 22 dana ekuiti persendirian dan mengendalikan 3 pelaburan ekuiti persendirian langsung. Jumlah pelaburan ekuiti persendirian KWAP ialah RM1.63 bilion atau 1.38% daripada jumlah saiz dana KWAP dalam tempoh 3.0% Alokasi Aset Strategik yang diluluskan.

SENARAI DANA EKUITI PERSENDIRIAN PADA 2015

DANA EKUITI PERSENDIRIAN	JENIS	RANTAU
Stonepeak Infrastructure Fund I	Infrastruktur	AS Utara
ISQ Global Infrastructure Fund I	Infrastruktur	Global
Blackstone Energy Partners II Global	Infrastruktur	Global
Equis Asia Fund II LP	Infrastruktur	Asia
CIMB Mapletree Real Estate Fund I	Hartanah	SEA
CIMB TrustCapital Australian Office No.1	Hartanah	Australia/N.Zealand
Actis ASEAN Fund I	Pembelian	Asia
Advent VI Trust	Pembelian	Australia/N.Zealand
ACON Equity Partners III	Pembelian	AS Utara

DANA EKUITI PERSENDIRIAN	JENIS	RANTAU
Affinity Asia Pacific Fund IV	Pembelian	Asia
Nordic Capital VIII Fund	Pembelian	Eropah
Lombard Asia III	Pertumbuhan	Asia
Templeton Strategic Emerging Markets Fund III	Pertumbuhan	Asia
Tata Capital Growth Fund	Pertumbuhan	India
Ancora Fund II	Pertumbuhan	SEA
Saratoga Asia III	Pertumbuhan	Asia
Dragonrider Opportunity Fund II	Pertumbuhan	SEA
Lombard Asia IV	Pertumbuhan	Asia
Templeton Strategic Emerging Markets Fund IV	Pertumbuhan	Asia
Creador II, LLC	Pertumbuhan	Asia
The Asian Entrepreneur Legacy Two, LP	Pertumbuhan	SEA
Strategic Partners Offshore Fund VI LP	Sekunder	Global

SENARAI PELABURAN EKUITI PERSENDIRIAN 2015

PELABURAN LANGSUNG		
Malakoff Corporation Berhad	Langsung/ Pelaburan bersama	SEA
Valuecap Sdn Bhd	Langsung/ Pelaburan bersama	SEA
Munchy Food Industries Sdn Bhd	Langsung/ Pelaburan bersama	Asia

Pendapatan

Setakat 31 Disember 2015, pelaburan ekuiti persendirian menghasilkan jumlah pendapatan sebanyak RM112.5 juta dengan pulangan atas pelaburan sebanyak 9.65%.

PRESTASI KELAS-KELAS ASET: PELABURAN ALTERNATIF

HARTANAH

Pada 31 Disember 2015, jumlah pelaburan harta tanah KWAP adalah RM6,680 juta atau 5.74% daripada jumlah saiz dana KWAP dan berada pada SAA yang diluluskan iaitu 7.0%.

SENARAI PELABURAN HARTANAH PADA 2015

PELABURAN HARTANAH DOMESTIK 2015



PELABURAN HARTANAH ANTARABANGSA 2015



Pada 31 Disember 2015, 11 harta tanah menjana pendapatan tunai bersih sebanyak RM347.39 juta. Hasil bersih tahunan bagi aset Australia 2015 pula melebihi 8.0% manakala hasil bersih tahunan bagi aset di UK dan Malaysia melebihi 7%.

INTEGRA TOWER, KUALA LUMPUR (PEJABAT 40 TINGKAT)

Harga Pembelian	RM1,065 Juta
Tarikh Pengambilalihan	31 Mac 2015
Tempoh	Pegangan Bebas
Ruang Sewa Bersih	760,715 kaki persegi
Kadar Penghunian pada 31 Disember 2015	65.56%

737 BOURKE STREET, MELBOURNE, AUSTRALIA (PEJABAT 12 TINGKAT)

Harga Pembelian	A\$113.0 Juta
Tarikh Pengambilalihan	9 Disember 2010
Tempoh	Pegangan Bebas
Ruang Sewa Bersih	204,952 kaki persegi
Kadar Penghunian pada 31 Disember 2015	81.40%

20 BRIDGE STREET, SYDNEY, AUSTRALIA (PEJABAT 14 TINGKAT)

Harga Pembelian	A\$185.0 Juta
Tarikh Pengambilalihan	22 Disember 2011
Tempoh	Pegangan Bebas
Ruang Sewa Bersih	219,861 kaki persegi
Kadar Penghunian pada 31 Disember 2015	90%

PRESTASI KELAS-KELAS ASET: PELABURAN ALTERNATIF



747 COLLINS STREET, MELBOURNE, AUSTRALIA (PEJABAT 16 TINGKAT)

Harga Pembelian	A\$167.5 Juta - (60% Faedah)
Tarikh Pengambilalihan	30 September 2013
Tempoh	Pegangan Bebas
Ruang Sewa Bersih	430,914 kaki persegi
Kadar Penghunian pada 31 Disember 2015	98.69%



179 TURBOT STREET, BRISBANE, AUSTRALIA (PEJABAT 25 TINGKAT)

Harga Pembelian	A\$172.3 Juta
Tarikh Pengambilalihan	31 Oktober 2013
Tempoh	Pegangan Bebas
Ruang Sewa Bersih	268,831 kaki persegi
Kadar Penghunian pada 31 Disember 2015	100%



133 LENORE DRIVE, ERSKINE PARK, SYDNEY, AUSTRALIA (LOGISTIK)

Harga Pembelian	A\$75.13 Juta
Tarikh Pengambilalihan	30 November 2014
Tempoh	Pegangan Bebas
Ruang Sewa Bersih	480,430 kaki persegi
Kadar Penghunian pada 31 Disember 2015	100%

PRESTASI KELAS-KELAS ASET: PELABURAN ALTERNATIF



1 GRIFFIN CRESCENT, BRENDALE, QUEENSLAND, AUSTRALIA (LOGISTIK)

Harga Pembelian	A\$73.84 Juta
Tarikh Pengambilalihan	30 November 2014
Tempoh	Pegangan Bebas
Ruang Sewa Bersih	542,570 kaki persegi
Kadar Penghunian pada 31 Disember 2015	100%



38-46 BERNERA ROAD, PRESTONS, SYDNEY AUSTRALIA (LOGISTIK)


Harga Pembelian	A\$70.05 Juta
Tarikh Pengambilalihan	30 Julai 2015
Tempoh	Pegangan Bebas
Ruang Sewa Bersih	237,884 kaki persegi
Kadar Penghunian pada 31 Disember 2015	100%



145 LENORE DRIVE, SYDNEY AUSTRALIA (TANAH PEMBANGUNAN)

Harga Pembelian	A\$5.1 Juta
Tarikh Pengambilalihan	23 Disember 2015
Tempoh	Pegangan Bebas
Saiz Tanah	171,038 kaki persegi

PRESTASI KELAS-KELAS ASET: PELABURAN ALTERNATIF



10 GRESHAM STREET, LONDON, UK (PEJABAT 8 TINGKAT)

Harga Pembelian	£200.0 Juta
Tarikh Pengambilalihan	24 Oktober 2012
Tempoh	Pajakan (tamat tempoh pada 24 Jun 2164)
Ruang Sewa Bersih	259,759 kaki persegi
Kadar Penghunian pada 31 Disember 2015	99.63%



88 WOOD STREET, LONDON, UK (PEJABAT 18 TINGKAT)

Harga Pembelian	£210.5 Juta
Tarikh Pengambilalihan	5 April 2013
Tempoh	Pegangan Bebas
Ruang Sewa Bersih	239,119 meter persegi
Kadar Penghunian pada 31 Disember 2015	100%



INTU UXBRIDGE, LONDON, UK (PUSAT MEMBELI-BELAH)

Harga Pembelian	£174.8 Juta (80% faedah)
Tarikh Pengambilalihan	20 Jun 2014
Tempoh	Pegangan Bebas
Ruang Sewa Bersih	452,257 meter persegi
Kadar Penghunian pada 31 Disember 2015	96.43%


PRESTASI KELAS-KELAS ASET: PELABURAN ALTERNATIF

PELABURAN HARTANAH MENGIKUT NEGARA

UNITED KINGDOM



AUSTRALIA



PEJABAT

PUSAT MEMBELI-BELAH

LOGISTIK

TANAH

SEMENANJUNG MALAYSIA



SUBSIDIARI

Salah satu daripada langkah strategik dalam memacu pertumbuhan KWAP dan mengembangkan portfolio pelaburan kami ke negara asing, KWAP telah memulakan pelaburan berskala besar yang pertama di pasaran antarabangsa, dengan pengambilalihan harta tanah di Australia. Ini adalah sebahagian daripada pelan tindakan pengembangan pelaburan yang digariskan dalam Alokasi Aset Strategik yang telah diluluskan pada tahun 2009.

Selepas proses pengambilalihan, penubuhan subsidiari berlaku dimana KWAP Managed Investment Trust (KWAP MIT) telah ditubuhkan untuk menguruskan harta tanah di Australia, manakala Prima Harta (Jersey) Unit Trust (Prima Harta) untuk menyelia pembangunan pelaburan di United Kingdom.

Bergerak di luar langkah strategik dan untuk mengukuhkan lagi kedudukan KWAP dalam arena pelaburan antarabangsa, di samping untuk menjadi peneraju utama dalam kelas aset yang lebih lumayan di pasaran ekuiti, Prima Ekuiti ditubuhkan untuk membolehkan KWAP berdagang secara aktif dalam pasaran United Kingdom dan Eropah.

KWAP MIT

KWAP MIT ditubuhkan pada 4 November 2010, dengan objektif utamanya adalah untuk menguruskan amanah pelaburan di Australia. Pada masa kini, harta tanah di bawah pengurusan KWAP MIT adalah bangunan pejabat yang terletak di kawasan-kawasan utama - 737 Bourke Street di Melbourne dan 20 Bridge Street di bandar kosmopolitan Sydney.

Pada tahun 2013, KWAP MIT 3 telah ditubuhkan pada 12 September, dan seterusnya, KWAP MIT 2 mula beroperasi pada 24 Oktober pada tahun yang sama. KWAP MIT 3 telah ditubuhkan untuk menguruskan amanah pelaburan harta tanah untuk perjanjian pelaburan bersama antara KWAP dan Lembaga Tabung Haji untuk sebuah bangunan pejabat iaitu 747, Collin Street, terletak di Melbourne, Australia.

KWAP MIT 2 telah ditubuhkan untuk menguruskan amanah pelaburan harta tanah bagi sebuah bangunan pejabat iaitu 170, Turbot Street, Brisbane, Australia.

Pada 23 Oktober 2014, KWAP MIT 4 telah ditubuhkan untuk menguruskan amanah pelaburan harta tanah bagi logistik dan tanah pembangunan. Kini, logistik di bawah bidang kuasa tenaga kerjanya ialah, 38, Bernera Road dan 133, Lenore Drive di Sydney dan 1 Griffin Crescent, Queensland, manakala 145, Lenore Drive adalah tanah pembangunan yang terletak di Sydney.

PRIMA HARTA

Prima Harta telah ditubuhkan pada 20 Januari 2012, dengan tujuan untuk mengurus dan mengembangkan amanah pelaburan harta tanah di United Kingdom. Kini, harta tanah-harta tanah di bawah pengurusannya termasuk 10, Gresham Street dan 88, Woods Street, di mana kedua-duanya adalah bangunan pejabat yang terletak di kota metropolitan London.

Prima Harta 2 telah ditubuhkan pada 5 Jun 2014 untuk pengurusan amanah pelaburan harta tanah di kawasan West London United Kingdom, iaitu sebuah pusat membeli-belah, Intu Uxbridge yang dimiliki bersama dengan Intu Properties PLC.

PRIMA EKUITI (UK) LIMITED

Latar belakang

30 April 2015 menandakan ulang tahun penubuhan Prima Ekuiti (UK) Limited's (Prima Ekuiti) yang ketiga. Prima Ekuiti (UK) Limited's (Prima Ekuiti) berpusat di Berkeley Square House di tengah-tengah Mayfair dimana pejabat telah ditubuhkan sebagai sebahagian daripada inisiatif KWAP untuk membangunkan pengurusan pelaburan asing.

Prima Ekuiti dapat meneruskan rekod cemerlangnya dengan meingkatkan nilai pasaran portfolio ekuiti UK yang sedia ada kepada GBP 241.980 juta dari pelaburan awal KWAP sebanyak GBP 200 juta. Portfolio ekuiti Eropah yang baharu pada tahun 2015 juga mengagumkan. Portfolio ekuiti Euro telah meningkat kepada EUR193.28 juta pada tahun kewangan penuh yang pertama berbanding pelaburan awal KWAP iaitu berjumlah EUR 170 juta. Penubuhan ini juga telah memberi pulangan sebanyak GBP 50 juta sejak penubuhannya, dengan kira-kira GBP 28 juta dipulangkan kepada pelanggan utamanya iaitu KWAP pada 2015.

Penubuhan ini juga berusaha untuk meningkatkan keupayaan pelaburan dan tadbir urus korporat pada tahun 2015. Dengan sokongan daripada kedudukan kewangan yang kukuh, Prima Ekuiti telah berjaya memulakan program pembayaran dividen pada 2015, membayar interim dan dividen akhir kesatunya pemegang saham - KWAP berjumlah GBP 200,000 dalam bentuk dividen kepada KWAP sepanjang tahun kewangan 2015.

Ulasan Pelaburan


Pengurusan aset adalah perniagaan yang utama dan penciptaan nilai jangka panjang adalah matlamat utama Prima Ekuiti.

Walaupun persekitaran pasaran yang mencabar, portfolio ekuiti UK meningkat sebanyak 1.77% pada tahun 2015 kepada GBP 241.98 juta, dan mengatasi penanda aras FTSE 100 Index sebanyak 6.70%. Prestasi cemerlang setiap tahun ini disebabkan oleh peruntukan sektor dinamik serta pemilihan saham strategik. Portfolio ekuiti UK meningkat sebanyak 26.58% sejak ditubuhkan pada 2 Mei 2012, mengatasi penanda aras sebanyak 19.18%. Tidak termasuk wang tunai, pulangan portfolio ekuiti adalah 41.27% sejak 2 Mei 2012, mengatasi penanda aras pada kadar 33.97%. Pada 31 Disember 2015, Nilai Aset Bersih (NAV) Portfolio Ekuiti UK berada pada 1.00x, mencatatkan pulangan kasar ke atas pelaburan pada kadar hampir 8%, melebihi hasil dividen penanda aras 4% dan sasaran pendapatan KWAP sebanyak 8%. Portfolio ekuiti UK mempunyai nisbah maklumat 2.56x, menunjukkan bahawa ia mewujudkan lebih daripada 2x nilai bagi setiap risiko yang diambil.


SUBSIDIARI

Ekuiti UK


ALOKASI ASET UK 2015




PULANGAN KADAR BERWAJARAN MASA UK SEJAK PENUBUHAN



PULANGAN KADAR BERWAJARAN MASA UK SEHINGGA KINI




PULANGAN KADAR BERWAJARAN MASA UK SEHINGGA KINI



SUBSIDIARI


SEKSYEN 04
AKTIVITI PELABURAN

NILAI ASET BERSIH UK



Pada 31 Disember 2015, Nilai Aset Bersih portfolio ekuiti Euro berjumlah 1.05x, dan merekod pulangan kasar atas pelaburan (ROI) melebihi 10%, mengatasi hasil dividen penanda aras sebanyak 3.5% dan sasaran pendapatan KWAP sebanyak 8%. Portfolio ekuiti Eropah mempunyai nisbah maklumat 2.41x, menunjukkan bahawa ia diwujudkan lebih daripada 2x nilai untuk setiap risiko yang diambil.

ALOKASI ASET EROPAH PADA 2015




Sementara itu, portfolio ekuiti Eropah mencatatkan peningkatan sebanyak 16.34% pada tahun 2015 dan ditutup pada nilai yang lebih tinggi dengan nilai pasaran berjumlah RM193.28 juta. Portfolio ini mengatasi penanda aras MCSI Euro Index sebanyak 10.26% di atas pemilihan saham yang kukuh.

Sejak penubuhannya pada 2 September 2014, portfolio ekuiti Euro telah meningkat sebanyak 22.15% dan mengatasi penanda aras sebanyak 16.04%.


Tidak termasuk tunai, portfolio ekuiti mencatatkan 18.06% pada pulangan portfolio, mengatasi penanda aras iaitu sebanyak 11.96%.

SUBSIDIARI


KADAR PULANGAN BERWAJARAN MASA EROPAH SEHINGGA KINI




NISBAH MAKLUMAT EROPAH PADA 2015



PULANGAN KADAR BERWAJARAN MASA EROPAH SEJAK PENUBUHAN



NILAI ASET BERSIH EROPAH PADA 2015



SUBSIDIARI

SEKSYEN 04
AKTIVITI PELABURAN

Ulasan Urus Niaga

Prima Ekuiti merupakan anak syarikat milik penuh KWAP. Pelaburan awal KWAP dalam syarikat telah dibuat dengan 2 saham biasa bernilai GBP1.00 setiap satu saham dan seterusnya meningkatkan pelaburannya dalam Prima Ekuiti pada 31 Januari 2012 dengan 50,000 saham biasa beharga GBP1.00 setiap saham. Sejajar dengan itu, aset di bawah pengurusan Prima Ekuiti juga telah berkembang secara sederhana sejak penubuhannya, meningkat sebanyak empat kali ganda dari GBP 100 juta kepada lebih daripada GBP 400 juta pada tahun 2015.

Bagi tahun berakhir 2015, Prima Ekuiti mencatatkan perolehan kira-kira GBP 2.24 juta, mewakili peningkatan tahunan sebanyak 47.8%. Kedudukan kewangan yang kukuh ini adalah disebabkan oleh perkembangan dan prestasi terpuji portfolio pelaburan yang diuruskan oleh pengurusannya. Daripada jumlah GBP 2.24 juta, 63.3% diperoleh daripada yuran pengurusan manakala 36.6% dari yuran prestasi. Keuntungan selepas cukai berjumlah GBP 966.478, iaitu peningkatan sebanyak 101% dari tahun sebelumnya.

Sementara itu, penyata imbalan telah diperkuahkan dengan peningkatan dana pemegang saham KWAP dari GBP921,664 pada tahun 2014 kepada GBP1,688,142 pada 31 Disember 2015. Daripada jumlah GBP1,688,142 itu, 76.4% merupakan pendapatan terkumpul manakala rizab lain dan modal saham masing-masing pada 37.7% dan 5.4%.

Pada masa akan datang, ia menyasarkan pertumbuhan organik satu angka yang tinggi dalam aset di bawah pengurusan dan sentiasa berhemah dalam pengurusan kos tunai bagi memastikan kelestarian syarikat.

RINGKASAN KEWANGAN

PRIMA EKUITI	2012	2013	2014	2015
Pendapatan Setiap Saham (GBP)	0.37	0.50	9.62	19.33
Pulangan ke atas Dana Pemegang Saham	4.42%	5.65%	52.16%	57.25%

Prima Ekuiti terus meningkatkan keupayaan pelaburan dan proses tadbir urus. Pada 2015, Prima Ekuiti dapat memulakan dasar pembayaran dividen bagi pemegang sahamnya, iaitu KWAP. Penubuhan ini dirancang untuk membuat komitmen yang jelas untuk membayar dividen berjumlah dua kali ganda daripada modal saham setiap tahun. Bagi tahun 2015, Prima Ekuiti mengagihkan sejumlah GBP 200,000 (bersih) dalam bentuk dividen kepada para pemegang saham, iaitu melebihi komitmen dividen sebanyak GBP 100,000.

Penubuhan ini juga berusaha untuk mencapai kejayaan bukan kewangan lain di samping mengekalkan prestasi kewangannya. Pada tahun 2015, selaras dengan kunci kira-kira yang semakin stabil, Prima Ekuiti dapat mengembangkan pasukannya dari segi bilangan dan kapasiti. Pasukan dalaman menambah dua lagi kakitangan untuk meningkatkan kekuatan tenaga kerja dengan bakal menambah tenaga kerja yang baharu pada masa hadapan.

Latihan dan pendedahan sentiasa diberikan kepada semua pekerja, melalui persidangan dan seminar antarabangsa.

Selain daripada pengembangan dalaman, Prima Ekuiti juga memulakan beberapa inisiatif lain yang bermanfaat bagi kedua-dua pengurusan dan peserta. Pada tahun 2015, 2 program penempatan telah dijalankan di mana 2 penganalisis daripada syarikat induk, iaitu KWAP, menghabiskan sekurang-kurangnya 2 minggu di pejabat Prima Ekuiti untuk menimba pendedahan dan membina kefahaman yang lebih besar pada pasaran Eropah dan juga syarikat-syarikat. Sementara itu, Prima Ekuiti juga telah memulakan program latihan praktikal untuk pelajar Malaysia yang berada di UK, serta memberikan mereka pengalaman latihan amali dan pengajaran praktikal di industri pengurusan aset. Seramai 3 orang pelajar dari pelbagai universiti telah diterima untuk program ini pada tahun 2015. Di samping itu, Prima Ekuiti juga telah menjalankan beberapa bengkel kerja dan pelaburan dengan pelajar di London, di mana peserta telah diberi maklumat-maklumat yang berharga dalam pembangunan Prima Ekuiti dan KWAP. Program ini adalah penting bagi Prima Ekuiti kerana ia adalah sebagai satu cara untuk membangunkan bakat dalaman serta sebagai objektif strategik Prima Ekuiti untuk menarik bakat untuk KWAP.

Pada masa akan datang, Prima Ekuiti komited untuk meneruskan penglibatannya dalam program-program ini dan menyumbang kepada masyarakat.

Sebagai anak syarikat milik penuh KWAP, Prima Ekuiti akan terus memperkayakan pengumpulan pelaburan dan maklumat kewangan, latihan amali dan memperluaskan pendedahan dan pengalaman antarabangsa, di mana kesemuanya adalah penting untuk menjadikan KWAP sebagai sebuah dana persaraan yang global dan Prima Ekuiti sebagai rakan kongsi yang dipercayai.

Aktiviti Operasi

SEKSYEN 05

107

Ulasan Operasi oleh Ketua Pegawai Operasi

111

Tanggungjawab Sosial Korporat

118

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan

119

Kelab Sukan dan Rekreasi KWAP

123

Kalendar Korporat

ULASAN OPERASI OLEH KETUA PEGAWAI OPERASI

LAPORAN TAHUNAN 2015
KUMPULAN WANG PERSARAAN
(DIPERBADANKAN)

SEKSYEN 05
AKTIVITI OPERASI

66

Perjalanan ke arah transformasi yang diambil oleh KWAP telah mencapai kejayaan besar pada tahun 2015 di mana skop operasinya telah diperluaskan dan merangkumi fungsi sebagai ejen Kerajaan untuk membayar pencen, ganjaran atau faedah lain seperti yang termaktub di bawah undang-undang bertulis.

99

Pindaan Akta 662 Kumpulan Wang Persaraan yang telah diluluskan dan diwartakan pada tahun yang ditinjau memberikan KWAP lebih peranan dan memperluaskan fungsinya sebagai dana persaraan. Perkembangan terbaru mencerminkan komitmen KWAP yang lebih baik terhadap pihak-pihak berkepentingan dan seterusnya semakin hampir untuk mencapai objektif jangka panjang ke arah menjadi sebuah dana persaraan yang lengkap.



Nik Ahmad Fauzan Bin Nik Mohamed, Ketua Pegawai Operasi

Terdapat satu siri inisiatif yang dirancang dan dilaksanakan sepanjang tahun ini, termasuk peningkatan dalam rangka kerja operasi KWAP, dan ianya tidak terhad kepada pelbagai penghalusan yang dibuat untuk memenuhi peranan baru yang telah diperluaskan, di mana ia kini mempunyai satu platform baru dalam memberi perkhidmatan kepada pihak berkepentingan utamanya, iaitu pesara.

Inisiatif ini dilaksanakan dan diperkenalkan dengan meluas, di mana ia telah membolehkan KWAP mencapai prestasi yang lebih baik, dan ada juga yang telah membantu meningkatkan operasi, selaras dengan perubahan terkini dalam ekonomi dan amalan terbaik dalam industri. Ini termasuk perubahan peraturan berikutan pengenalan GST di Malaysia yang berkuat kuasa pada 1 April 2015 yang menyebabkan keperluan penambahbaikan kepada sistem teknologi maklumat dan ekosistem sekitarnya untuk menampung keperluan sistem percuakan baharu itu. Pelaksanaan secara berperingkat *Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)* berlaku pada tahun yang dikaji, satu penglibatan yang telah bermula sejak 2014 dan kini berada di landasan yang betul untuk diterima pakai bermula tahun kewangan 2016.

Penghalusan dalam struktur operasi juga telah membawa kepada penggabungan operasi yang berkaitan, di mana tahun 2015 menyaksikan Jabatan Kustodian dan Penyelesaian Pelaburan bergabung menjadi satu entiti, satu langkah yang bertujuan untuk mempertemaskan aliran kerja dan proses bagi kecekapan yang lebih tinggi. Secara signifikannya, penggabungan itu adalah hasil daripada inisiatif dalaman untuk peningkatan perniagaan yang berterusan.

ULASAN OPERASI OLEH KETUA PEGAWAI OPERASI

CARUMAN

Peranan caruman terus menjadi antara tonggak utama KWAP, merujuk kepada pentadbiran caruman daripada Kerajaan Persekutuan, badan-badan berkanun, pihak berkuasa tempatan dan agensi dengan kaktangan yang dipinjamkan daripada perkhidmatan awam. Pengurusan caruman yang berkesan dan cekap penting dalam memastikan kutipan adalah optimum dan patuh secara menyeluruh kepada Akta yang berkaitan.

Penambahbaikan telah dibuat untuk meningkatkan produktiviti dalam kutipan, khususnya dari segi ketepatan dan integriti. Empat bengkel mini telah dijalankan sepanjang tahun di mana majikan yang mengambil bahagian diberikan latihan dalam penyerahan caruman di atas talian. Pada dasarnya, ini juga merupakan latihan untuk menggalakkan penggunaan portal yang disediakan oleh KWAP iaitu *Integrated Contribution Management System (ICMS)*.

Pada masa yang sama, penghantaran wang melalui Pemindahan Dana Elektronik atau EFT dan Pindahan Telegrafik atau TT, diperkenalkan pada tahun 2013, dan telah ditambah fungsi penggunaannya, di mana pengguna bagi perkhidmatan pengiriman wang meningkat kepada 185 daripada 145 sebelum ini, hampir satu pertiga lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan dalam penggunaan tersebut sepadan dengan peningkatan dalam bilangan majikan berdaftar bagi perkhidmatan elektronik tersebut, di mana hampir 40% daripada jumlah majikan telah pun berdaftar dengan KWAP.

Tahun 2015 menyaksikan KWAP menerima jumlah kutipan sebanyak RM3.28 bilion yang terdiri daripada RM0.5 bilion daripada pihak Kerajaan Persekutuan, diikuti oleh RM1.06 dan RM1.72 bilion daripada caruman majikan dan bahagian Kerajaan. Kutipan adalah termasuk jumlah daripada agensi utama seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Sebagai perbandingan, caruman mencapai jumlah RM4.38 bilion pada tahun sebelumnya.

PECAHAN CARUMAN MAJIKAN


RM Juta



● Badan Berkanun ● Pihak Berkuasa Tempatan ● Agensi

PECAHAN BAHAGIAN KERAJAAN

RM Juta



● Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ● Lembaga Tabung Angkatan Tentera ● Jabatan Perkhidmatan Awam dan lain-lain

STATistik CARUMAN MAJIKAN DAN AHLI

Pada 31 Disember 2015, KWAP mencatatkan sejumlah 498 majikan dengan 177,757 ahli.

PECAHAN MAJIKAN YANG MENCARUM

RM Juta




● Badan Berkanun ● Pihak Berkuasa Tempatan ● Agensi

Ahli yang mencarum KWAP terdiri daripada penjawat awam yang telah diberikan taraf berpencen oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

PECAHAN AHLI

RM Juta



● Badan Berkanun ● Pihak Berkuasa Tempatan ● Agensi

ULASAN OPERASI OLEH KETUA PEGAWAI OPERASI

20 PENCARUM TERTINGGI

BIL.	MAJIKAN	RM (JUTA)
1	Universiti Teknologi MARA	127.32
2	Majlis Amanah Rakyat	67.28
3	Universiti Kebangsaan Malaysia	55.06
4	Universiti Teknologi Malaysia	39.62
5	Universiti Putra Malaysia	37.20
6	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	35.95
7	Universiti Malaya	32.18
8	Universiti Sains Malaysia	30.57
9	Hospital Universiti Sains Malaysia	28.55
10	Universiti Utara Malaysia	21.74
11	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah	19.74
12	Pusat Perubatan Universiti Malaya	19.69
13	Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia	18.46
14	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	15.48
15	Lembaga Pertubuhan Peladang Kuala Lumpur	15.20
16	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	13.95
17	Universiti Malaysia Sarawak	13.74
18	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	12.98
19	Lembaga Pemasaran Pertanian Malaysia	12.09
20	Universiti Malaysia Sabah	11.38

Bayaran Balik

Salah satu daripada aktiviti-aktiviti operasi Jabatan Caruman adalah untuk memproses permohonan bayaran balik bagi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Perkhidmatan Awam (JPA), majikan dan individu. Sebanyak 3,402 kes adalah diluluskan dan berjumlah sebanyak RM8.07 juta.

PECAHAN KES BAYARAN BALIK BAGI 2015

RM Juta



● Jumlah Permohonan ● RM Juta

Statistik Lawatan Majikan

Lawatan ini juga telah dijalankan kepada 51 majikan yang terdiri daripada 18 pihak berkuasa tempatan dan 33 badan-badan berkanun.

RINGKASAN LAWATAN PEMATUHAN DAN PENGUATKUASAAN PADA 2015

BIL.	NEGERI	BULAN LAWATAN	MAJIKAN			
			PIHAK BERKUASA TEMPATAN	BADAN BERKANUN	AGENSI- AGENSI	JUMLAH
1	Federal Territory/ (Kuala Lumpur/ Putrajaya)	Januari/ Februari	-	11	-	11
2	Selangor	Mac	1	9	-	10
3	Sabah	April/Mei	11	4	-	15
4	Sarawak	Mei	1	-	-	1
5	Perak	Ogos	1	4	-	5
6	Kelantan	Ogos	1	5	-	6
7	Melaka	Oktober	1	-	-	1
8	Johor	Oktober	1	-	-	1
9	Kedah	November	1	-	-	1
Jumlah			18	33	-	51

ULASAN OPERASI OLEH KETUA PEGAWAI OPERASI

INISIATIF TAMBAHAN

TELAH DILAKSANAKAN UNTUK MENINGKATKAN

capaian KWAP di laman media sosial dengan penubuhan akaun media sosial baharu serta pengenalan laman mikro baharu di dalam portal internet.

PERKHIDMATAN SOKONGAN

Sementara itu, penubuhan jabatan baharu yang digabungkan seperti yang dinyatakan sebelum ini, dengan merujuk kepada penggabungan pentadbiran bahagian kustodian dan penyelesaian, telah membantu meningkatkan produktiviti dan memperluaskan penawaran dengan lebih mendalam kerana prosedur baharu telah diperkenalkan di mana ia memenuhi transaksi seperti model pinjaman sekuriti dan pinjaman (transaksi dirunding), pelaburan dalam bon antarabangsa dan sukuk, dan juga untuk perolehan hartaan domestik.

Kecekapan sokongan adalah penting untuk memastikan pembangunan berterusan dan mampan, terutama sekali di dalam menyediakan platform yang konsisten dengan objektif KWAP yang telah digariskan. Tahun lalu merupakan tahun yang aktif dalam pembangunan dan peningkatan infrastruktur sokongan. Kedua-dua penjajaran struktur dan penghalusan operasi, telah dibuat pada tahun yang ditinjau.

Teknologi maklumat, yang merupakan asas ekosistem dalaman, turut menghadapi tahun yang aktif pada 2015 di mana penyediaan dan penilaian untuk Sistem Kewangan dan Pengurusan Bersepadan (IFIMS) telah bermula, satu langkah yang menggunakan banyak sumber pada tahun yang ditinjau. Projek-projek IFIMS adalah projek berbilang tahun, dan latihan bagi mengulang kaji atau menambah baik adalah penting untuk kekal selaras dengan keperluan situasi pelaburan KWAP yang semakin berkembang.

Tadbir urus dan keselamatan ataupun dengan kata mudahnya kawalan, telah dipertingkatkan secara progresif sepanjang tahun dengan adanya pelbagai sistem seperti Sistem Kuantifikasi Risiko Kredit, Sistem Pencegahan Kehilangan Data, dan Aplikasi Perkhidmatan Permohonan. Sistem Kuantifikasi Risiko Kredit adalah bertujuan untuk memperolehi pengurusan risiko yang lebih mendalam, manakala bagi Sistem Pencegahan Kehilangan Data, ia adalah untuk meningkatkan tahap keselamatan dan Aplikasi Perkhidmatan Permohonan pula adalah untuk meningkatkan produkiti. Tahun ini juga telah berakhir dengan KWAP berjaya memperolehi pengesahan pematuhan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat atau ISMS, terutama sekali apabila KWAP kini mematuhi standard ISO / IEC270001: 2013 yang telah dinaik taraf.

PERKHIDMATAN PERSARAAN

Peranan KWAP yang diperluaskan telah berkuat kuasa pada November 2015, satu kejayaan yang dicapai setelah melalui proses perancangan selama beberapa tahun. Seperti yang dinyatakan dalam Pindaan Akta 662 Kumpulan Wang Persaraan, KWAP telah mengambil peranan pentadbiran dan pengurusan perkhidmatan persaraan, satu fungsi teras baharu selain mandat pelaburan sedia ada.

KOMUNIKASI

Kepentingan untuk mendekati dan mengenali pihak-pihak berkepentingan telah mendorong KWAP untuk meluaskan platform komunikasinya di mana pada tahun 2015, inisiatif tambahan telah dilaksanakan untuk meningkatkan capaianya melalui laman media sosial dengan penubuhan akaun media sosial baharu serta pengenalan laman mikro di dalam portal internet. Kedua-dua langkah ini telah menerima maklumbalas yang memberangsangkan daripada sasaran iaitu para pesara. Ini adalah sebagai tambahan kepada penubuhan pusat panggilan khusus untuk perkhidmatan baharu tersebut daripada KWAP.

Pada masa yang sama, penjenamaan semula bagi imej korporat KWAP sedang dikaji semula memandangkan kini peranan KWAP telah diperluaskan. Satu kajian dalaman telah dimulakan pada tahun ini dan perkembangan setakat ini meramal terdapat penghalusan yang diperlukan lagi dalam komunikasi atau berhubung dengan penglibatan pihak berkepentingan, bagi masa hadapan.

KWAP juga mengambil bahagian secara aktif dalam ruang sosial dan program tanggungjawab sosial korporatnya telah berkembang lagi pada tahun yang ditinjau. Khususnya, program sulung KWAP di negeri Kelantan untuk bencana alam di mana KWAP, dengan kerjasama Kementerian Kewangan Malaysia, telah menyediakan bantuan berikutan banjir terburuk yang tidak pernah lagi berlaku dalam beberapa dekad ini.



ACARA LUAR

Siri Kepimpinan
2

Lawatan Sambil Belajar oleh
Dana Persaraan
6



ACARA DALAMAN

Perbincangan Maklumat
2

Siri Aspirasi
1



TSK DALAMAN

10



TSK LUAR

17



TEMPAT KERJA



MASYARAKAT



PASARAN



ALAM SEKITAR

KWAP menganggap Tanggungjawab Sosial Korporat (TSK) sebagai tanggungjawab organisasi dan mempunyai kesan terhadap masyarakat dan alam sekitar.

Di KWAP, ia adalah satu komitmen asas untuk menjaga etika sebagai lambang sumbangannya kepada pembangunan ekonomi negara, manakala pertimbangan menyeluruh diambil bagi pekerja, keluarga mereka dan masyarakat.

Program TSK bagi tahun 2015 memaparkan inisiatif yang meliputi semua aspek penting dalam KWAP dan pihak berkepentingan seperti kesihatan dan kesejahteraan tenaga kerjanya, perkongsian pengetahuan dan kepakaran bersama orang ramai dan pelbagai usaha kebaikkan sebagai cara untuk KWAP menyumbang semula kepada masyarakat.

Sebagai sebuah organisasi yang bertanggungjawab, KWAP memastikan inisiatif TSK merangkumi empat bidang utama iaitu tempat kerja, pasaran, masyarakat dan alam sekitar dengan slogan TSK KWAP iaitu "Berkongsi Nilai Bersama".

INISIATIF BAHARU

MISI BANTUAN BENCANA ALAM KWAP

Beberapa negeri di Malaysia telah dilanda banjir pada akhir tahun 2014, dengan lebih daripada 200,000 mangsa terjejas berikutan bencana ini. Banjir itu telah digambarkan sebagai salah satu bencana paling teruk dalam sejarah negara. Sebagai warga korporat yang bertanggungjawab, KWAP telah mengambil inisiatif untuk melancarkan *KWAP Natural Disaster Relief Mission* untuk membantu meringankan beban mereka yang terlibat.

Sumbangan Kewangan

Sebagai sebuah organisasi, KWAP telah menderma RM100,000 kepada mangsa banjir melalui 'Tabung Bencana NSTP - Media Prima'. Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, Wan Kamaruzaman bin Wan Ahmad menyampaikan cek kepada Ketua Pegawai Eksekutif News Straits Times Press, Datuk Mohammad Azlan bin Abdullah pada 7 Januari 2015 di Balai Berita NSTP di Bangsar.

Di samping itu, dana juga telah dikumpul oleh Kelab Sukan dan Rekreasi (SPARC) KWAP untuk membantu tenaga kerja KWAP yang terlibat dalam bencana banjir. Sebagai penasihat kepada SPARC, Ketua Pegawai Eksekutif KWAP telah sumbangan berupa wang tunai kepada tenaga kerja yang terlibat dan seterusnya mereka meluangkan sedikit masa untuk berkongsi pengalaman mereka.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

SUMBANGAN

Menyampaikan cek RM100,000

Tabung Bencana NST-Media Prima



Menderma

1,000 unit



dapur gas kepada mangsa-mangsa banjir

di Rantau Panjang, Kelantan melalui program yang dianjurkan oleh pejabat Timbalan Menteri Kewangan.

Menyediakan

ALATAN SEKOLAH, bekalan makanan & keperluan



asas yang lain untuk SMK Ladang Kerilla, Tanah Merah, dan SMK Pangkal Meleret, Machang, SK Tohoi, Gua Musang, Kelantan untuk membantu kanak-kanak sekolah dan guru-guru.

Menderma

BEKALAN MAKANAN & keperluan asas yang lain



kepada keluarga-keluarga di Kg. Surau Kota,

Wakaf Che Yeh, Kelantan yang telah diserahkan semasa misi kedua bantuan mangsa banjir.

Memberi

PEK SNEK

untuk kanak-kanak yang juga



merupakan mangsa banjir di Gua Musang, Tanah Merah dan Machang.



Misi Bantuan Bencana Alam

Misi Bantuan Bencana Alam

Bencana banjir yang menyebabkan kemusnahan rumah dan beberapa bangunan awam di seluruh Pantai Timur Semenanjung Malaysia telah membawa kepada tindakan pantas oleh KWAP di mana seramai 31 orang tenaga kerja secara sukarela memberi bantuan dalam pembersihan besar-besaran berikutnya.

Misi Bantuan Bencana Alam 1

Misi pertama diadakan sempena Program TSK yang dianjurkan oleh Kementerian Kewangan bersama-sama dengan 10 agensi lain di bawah naungan Kementerian Kewangan. Diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, dan 11 orang sukarelawan KWAP mengambil bahagian dalam operasi pembersihan selama 2 hari di Kelantan pada 10 dan 11 Januari 2015. Pasukan sukarelawan KWAP telah ditempatkan di Pusat Latihan KESEDAR, Gua Musang. Operasi sehari itu bermula dengan sukarelawan kami mengosongkan dan mencuci lumpur tebal agar dapat di huni semula.

Pada hari kedua, para sukarelawan telah ditugaskan di SMK Ladang Kerilla, Tanah Merah Kelantan di mana sukarelawan KWAP menjalankan pembersihan besar-besaran. Ketua pegawai Eksekutif KWAP kemudian mengedarkan alatan sekolah untuk menggantikan alatan yang rosak akibat banjir.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT



Misi Bantuan Bencana Alam



KWAP FreeMarket

Misi Bantuan Bencana Alam 2

Sekumpulan 22 sukarelawan dari KWAP dan 12 sukarelawan dari Majlis Belia Malaysia telah mengambil bahagian dalam operasi pembersihan di Kelantan selama 2 hari pada 15 dan 16 Januari 2015. Pada hari pertama, pasukan telah ditugaskan di Sekolah Menengah Kebangsaan Pangkal Meleret, sebuah sekolah menengah yang terletak di Machang, Kelantan.

KWAP juga mengambil peluang untuk menderma 450 buah set alat tulis untuk pelajar-pelajar sekolah. Pada hari kedua, pasukan ini telah ditugaskan di Kampung Surau Kota, Wakaf Che Yeh, Kelantan. Para sukarelawan telah dibahagikan kepada 5 kumpulan untuk membersihkan rumah warga emas yang terjejas teruk akibat banjir. KWAP turut menyumbangkan bekalan makanan dan keperluan asas kepada 18 buah keluarga di kampung itu manakala kanak-kanak menerima pek makanan ringan dengan harapan untuk menambah senyuman pada wajah mereka.

KWAP GIVES BACK: FREEMARKET

Disebabkan oleh penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar, pendapatan kecil serta kos sara hidup yang kian meningkat, mereka ini berhempas pulas untuk mengharungi kesampitan hidup. Program kemasyarakatan ini disasarkan untuk membantu masyarakat miskin bandar di mana kami memberi barang-baru dan terpakai secara percuma kepada penduduk dan penerima hanya perlu meminta barang tersebut dengan sopan dan berbudi bahasa serta mengucapkan terima kasih.

Pada bulan April 2015, KWAP telah mengambil bahagian dalam program *FreeMarket* yang dianjurkan oleh sebuah NGO, diadakan di Projek Perumahan Rakyat Miskin Tegar di Gombak Setia (PPRT Gombak Setia), Kuala Lumpur. Barang-baru dan terpakai yang disumbangkan oleh tenaga kerja KWAP untuk sukarelawan KWAP diagih-agihkan di gerai yang ditetapkan.

Program ini telah terbukti berjaya apabila ia hanya mengambil masa selama satu jam untuk menghabiskan barang-barangan yang dibawa.

Berikutan kejayaan sesi pertama program *FreeMarket*, KWAP telah mengambil satu langkah besar pada Oktober 2015 untuk menganjur *FreeMarket* di PPR Taman Putra Damai, Lembah Subang yang mempunyai 8 blok yang terdiri daripada 392 unit setiap satu blok. Kebanyakan penduduk adalah dari golongan berpendapatan rendah dan sederhana rendah yang dipindahkan dari penempatan setinggan. Program ini mendapat sambutan besar, seramai 60 tenaga kerja menawarkan diri untuk menjaga gerai manakala pada yang tidak dapat menghadirkan diri pada hari tersebut, mereka dengan berbesar hati menderma barang-baru dan terpakai.

KWAP juga telah menyumbang peruntukan asas kepada 50 keluarga dan juga mengambil kesempatan untuk melawat penduduk yang memerlukan penjagaan khas untuk menunjukkan keprihatinan kami kepada mereka.

PERANCANGAN KEWANGAN KWAP

Bengkel satu hari ini bertujuan untuk menyediakan pendidikan kewangan kepada pihak berkepentingan dalam KWAP, iaitu tenaga kerja. Seorang perunding kewangan terkenal, Hajah Rohani binti Datuk Abd Shahir telah dijemput untuk mengendalikan bengkel ini. Para peserta telah diberi tips dan nasihat yang merangkumi semua aspek isu-isu kewangan, termasuk perancangan dan pengurusan kewangan peribadi. Jabatan Insolvensi juga telah dijemput untuk bercakap mengenai implikasi undang-undang tidak mengamalkan perancangan kewangan yang berhemat. Sesi kaunseling individu juga telah dijalankan bagi kesemua peserta untuk membenarkan tenaga kerja memanfaatkan kemahiran mereka.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT



Fit & Fab Challenge

CABARAN FIT & FAB 2015

KWAP terus menganjurkan pertandingan pengurangan berat badan dan persaingan diet sihat, Cabaran Fit & Fab 2015. Program 12 minggu ini menyaksikan seramai 20 tentera kerja dan mempunyai kadar BMI yang melebihi 25 mencabar diri mereka untuk mengurangkan berat badan dan meningkatkan tahap kecergasan mereka untuk menjadi sihat.

Para peserta telah diberi manual, panduan dan diari makanan selain daripada kesedaran mengenai rejimen diet betul dan sesi kecergasan mingguan - *body combat* dan latihan litar yang telah direka untuk penurunan berat badan yang maksimum. Untuk menambah lebih nilai pada program ini, peserta dikehendaki untuk menghadiri kelas keterampilan oleh seorang stylis selebriti.

Pada akhir program 12 minggu ini, kesemua peserta telah berjaya mengurangkan berat badan antara 2kg hingga 18 kg. Pemenang dan finalis telah diberi ganjaran diatas pencapaian dan mencapai sasaran untuk menjadi cergas dan hebat.

KEMPEN GAYA HIDUP SIHAT KWAP: *LET'S TALK THE SAME LANGUAGE*

Kempen Gaya Hidup Sihat KWAP bertujuan untuk memupuk semangat tenaga kerja KWAP menjalani gaya hidup sihat, meliputi kedua-dua aspek mental dan fizikal melalui program dua kali setahun, *Let's Talk The Same Language* dan *Get Fit with Body Combat*.



Let's Talk the Same Language

Let's Talk The Same Language merupakan program psikologi yang menampilkan *Life Coach*, Sharmini Hensen, yang memberikan ceramah interaktif dengan menggunakan Program Neuro-Linguistic di mana tenaga kerja telah didedahkan kepada pelbagai jenis personaliti dan menggunakan kuasa komunikasi melalui percakapan, pendengaran, penggambaran dan menganalisis untuk membina hubungan baik dan memperbaiki hubungan kerja untuk mendorong satu sama lain untuk mencapai matlamat yang sama.

KEMPEN GAYA HIDUP SIHAT KWAP: *GET FIT WITH BODY COMBAT*

Program kedua Kempen Gaya Hidup Sihat KWAP adalah Program *Get Fit with Body Combat* yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan umum tenaga kerja melalui aktiviti fizikal yang dilakukan pada setiap minggu. Senaman kumpulan yang diketuai oleh jurulatih kecergasan luaran *body combat* yang bertauliah; kumpulan senaman kardio, dan campuran seni mempertahankan diri yang diambil dari pelbagai disiplin seperti karate, tinju, taekwondo, tai chi, dan muay thai.

IHYA' RAMADAN CERAMAH OLEH DATO' BADLI SHAH BIN ALAUDDIN

Sempena bulan Ramadhan yang mulia, Program Ihya' Ramadhan telah dilancarkan dengan ceramah oleh seorang pendakwah Islam terkenal, Dato' Badli Shah bin Alauddin. Ceramah bertajuk "Ujian Ramadhan" memberi tumpuan bagaimana untuk melibatkan diri dan meningkatkan aktiviti agama di peringkat peribadi semasa bulan Ramadhan dalam menghargai erti sebenar Ramadhan. Ceramah tersebut dibuka kepada semua tenaga kerja KWAP dan penghuni bangunan.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT



Kasih KWAP



Kasih KWAP

KASIH KWAP

Dalam semangat bersedekah di dalam bulan Ramadhan, KWAP berkongsi kegembiraan Ramadhan dan Syawal bersama-sama anak-anak yatim dan kanak-kanak kurang berkemampuan dari Pusat Jagaan Rumah Kesayangan (RUKESA) di Petaling Jaya.

Kanak-kanak dari rumah anak yatim ini telah disajikan dengan pelbagai hidangan yang lazat untuk berbuka puasa. Selain daripada nasi campur, kanak-kanak ini juga dijamu dengan pizza, coklat dan ais krim sebagai ganjaran dan galakan untuk berpuasa pada bulan yang mulia ini.

Dalam persiapan menyambut hari raya, KWAP telah menghadiahkan sepasang baju raya baharu, set alat tulis dan biskut kepada setiap anak-anak RUKESA. Selain itu, sumbangan wang tunai juga telah didermakan hasil kutipan derma SPARC pada kalangan tenaga kerja KWAP untuk meringankan beban dalam penyelenggaran rumah tersebut.

BAZAR MINI KWAP HIJABISTA

Pembelian barang raya menjadi lebih mudah apabila pasukan TSK KWAP dan SPARC bersama-sama mengajurkan Bazar Mini HIJABISTA@KWAP pada bulan Ramadhan. Program ini bertujuan untuk menyokong dan membantu usahawan-usahawan tempatan dengan menyediakan saluran untuk mereka

mempromosikan produk jualan mereka di luar talian serta menemui pelanggan setia mereka.

Antara usahawan fesyen online yang menyertai bazar mini ini adalah Qalby Zahira, Azra Riqa Couture, Pesona Amanda, kepar Society, Gula Kapas Treats, Bangs dan Naelofar Hijab yang memperkenalkan pelbagai pakaian raya dan kuih raya tradisional. Pembeli juga diberi tips fesyen muslimah bagi wanita berkerjaya dan tips penggunaan hijab.

PENCERAMAH JEMPUTAN KURSUS PERSARAAN

Berikutan sambutan hangat daripada peserta Seminar Perancangan Kewangan KWAP, beberapa agensi kerajaan telah meminta wakil dari KWAP untuk menjalankan kursus persaraan bagi mereka. Pada tahun ini, Md Hayrani bin Mireso daripada Jabatan Pendapatan Tetap telah memberikan ceramah mengenai Pengurusan Kewangan Peribadi dan Pelaburan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Selaras dengan slogan TSK KWAP iaitu "Berkongsi Nilai Bersama", kami komited untuk memenuhi permintaan untuk berkongsi pengetahuan dan kepakaran kami bersama semua.

KWAP berkongsi kegembiraan

Ramadhan dan Syawal bersama-sama anak-anak yatim dan kanak-kanak kurang berkemampuan dari Pusat Jagaan Rumah Kesayangan (RUKESA) di Petaling Jaya.

Beli-belah Raya

pembelian barang raya menjadi lebih mudah apabila pasukan TSK KWAP dan SPARC bersama-sama menganjurkan Bazar Mini HIJABISTA@KWAP pada bulan Ramadhan.

Selaras dengan slogan TSK KWAP

Berkongsi Nilai Bersama, kami komited untuk memenuhi permintaan untuk berkongsi pengetahuan dan kepakaran kami bersama semua.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT



Bursa Bull Charge

Lebih
300
BUAH
BUKU

telah dikumpulkan dan kemudian didermakan kepada Sekolah Kebangsaan Salak, Sepang di bawah program KWAP *Adopt-a-Library*.



PELARI KWAP

berjaya menamatkan larian walaupun dalam keadaan panas terik dan telah menduduki tempat pertama dalam kategori *Ministry Relay* dan tempat ketujuh di bawah kategori 2.5km *Corporate Relay Run*.



LAWATAN KE RUMAH ORANG-ORANG TUA

Pada bulan Disember, KWAP telah membuat lawatan ke Rumah Ehsan Kuala Kubu Bharu yang terletak di Hulu Selangor buat kali keenam untuk meluangkan masa bersama penghuni rumah tersebut. Semasa lawatan ini dijalankan, KWAP mengambil peluang untuk menderma keperluan asas, penjagaan kesihatan dan juga peralatan perubatan. Setiap penghuni menerima pek hadiah yang diberikan semasa sesi lawatan katil ke katil penghuni rumah Ehsan dan jamuan makan tengah hari juga disediakan untuk semua kakitangan sebagai tanda penghargaan dan komitmen mereka terhadap kebajikan penghuni.

KWAP BOOK CHARITY DRIVE: BOOKS & BEYOND

Sebagai salah satu cara untuk memperkaya masyarakat dengan ilmu pengetahuan, KWAP meneruskan program *KWAP Book Charity Drive* untuk meningkatkan tahap celik huruf di kalangan kanak-kanak di kawasan luar bandar serta menanam tabiat membaca pada usia awal dengan menyediakan bahan-bahan pembelajaran dan buku-buku ke sekolah terpilih untuk membantu keperluan pelajar. Sebuah *book bank* ditubuhkan oleh kakitangan KWAP untuk menunjukkan sokongan mereka dengan menderma buku terpakai atau baru. Lebih 300 buku telah dikumpulkan dan kemudian didermakan kepada Sekolah Kebangsaan Salak, Sepang di bawah program KWAP *Adopt-a-Library*.

BURSA BULL CHARGE

Sebagai warga korporat yang prihatin, KWAP telah mengambil bahagian dalam larian amal *The Bursa Bull Charge*, yang dianjurkan oleh Bursa Malaysia yang diadakan pada 20 Ogos 2015. KWAP telah diwakili oleh satu pasukan yang berlari dalam sejauh 2.5km bagi kategori *Corporate Relay Run* dan Ketua Pegawai Eksekutif KWAP mengambil bahagian dalam 1.5km *CEO Run*. Pelari KWAP berjaya menamatkan larian walaupun dalam keadaan panas terik dan telah menduduki tempat pertama dalam kategori *Ministry Relay* dan tempat ketujuh di bawah kategori 2.5km *Corporate Relay Run*. Pelari KWAP adalah Addy Zulkify bin Suhut dari Jabatan Strategi Portfolio, Md Hafiz bin Md Hamzah dari Jabatan Ekuiti, Muhammad Azam bin Zakaria dari Jabatan Sumber Manusia, dan Nadiah binti Sukarno dari Jabatan Strategi Korporat dan Prestasi. Hasil larian amal itu telah didermakan kepada 8 NGO yang terpilih.

FUN KIDS WITH KWAP: ENGLISH WORKSHOP

KWAP meneruskan inisiatif TSK untuk menggalakkan penggunaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar sekolah rendah dengan menganjurkan *Fun Kids with KWAP: English Workshop* untuk pelajar-pelajar Tahun 5 Sekolah Kebangsaan Salak, Sepang. Lawatan kali ini menandakan lawatan kelima KWAP ke sekolah itu sejak kerjasama itu bermula pada tahun 2011.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

SEMINAR PERANCANGAN KEWANGAN UNTUK MASA HADAPAN

Satu lagi program tahunan yang dianjurkan oleh pasukan adalah Seminar Perancangan Kewangan Untuk Masa Hadapan yang disasarkan kepada eksekutif muda sebagai sebahagian daripada usaha berterusan KWAP untuk menggalakkan komuniti yang celik kewangan. Program 1 hari itu bertujuan untuk mendidik golongan muda mengenai kepentingan untuk memulakan perancangan awal kewangan. Ia juga sebagai platform untuk memulakan hala tuju mereka dalam perancangan kewangan termasuk persaraan mereka.

Kira-kira seramai 80 peserta dari 10 kementerian, jabatan dan agensi kerajaan iaitu Kementerian Kewangan, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Kementerian Wilayah Persekutuan, SWCorp, Nuklear Malaysia dan Universiti Teknologi MARA mendaftar untuk acara TSK ini.

Bagi tahun 2015, KWAP memaparkan satu lagi bakat dalam - A. Fadil bin Abdul Majid dari Jabatan Pendapatan Tetap yang memberi ceramah mengenai pengurusan kewangan peribadi dan pelaburan. Kepentingan mempunyai perlindungan insurans peribadi juga dibincangkan semasa seminar tersebut, yang dijalankan oleh wakil daripada Persatuan Insurans Hayat Malaysia. Jurulatih kehidupan juga dijemput untuk berkongsi pandangan beliau mengenai bagaimana untuk menjadi magnet wang dan beliau telah menekankan kepentingan menjadi individu yang positif pada sesi beliau.



PROGRAM SATU HARI

mendidik golongan muda mengenai kepentingan perancangan awal kewangan.

SEMINAR PERANCANGAN KEWANGAN UNTUK PERSARAAN

Pada 17 November 2015, KWAP telah menganjurkan Perancangan Kewangan tahunan bagi Seminar Persaraan untuk bakal pesara. Seminar tersebut dihadiri oleh 100 anggota perkhidmatan awam yang menghampiri umur persaraan, dan seminar menampilkan penceramah dalaman dan luaran KWAP. Penceramah dalaman KWAP, Md Haryani bin Mireso, menyampaikan topik mengenai Pengurusan Kewangan Peribadi dan Perlaburan Bijak Persaraan. Selain itu, Hajah Rohani binti Datuk Hj. Mohd Shahir dari Hijrah Wealth Management juga telah dijemput sebagai penceramah, beliau telah berkongsi pandangan mengenai Analisis Kesihatan Kewangan, Persaraan tanpa hutang dan pada acara penutup, seorang penceramah motivasi terkenal iaitu Haji Husim bin Haji Salleh dari Husim Motivasi dan Kaunseling Consultancy berkongsi pandangan beliau mengenai topik seperti Kehidupan sebagai Pesara dan Perancangan Gaya Hidup bersama para peserta.

Kesemua program TSK KWAP telah menerima maklum balas yang positif dan yang menggalakan daripada peserta, oleh itu, KWAP berhasrat untuk meneruskan program ini dengan menampilkan topik-topik atau penceramah baharu menarik peserta baru dan organisasi-organisasi baharu untuk menjadi sebahagian daripada program ini.



PROGRAM TSK KWAP

telah menerima maklumbalas yang positif dan menggalakkan daripada peserta.

JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN

Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan KWAP telah ditubuhkan untuk mengekalkan tempat kerja yang selamat dan sihat. Penubuhannya juga untuk memenuhi syarat Akta Kesihatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

Jawatankuasa yang dilantik terbahagi kepada jawatankuasa kecil yang terdiri daripada Pasukan Tindakan Kecemasan, Pasukan Pemeriksaan dan Siasatan, Pasukan Komunikasi dan Promosi serta Pasukan Dasar dan Prosedur. Beberapa aktiviti telah dijalankan untuk memastikan KWAP mematuhi keperluan OSHA.

Aktiviti yang dijalankan pada tahun 2015 adalah seperti di bawah:

PASUKAN	2015
Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT)	<ul style="list-style-type: none"> Mengemaskini senarai nama floor warden dalam portal intranet KWAP. Membeli dua unit tambahan mesin tekanan darah, seunit pengusung dan beberapa unit inhaler. Menjalankan latihan asas memadam kebakaran.
Pasukan Pemeriksaan dan Penyiasatan (IIT)	<ul style="list-style-type: none"> Menjalankan pemeriksaan keselamatan pejabat secara megejut. Menambah stok bekalan First Aid Kit.
Pasukan Komunikasi dan Promosi (CPT)	<ul style="list-style-type: none"> Menyebarluaskan maklumat mengenai keselamatan dan kesihatan melalui emel dan portal intranet KWAP. Meletakkan poster mengenai keselamatan dan kesihatan. Mengedar Vitamin C di musim kemarau.
Pasukan Dasar dan Prosedur (PPT)	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan draf dasar.



Latihan Asas Memadam Kebakaran

STAYING HEALTHY IN THE HAZE HOW TO AVOID BREATHING RELATED DISEASES

Wear a surgical mask or an N95 mask to reduce breathing in polluted air

Use a nose plug or nasal filter to filter out small particles from entering your nasal airways

Invest in an air purifier to purify the air and remove impurities at home

Place an air purifying plant at your office desk to remove impurities, create day and night time oxygen

Don't forget to check the Air Pollutant Index at <http://apims.doe.gov.my/> before you decide to go outdoors

Brought to you by the Safety & Health Committee 

STAYING HEALTHY IN THE HAZE HOW TO AVOID FROM FALLING ILL DURING HAZY WEATHER

Do regular workout at the gym with buddies and drink plenty of water to keep hydrated at all times

Cook healthy meals for the family and eat in to ensure that everyone gets all the necessary nutrients they need

Spend quality family time indoors with family by doing fun activities and keep all windows shut

Protect yourself and your family members with a mask if you cannot avoid being outdoors

Don't forget to check the Air Pollutant Index at <http://apims.doe.gov.my/> before you decide to go outdoors

Brought to you by the Safety & Health Committee 



Pemeriksaan Keselamatan Mengejut

KELAB SUKAN DAN REKREASI KWAP

LAPORAN TAHUNAN 2015
KUMPULAN WANG PERSARAAN
(DIPERBADANKAN)

SEKSYEN 05
AKTIVITI OPERASI



PSKK



Futsal Terbuka

BIRO	TINJAUAN AKTIVITI																		
Biro Sukan	<p>OBJEKTIF PROGRAM TAHUN 2015 Menganjur Karnival Sukan SPARC yang terdiri daripada beberapa aktiviti sukan dengan objektif untuk menggalakkan penyertaan dan penglibatan dalam kalangan ahli SPARC untuk mengamalkan gaya hidup sihat.</p> <p>AKTIVITI TAHUN 2015</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>NO.</th><th>SUKAN</th><th>TARIKH</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td><td>Badminton</td><td>15, 19 & 20 Januari 2015</td></tr> <tr> <td>2.</td><td>Bola Tampar</td><td>14 Februari 2015</td></tr> <tr> <td>3.</td><td>Bowling</td><td>7 Mac 2015</td></tr> <tr> <td>4.</td><td>Futsal</td><td>4 September 2015</td></tr> <tr> <td>5.</td><td>PSKK</td><td>26 November - 6 Disember 2015</td></tr> </tbody> </table> <p>PROGRAM TAHUN 2016 Biro akan sentiasa komited dalam mengajurkan lebih banyak aktiviti sukan untuk menggalakkan keseimbangan kehidupan kerja di kalangan ahli SPARC.</p>	NO.	SUKAN	TARIKH	1.	Badminton	15, 19 & 20 Januari 2015	2.	Bola Tampar	14 Februari 2015	3.	Bowling	7 Mac 2015	4.	Futsal	4 September 2015	5.	PSKK	26 November - 6 Disember 2015
NO.	SUKAN	TARIKH																	
1.	Badminton	15, 19 & 20 Januari 2015																	
2.	Bola Tampar	14 Februari 2015																	
3.	Bowling	7 Mac 2015																	
4.	Futsal	4 September 2015																	
5.	PSKK	26 November - 6 Disember 2015																	

KELAB SUKAN DAN REKREASI KWAP



Ekspedisi Mendaki Gunung



Joran Kewangan

BIRO	TINJAUAN AKTIVITI
Rekreasi	<p>OBJEKTIF PROGRAM TAHUN 2015</p> <p>Menganjurkan aktiviti luar bagi menggalakkan penyertaan yang lebih banyak daripada ahli SPARC.</p> <p>AKTIVITI TAHUN 2015</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menganjurkan aktiviti berakit di Sungai Slim, Kuala Kubu Bharu, Selangor. Seramai 20 ahli SPARC mengambil bahagian dalam perjalanan melalui sungai sejauh 7km. 2. Menganjurkan ATV Bike Challenge di Kemensah Heights, Ampang dengan 20 anggota yang menyertai aktiviti setengah hari itu. 3. Menganjur Ekspedisi Mendaki Gunung di Hutan Rekreasi Gunung Nuang, Selangor. Aktiviti ini menerima sambutan dari 30 ahli SPARC sebagai peserta, sebagai salah satu daripada persediaan untuk mendaki Gunung Kinabalu. Bagaimanapun, disebabkan oleh gempa bumi pada bulan Jun 2015, aktiviti telah dibatalkan, atas sebab-sebab keselamatan. 4. Mengambil bahagian dalam Bintang Kewangan 2015 dianjurkan oleh MKSAKK pada 5 Disember 2015 di mana peserta kami, Radzliana Noor binti Mohd Radzi memenangi hadiah sagu hati. 5. Mengambil bahagian dalam Joran Kewangan 2015 dianjurkan oleh MKSAKK. 30 ahli SPARC mengambil bahagian di mana 2 peserta, Zusiri bin Ibrahim dan Thurairaj Gan Kim Chuan memenangi hadiah sagu hati. <p>PROGRAM TAHUN 2016</p> <p>Biro komited untuk terus menganjurkan lebih banyak aktiviti luar yang sesuai dengan minat ahli-ahlinya.</p>

KELAB SUKAN DAN REKREASI KWAP

LAPORAN TAHUNAN 2015
KUMPULAN WANG PERSARAAN
(DIPERBADANKAN)

SEKSYEN 05
AKTIVITI OPERASI



Derma Mangsa Gempa Bumi Nepal



Ihya Ramadan

BIRO	TINJAUAN AKTIVITI
Biro Kebajikan	<p>OBJEKTIF PROGRAM TAHUN 2015</p> <p>Menjalankan aktiviti berkaitan tanggungjawab sosial dan kebajikan ahli SPARC.</p> <p>AKTIVITI YANG DIJALANKAN PADA TAHUN 2015</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menganjurkan majlis Tahliil dan bacaan Yasin diikuti dengan solat Zohor & solat Hajat bagi tenaga kerja yang melaksanakan ibadah Haji:-<ul style="list-style-type: none"> • Puan Nik Amlizan binti Mohamed • Puan Siti Ilmiah Binti Ramli • Encik Uzair Bin Ali 2. <i>Ramadhan Countdown</i> Menghantar <i>Ramadhan Countdown</i> melalui emel untuk memberi peringatan umat Islam akan kedatangan Ramadhan. 3. Kempen derma sempena bulan Ramadhan 1436H. 4. Berkolaborasi bersama TSK menganjur Program Ihya Ramadan bersama Ustaz Dato' Badly Shah bin Alaudin. 5. Berkolaborasi bersama TSK menganjur Program Berbuka Puasa Bersama di Pusat Jagaan Rumah Kesayangan (Rukesa) & tajaan baju serta duit raya di bawah Program Kasih KWAP. 6. Berkolaborasi bersama TSK untuk memulakan "Tabung Kilat" bagi mangsa-mangsa gempa bumi di Nepal. 7. Ceramah mengenai <i>Israk Mikraj</i> oleh Ustaz Haryanto Bin Rizal Rokman diikuti solat Zohor berjemaah bersama semua tenaga kerja KWAP. 8. Ceramah mengenai Zakat oleh Ustaz Ahmad Bukhari Bin Ashaari diikuti solat Zohor berjemaah bersama tenaga kerja KWAP. <p>PROGRAM TAHUN 2016</p> <p>Biro akan terus menganjurkan lebih banyak aktiviti sepanjang tahun 2016 dengan tujuan menggalakkan tenaga kerja menyertai semua aktiviti yang akan dianjurkan.</p>

KELAB SUKAN DAN REKREASI KWAP



Kelas Memasak



Let's Talk the Same Language More

BIRO

TINJAUAN AKTIVITI

Biro Pendidikan

OBJEKTIF PROGRAM TAHUN 2015

Mendidik ahli SPARC menerusi beberapa saluran kemahiran asas.

AKTIVITI TAHUN 2015

1. Kelas Gitar
Diatas permintaan ramai, kelas gitar telah diadakan pada suku kedua dan ketiga. Kelas telah dijalankan oleh 3 bakat dalaman untuk 20 orang ahli SPARC.
2. Kelas Memasak
Dua kelas memasak telah dijalankan oleh bakat dalaman bagi 40 orang ahli SPARC dimana mereka telah diajar untuk membuat pelbagai jenis kek dan perasa yang lazat.
3. Ceramah Motivasi dan Ketahanan Diri
Anita Yusof, penunggang motosikal solo wanita pertama Malaysia telah dijemput untuk berkongsi pengalaman dan kemahiran ketahanan diri beliau dalam menakluki Asia Tengah dengan menunggang motosikal. Pada masa yang sama, beliau juga telah mendorong serta mengajar para peserta untuk mencapai impian serta matlamat hidup. Sesi ceramah tersebut dihadiri lebih 100 orang ahli SPARC.
4. Ceramah Kesihatan Minda
SPARC telah menjemput Sharmini Hensen, seorang jurulatih kehidupan untuk mengenali personaliti berbeza melalui pendekatan NLP. Ceramah bertajuk *Let's Speak The Same Language* ini telah dihadiri seramai 75 orang ahli SPARC dimana mereka telah dibahagikan kepada kumpulan untuk diberi kefahaman yang lebih mendalam terhadap personaliti kumpulan yang lain.
5. Tip Perkongsian Ilmu
Sepanjang tahun 2015, biro pendidikan telah mengambil inisiatif dengan menyebarkan emel kepada semua ahli SPARC mengenai info dan tips keibubapaan, tips menghias rumah, tips memasak dan tips fesyen.

PROGRAM TAHUN 2016

Biro pendidikan akan terus menganjurkan aktiviti-aktiviti kemahiran praktikal untuk menggalakkan ahli-ahlinya menjadi individu yang berwibawa.

KALENDAR KORPORAT

LAPORAN TAHUNAN 2015
KUMPULAN WANG PERSARAAN
(DIPERBADANKAN)

SEKSYEN 05
AKTIVITI OPERASI

ACARA

09 JANUARI

Mandat oleh Ketua Pegawai Eksekutif

25 FEBRUARI

Lawatan korporat oleh ASCI, India

05 MAC

Sambutan Tahun Baharu Cina

10 MAC

Lawatan Korporat dari ASABRI, Indonesia



Mandat Ketua Pegawai Eksekutif



Lawatan dari ASABRI, Indonesia



Persidangan Islamic Wealth Management and Financial Planning



Lawatan korporat oleh ASCI, India



Penyertaan dalam Graduan UKEC



Sambutan Tahun Baharu Cina

26 MAC

Persidangan Islamic Wealth Management and Financial Planning

27 HINGGA 29 MAC

Pameran Kerjaya Graduan UKEC di London

22 APRIL

Makan Malam Tahunan KWAP

07 MEI

Lawatan oleh US Trade Ambassador Micheal Froman

20 MEI

Melalui pengalaman anda berurusan dengan KWAP berkenaan pengurusan caruman, dalam aspek manakah kami boleh menambah baik mutu perkhidmatan kami?

Saya ingin mencadangkan KWAP mempunyai akaun media sosial sebagai salah satu medium komunikasi antara KWAP, pencarum serta pesara dan menerbitkan risalah.



Penyata Kewangan

SEKSYEN

07

153

Sijil Ketua Audit Negara

155

Penyata Pengurus dan Seorang Ahli Lembaga
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)

156

Pengakuan oleh Pegawai yang Bertanggungjawab ke atas
Pengurusan Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) 2015

157

Penyata Kedudukan Kewangan

158

Penyata Keuntungan atau Kerugian dan Pendapatan Komprehensif Lain

159

Penyata Perubahan Rizab

160

Penyata Aliran Tunai

162

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

LAPORAN TAHUNAN 2015
KUMPULAN WANG PERSARAAN
(DIPERBADANKAN)

SEKSYEN 07
PENYATA KEWANGAN



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN) BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2015 dan Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Rizab serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Lembaga Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662). Lembaga juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA


tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjelaskan penyata kewangan.



(TAN SRI HAJI AMBRIN BIN BUANG)
KETUA AUDIT NEGARA
 MALAYSIA

PUTRAJAYA
 5 MEI 2016




PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)

LAPORAN TAHUNAN 2015
KUMPULAN WANG PERSARAAN
(DIPERBADANKAN)

SEKSYEN 07
PENYATA KEWANGAN

Kami, **Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah** dan **Dato' Azmi bin Abdullah** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dengan ini mengatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangian, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Rizab dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan berpandukan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) dan Piawaian Perakaunan Bagi Entiti Persendirian (PERS), iaitu Piawaian Perakaunan Yang Diluluskan Oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia, untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) pada 31 Disember 2014 dan hasil kendaliannya serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



Nama : **Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah**

Jawatan : Pengerusi Lembaga

Tarikh : 26 APRIL 2016

Tempat : Putrajaya

Bagi pihak Lembaga,



Nama : **Dato' Azmi bin Abdullah**

Jawatan : Ahli Lembaga

Tarikh : 26 APRIL 2016

Tempat : Kuala Lumpur

PENGAKUAN


OLEH PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS
PENGURUS KEWANGAN KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN) 2015

Saya, **Wan Kamaruzaman bin Wan Ahmad**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Rizab dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
Diakui oleh penama di atas)
Di Kuala Lumpur)
Pada 26 APRIL 2016)



Di hadapan saya,



Level 16, Menara Tokio Marine life,
189 Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2015

LAPORAN TAHUNAN 2015
KUMPULAN WANG PERSARAAN
(DIPERBADAKAN)

SEKSYEN 07
PENYATA KEWANGAN

	NOTA	KUMPULAN		KWAP	
		2015 (RM'000)	2014 (RM'000)	2015 (RM'000)	2014 (RM'000)
ASET BUKAN SEMASA					
Perabot Dan Peralatan	4	6,064	7,339	5,709	7,054
Hartanah Pelaburan	4	6,820,551	4,969,955	1,185,757	-
Pelaburan	5	106,225,846	100,678,668	106,225,846	100,678,668
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	6	-	-	3,827,414	2,681,131
Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu	7	158,152	114,931	86,670	86,670
		113,210,613	105,770,893	111,331,396	103,453,523
ASET SEMASA					
Pinjaman Kepada Syarikat Subsidiari Dan Bersekutu	8	10,000	10,000	704,294	643,253
Penghutang Perniagaan	9	1,372,195	1,296,564	1,395,088	1,326,836
Penghutang Pelbagai	10	90,881	78,682	78,093	75,438
Deposit Dan Prabayaran	11	22,218	28,141	20,903	22,559
Tunai Dan Kesetaraan Tunai	12	6,269,087	4,412,942	5,366,668	4,320,266
		7,764,381	5,826,329	7,565,046	6,388,352
LIABILITI SEMASA					
Pembiutang Perniagaan	13	492,176	472,699	466,806	371,347
Pembiutang Pelbagai	14	27,699	64,503	9,428	4,695
Perbelanjaan Terakru	15	201,875	56,573	47,713	33,693
		721,750	593,775	523,947	409,735
ASET SEMASA BERSIH		7,042,631	5,232,554	7,041,099	5,978,617
		120,253,244	111,003,447	118,372,495	109,432,140
DIBIAYAI OLEH:					
Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun	16	24,601,944	24,101,944	24,601,944	24,101,944
Caruman Pencen	17	43,447,835	40,671,410	43,447,835	40,671,410
Rizab		50,074,267	44,379,461	50,322,716	44,658,786
		118,124,046	109,152,815	118,372,495	109,432,140
LIABILITI BUKAN SEMASA					
Pinjaman	18	2,129,198	1,850,632	-	-
		120,253,244	111,003,447	118,372,495	109,432,140

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA KEUNTUNGAN ATAU KERUGIAN DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN PADA TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	NOTA	KUMPULAN		KWAP	
		2015 (RM'000)	2014 (RM'000)	2015 (RM'000)	2014 (RM'000)
Pendapatan Kasar Pelaburan	19	6,567,828	5,737,291	6,238,741	6,474,527
Peruntukan Elaun Rosot Nilai		(493,614)	(709,051)	(493,614)	(709,051)
Kemerosotan Pelaburan		(1,845,795)	(840,873)	(1,845,795)	(840,873)
Pendapatan Bersih Pelaburan		4,228,419	4,187,367	3,899,332	4,924,603
Pendapatan Bukan Pelaburan		39,558	51,001	5,502	31,724
		4,267,977	4,238,368	3,904,834	4,956,327
Perbelanjaan Operasi	20	(482,525)	(307,400)	(193,616)	(120,907)
Pendapatan Operasi		3,785,452	3,930,968	3,711,218	4,835,420
Cukai		(1,522)	(738)	-	-
Pendapatan Operasi Selepas Cukai		3,783,930	3,930,230	3,711,218	4,835,420
Bahagian Keuntungan Selepas Cukai Dalam Syarikat					
Bersekutu Yang Diperakaunkan Secara Ekuiti		37,316	74,401	-	-
Pendapatan Bersih		3,821,246	4,004,631	3,711,218	4,835,420

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN RIZAB

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBES 2015

LAPORAN TAHUNAN 2015
KUMPULAN WANG PERSARAAN
(DIPERBADANKAN)

SEKSYEN 07
PENYATA KEWANGAN

	KUMPULAN				
	LEBIHAN TERKUMPUL (RM'000)	RIZAB TUKARAN MATAWANG ASING (RM'000)	RIZAB PENILAIAN SEMULA (RM'000)	KEPENTINGAN MINORITI (RM'000)	JUMLAH (RM'000)
Baki Pada 1 Januari 2014	39,698,760	570,959	92,890	5,078	40,367,687
Pelarasan Tahun Sebelum	98	-	-	(98)	-
Pendapatan Bersih Tahun Semasa	4,004,631	-	-	-	4,004,631
Agihan Tahun Semasa	(105,091)	-	-	-	(105,091)
Caj Penilaian Semula Bagi Tahun Semasa	-	-	(92,890)	-	(92,890)
Keuntungan Atas Tukaran Mata Wang Asing					
Belum Realisasi	-	208,418	-	-	208,418
Rizab Atas Penyatuan Syarikat Bersekutu	-	-	-	(3,294)	(3,294)
Baki Pada 31 Disember 2014	43,598,398	779,377	-	1,686	44,379,461
 Baki Pada 1 Januari 2015	43,598,398	779,377	-	1,686	44,379,461
Pendapatan Bersih Tahun Semasa	3,821,246	-	-	-	3,821,246
Agihan Tahun Semasa	(152,484)	-	-	-	(152,484)
Caj Penilaian Semula Bagi Tahun Semasa	-	-	(291)	-	(291)
Keuntungan Atas Tukaran Mata Wang Asing					
Belum Realisasi	-	2,020,139	-	-	2,020,139
Rizab Atas Penyatuan Syarikat Bersekutu	-	-	-	6,196	6,196
Baki Pada 31 Disember 2015	47,267,160	2,799,516	(291)	7,882	50,074,267

	KWAP				
	LEBIHAN TERKUMPUL (RM'000)	RIZAB TUKARAN MATAWANG ASING (RM'000)	RIZAB PENILAIAN SEMULA (RM'000)	KEPENTINGAN MINORITI (RM'000)	JUMLAH (RM'000)
Baki Pada 1 Januari 2014	39,061,961	450,428	-	-	39,512,389
Pendapatan Bersih Tahun Semasa	4,835,420	-	-	-	4,835,420
Keuntungan Atas Tukaran Mata Wang Asing					
Belum Realisasi	-	310,977	-	-	310,977
Baki Pada 31 Disember 2014	43,897,381	761,405	-	-	44,658,786
 Baki Pada 1 Januari 2015	43,897,381	761,405	-	-	44,658,786
Pendapatan Bersih Tahun Semasa	3,711,218	-	-	-	3,711,218
Keuntungan Atas Tukaran Mata Wang Asing					
Belum Realisasi	-	1,952,712	-	-	1,952,712
Baki Pada 31 Disember 2015	47,608,600	2,714,117	-	-	50,322,716

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	NOTA	KUMPULAN		KWAP	
		2015 (RM'000)	2014 (RM'000)	2015 (RM'000)	2014 (RM'000)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI					
Pendapatan Operasi Sebelum Cukai		3,822,769	4,005,369	3,711,218	4,835,420
Pelarasan Untuk:					
Susut Nilai Hartanah dan Peralatan		153,336	116,503	22,555	2,225
Kerugian Terjejas Atas Hartanah		831	-	-	-
Pelunasan Pendapatan Tertunda		-	(63)	-	(63)
Bahagian Keuntungan Dalam Syarikat Bersekutu		(37,316)	(74,401)	-	-
Keuntungan Jualan Saham		(994,609)	(1,016,529)	(994,609)	(1,016,529)
Pendapatan Dana Ekuiti Persendirian		(24,948)	(4,033)	(24,948)	(4,033)
Keuntungan Jualan Sekuriti Hutang Persendirian		(16,863)	(15,267)	(16,863)	(15,267)
Keuntungan Jualan Sekuriti Hutang Kerajaan		(67,132)	(69,383)	(67,132)	(69,383)
Perbelanjaan Cukai		(1,522)	(738)	-	-
Pendapatan Faedah		(2,799,860)	(2,717,602)	(2,799,860)	(2,758,397)
Pendapatan Dividen		(1,129,556)	(1,084,093)	(1,129,556)	(2,010,122)
Penambahan Diskaun Atas Pelaburan		(75,597)	22,275	(75,597)	22,275
Elaun Rosot Nilai Pelaburan		568,040	711,252	568,040	711,252
Keuntungan Atas Tukaran Mata Wang Asing Belum Realisasi		1,179,579	16,578	585,716	137,432
Kerugian Atas Pelaburan		1,845,795	746,762	1,845,795	793,188
Kerugian Pelupusan Hartanah Dan Peralatan		-	8	-	8
Pendapatan Operasi Sebelum Perubahan Dalam Modal Kerja		2,422,947	636,638	1,624,759	628,006
Perubahan Dalam Modal Kerja					
(Penambahan)/Pengurangan Penghutang Perniagaan		(75,635)	887,588	(68,252)	892,745
(Penambahan)/Pengurangan Penghutang Pelbagai		(12,199)	74,678	(2,656)	71,583
Pengurangan/(Pertambahan) Deposit Dan Prabayar		5,922	(12,647)	1,656	(12,655)
Penambahan Pemiutang Perniagaan		19,477	312,780	95,458	235,678
(Pengurangan)/Penambahan Pemiutang Pelbagai		(36,803)	(29,575)	4,733	2,156
Penambahan Perbelanjaan Terakru		145,302	8,735	14,021	990
Wang Tunai Bersih Dari Aktiviti Operasi		2,469,011	1,878,197	1,669,719	1,818,503

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBRI 2015

	NOTA	KUMPULAN		KWAP	
		2015 (RM'000)	2014 (RM'000)	2015 (RM'000)	2014 (RM'000)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN					
Penerimaan Jualan Saham		17,334,230	14,816,198	17,334,230	14,816,198
Bayaran Balik Pinjaman		90,771	1,676,025	90,771	1,676,025
Penerimaan Jualan Sekuriti Hutang Persendirian		4,709,570	2,748,656	4,709,570	2,748,656
Penerimaan Jualan Sekuriti Hutang Kerajaan		17,841,730	10,121,424	17,841,730	10,121,424
Penerimaan Jualan Dana Ekuiti Persendirian		206,401	98,322	206,401	98,322
Pembelian Hartanah dan Peralatan		(1,515)	(947,745)	(1,228)	(2,355)
Pembelian Saham		(20,685,930)	(21,890,653)	(21,150,429)	(21,890,653)
Penerimaan/(Pembelian) Saham Tidak Tersenarai		393,136	(272,811)	393,136	-
Pemberian Pinjaman		-	(5,141,244)	-	(272,811)
Pembelian Sekuriti Hutang Persendirian		(7,462,740)	(13,958,817)	(7,462,740)	(5,141,244)
Pembelian Sekuriti Hutang Kerajaan		(17,729,543)	(390,729)	(17,729,543)	(13,958,817)
Pembelian Dana Ekuiti Persendirian		(638,928)	-	(638,928)	(390,729)
Pembelian Pelaburan Hartanah		(2,001,143)	-	(1,205,739)	-
Pembelian Pelaburan Lain		-	(464,500)	-	(464,500)
Penerimaan Faedah		2,799,860	2,717,602	2,799,860	2,758,397
Penerimaan Dividen		1,125,356	1,084,093	1,125,356	1,084,093
(Penambahan)/Pengurangan Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari dan Syarikat Bersekutu		-	(70,000)	(216,389)	871,733
Bayaran Balik Pinjaman Daripada Syarikat Subsidiari		-	-	-	527,824
Pinjaman Kepada Syarikat Subsidiari dan Syarikat Bersekutu		-	(10,000)	-	(606,881)
Dividen Daripada Syarikat Bersekutu		4,200	926,027	4,200	926,027
Wang Tunai Bersih (Diguna) Untuk Aktiviti Pelaburan		(4,014,545)	(8,958,152)	(3,899,742)	(7,099,291)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN					
Penerimaan Peruntukan Wang Terkanun		500,000	1,500,000	500,000	1,500,000
Penerimaan Caruman Pencen		2,784,494	2,884,993	2,784,494	2,884,993
Bayaran Balik Caruman Pencen		(8,069)	(14,648)	(8,069)	(14,648)
Pinjaman		4,071	1,850,632	-	-
Bayaran Agihan Daripada Subsidiari		(152,484)	(105,091)	-	-
Insentif Pajakan		-	(1,321)	-	-
Wang Tunai Bersih Dari Aktiviti Pembiayaan		3,128,012	6,114,565	3,276,425	4,370,345
Kenaikan/(Pengurangan) Bersih Tunai dan Kesetaraan Tunai		1,582,478	(965,390)	1,046,402	(910,443)
Kesan Perubahan Dalam Matawang Asing		273,667	18,447	-	-
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada 1 Januari		4,412,942	5,359,885	4,320,266	5,230,709
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada 31 Disember	12	6,269,087	4,412,942	5,366,668	4,320,266

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

1. MAKLUMAT UMUM

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) ditubuhkan pada 1 Mac 2007 di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) dengan geran pelancaran sebanyak RM27.0 juta dari Kerajaan Persekutuan.

Tanggungjawab utama KWAP adalah untuk mengurus Kumpulan Wang Persaraan (Dana) sejajar dengan kehendak seksyen 13 Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) untuk mencapai pulangan optimum atas pelaburannya. Sumber utama Dana KWAP diperolehi dari peruntukan tahunan Kerajaan Persekutuan dan caruman pence yang terdiri daripada caruman Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain Agensi, penerimaan bahagian Kerajaan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan agensi-agensi lain serta pendapatan pelaburan. Dana KWAP dilaburkan dalam kelas-kelas aset berpandukan kepada Peruntukan Aset Strategik dan Polisi dan Garis Panduan Pelaburan yang diluluskan oleh Panel Pelaburan dan Lembaga. Dana KWAP akan digunakan untuk Kerajaan Persekutuan membiayai liabiliti pence Kerajaan.

Berkuat kuasa pada 1 November 2015, KWAP telah dilantik sebagai ejen kepada kerajaan bagi pengurusan pence keseluruhan dan pembayaran.

KWAP adalah sebuah Badan Berkanun yang ditubuhkan dan bermastautin di Malaysia. Alamat berdaftar dan tempat perniagaan utama KWAP terletak di Aras 4, 5, 6 & 8, Menara Yayasan Tun Razak, 200 Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur.

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

KWAP terdedah kepada pelbagai risiko kewangan termasuk risiko pasaran, risiko kredit, risiko kecairan, risiko aliran tunai serta risiko mata wang. Objektif dan polisi pengurusan risiko kewangan secara keseluruhan adalah bertujuan meminimakan risiko dalam mencapai pulangan optimum kepada KWAP.

2.1 Risiko Pasaran

Risiko pasaran utama bagi aktiviti pelaburan KWAP adalah risiko kadar faedah, risiko ekuiti dan risiko mata wang asing. Pengukur utama risiko pasaran yang digunakan oleh KWAP adalah Risiko-pada-Nilai (VaR) dan ujian senario/tekanan. VaR digunakan untuk mengukur kemungkinan kerugian paling besar yang boleh berlaku pada kadar kebarangkalian lima peratus (5%) dalam tempoh sepuluh hari dagangan, manakala ujian senario/tekanan mengukur sensitiviti nilai pasaran pelaburan menggunakan senario-senario hipotetikal dan/atau sejarah.

2.2 Risiko Kredit

KWAP memastikan risiko kredit adalah terkawal dengan membuat pemantauan berterusan terhadap kedudukan kewangan dan prestasi kredit pihak rakan niaga, peminjam dan penerbit yang berkaitan.

2.3 Risiko Kecairan Dan Aliran Tunai

KWAP mengurus risiko kecairan dan aliran tunai dengan memastikan tunai yang mencukupi pada setiap masa dan menyediakan peruntukan dana yang mencukupi bagi memenuhi anggaran komitmen bagi perbelanjaan operasi dan liabiliti kewangan.

2.4 Risiko Mata Wang

Pendedahan terhadap risiko perubahan kadar tukaran mata wang asing yang kurang baik diantara mata wang meningkat disebabkan oleh peningkatan pelaburan antarabangsa KWAP. Langkah pengawalan utama telah dilaksanakan untuk memastikan pengurusan risiko mata wang yang berkesan dan berada di dalam tahap toleransi KWAP.

2.5 Risiko Reputasi

KWAP komited untuk memastikan risiko reputasi dikenal pasti, dianalisis, ditangani dan diimbangi secukupnya. Rangka kerja Pengurusan Risiko Reputasi telah ditubuhkan untuk memastikan pendekatan risiko yang berstruktur dan jelas, dan untuk menyediakan panduan mengenai amalan pengurusan risiko reputasi di KWAP. Ini termasuk analisis persekitaran, penilaian risiko dan proses peningkatan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBRI 2015

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING

3.1 ASAS PERAKAUNAN

Penyata Kewangan telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah sejajar dengan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) mengikut Piawaian Perakaunan Bagi Entiti Persendirian (PERS) yang diluluskan bagi entiti-entiti persendirian di Malaysia.

Penyata Kewangan merangkumi aktiviti-aktiviti berkenaan dengan pentadbiran Dana KWAP di dalam dan luar negara.

Persembahan Penyata Kewangan adalah dalam Ringgit Malaysia (RM) dan semua angka dibundarkan kepada ribuan Ringgit Malaysia yang terhampir, melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

3.2 ENTITI EKONOMI DALAM KUMPULAN

3.2.1 Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari

Syarikat subsidiari ialah entiti di mana KWAP mempunyai kuasa kawalan atas dasar kewangan dan operasi untuk memperolehi faedah daripada aktiviti-aktivitinya, secara dasarnya melalui pegangan melebihi 50 peratus hak mengundi. Pelaburan dalam KWAP Managed Investment Trust (Australia), KWAP Managed Investment Trust 2 (Australia), KWAP Managed Investment Trust 3 (Australia), Prima Ekuiti (UK) Limited, Prima Harta (Jersey) Unit Trust dan Prima Harta 2 (Jersey) Unit Trust adalah dikategorikan sebagai pelaburan dalam syarikat subsidiari selaras dengan definisi ini.

Pelaburan dalam syarikat subsidiari dinyatakan dalam Penyata Kewangan menurut kaedah kos sejarah dengan MASB 11. Kos luaran yang menyumbang secara terus ke atas pengambilalihan syarikat subsidiari dimasukkan sebagai sebahagian daripada kos pengambilalihan. Syarikat subsidiari digabungkan sepenuhnya dari tarikh pengambilalihan kawalan oleh KWAP dan diasingkan dari tarikh kawalan luput.

Pelaburan saham tidak tersiar harga di dalam syarikat subsidiari dinyatakan pada kos dan nilainya diselaraskan kepada nilai boleh diperoleh dengan mengambil kira kerugian terjejas dalam tahun yang berkaitan, jika ada. Polisi berhubung dengan pengiktirafan dan pengukuran kerugian terjejas adalah seperti yang dinyatakan di Nota 3.4.

Penyata Kewangan digabungkan adalah termasuk Penyata Kewangan KWAP, syarikat subsidiari dan bersekutu. Segala urusniaga dan baki yang material di antara syarikat-syarikat dalam kumpulan dilupuskan dan Penyata Kewangan gabungan hanya menggambarkan urusniaga luaran KWAP.

3.2.2 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu

Syarikat bersekutu adalah entiti dimana KWAP mempunyai pengaruh ketara, tetapi bukan kawalan, dimana secara dasarnya KWAP mempunyai pegangan ekuiti jangka panjang dan hak mengundi di antara 20 peratus hingga 50 peratus. Pengaruh ketara ialah kuasa untuk mengambil bahagian dalam keputusan kewangan dan polisi operasi dalam syarikat bersekutu tetapi bukan kuasa untuk mengawal polisi-polisi tersebut. Pelaburan dalam ValueCap Sdn. Bhd, Tap Crunch Sdn. Bhd. dan Tap Crunch International Sdn. Bhd. adalah dikategorikan sebagai pelaburan dalam syarikat bersekutu selaras dengan definisi ini. Pelaburan dalam syarikat bersekutu dinyatakan di dalam Penyata Kewangan menurut kaedah ekuiti sejarah dengan MASB 12.

Pelaburan saham tidak tersiar harga di dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada kos dan nilainya diselaraskan kepada nilai boleh diperoleh dengan mengambil kira kerugian terjejas dalam tahun yang berkaitan, jika ada. Polisi berhubung dengan pengiktirafan dan pengukuran kerugian terjejas adalah seperti yang dinyatakan di Nota 3.4.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBEN 2015

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.3 PELABURAN HARTANAH, PERABOT, DAN PERALATAN

3.3.1 Pengiktirafan dan Penilaian

Pelaburan saham tidak tersiar harga di dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada kos dan nilainya diselaraskan kepada nilai boleh diperoleh dengan mengambil kira kerugian terjejas dalam tahun yang berkaitan, jika ada.

Kos termasuk perbelanjaan yang terlibat secara langsung dalam pembelian aset tersebut dan kos-kos lain yang terlibat secara langsung dalam membawa aset kepada keadaan sedia guna bagi tujuan kegunaan aset tersebut dan kos-kos meroboh, memindah dan mengembalikan kepada keadaan asal tempat di mana aset itu berada.

3.3.2 Kerugian Penjajasan

Polisi untuk pengiktirafan dan penilaian kerugian terjejas akan diguna sekiranya nilai dibawa aset melebihi nilai boleh diperoleh seperti dinyatakan di Nota 3.4.

3.3.3 Kos Selepasnya

Kos untuk menggantikan sebahagian daripada item hartaanah atau peralatan diiktiraf di dalam nilai dibawa item tersebut jika ianya berkebarangkalian besar bahawa faedah ekonomi masa hadapan akan diterima oleh KWAP dan kosnya boleh dinilai dengan yakin. Nilai dibawa bahagian yang diganti tersebut akan dikeluarkan. Kos penyenggaraan bulanan hartaanah dan peralatan diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan sebaik ianya ditanggung.

3.3.4 Susut Nilai

Jerja dalam kemajuan dan lukisan bukan berasaskan lukisan air tidak disusut nilaiakan. Susut nilai dinyatakan menurut kaedah garis lurus kecuali pelaburan dalam aset hartaanah yang dikategorikan sebagai kumpulan nilai rendah di mana susut nilai dinyatakan berdasarkan kepada kaedah baki berkurangan. Susut nilai dikira bagi mengurangkan kos aset kepada nilai sisa sepanjang anggaran jangka hayat penggunaan aset-aset tersebut.

Kadar susut nilai hartaanah dan peralatan adalah seperti berikut:

(a) Tanah Pegangan Pajak	99 tahun hayat kegunaan
(b) Bangunan	2.50% setahun
(c) Pengubahsuai Pejabat	16.67% setahun
(d) Pelaburan Hartanah – kumpulan nilai rendah	18.75% setahun
(e) Perkakasan Komputer	20.00% setahun
(f) Perabot Pejabat	20.00% setahun
(g) Peralatan Gimnasium	20.00% setahun
(h) Peralatan Pejabat	20.00% setahun
(i) Lukisan	20.00% setahun
(j) Kenderaan	20.00% setahun
(k) Perisian Komputer	33.33% setahun
(l) Peralatan Elektronik	33.33% setahun

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBRI 2015

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.3 PELABURAN HARTANAH, PERABOT, DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

3.3.4 Susut Nilai (sambungan)

Nilai sisa bersih, jangka hayat dan kaedah susut nilai aset disemak semula dan diselaraskan pada setiap akhir tahun kewangan bagi memastikan keseragaman amaun, kaedah dan tempoh susut nilai dengan anggaran sebelumnya.

3.3.5 Pelupusan

Aset dihapuskira apabila dilupuskan atau apabila tiada faedah ekonomi yang dijangka pada masa hadapan daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan di antara perolehan bersih atas pelupusan, jika ada, dengan nilai dibawa aset berkenaan adalah diiktiraf dalam Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif yang Lain.

3.4 PENJEJASAN ASET

Aset yang tidak mempunyai jangka hayat adalah tidak tertakluk kepada pelunasan tetapi disemak untuk menentukan keperluan penjejasan setiap akhir tahun kewangan. Aset yang tertakluk kepada pelunasan akan diselaraskan untuk penjejasan apabila berlaku peristiwa atau perubahan pada keadaan yang menunjukkan nilai dibawa berkemungkinan tidak akan diperolehi. Jika jelas terdapat tanda-tanda penjejasan aset, nilai aset boleh direalisasi dianggarkan untuk menentukan amaun kerugian terjejas.

Kerugian terjejas diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan apabila nilai dibawa aset melebihi nilai boleh diperoleh. Nilai boleh diperoleh adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama aset ditolak kos jualan atau nilai diguna. Jika terdapat sebarang kenaikan dalam amaun yang boleh diperoleh, ianya diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan kecuali terdapat pembalikan kerugian terjejas atas aset yang dinilai semula di mana ianya akan diambil kira ke akaun Lebihan Penilaian Semula di dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Bagi tujuan menilai penjejasan, aset dikumpulkan pada tahap terendah di mana aliran tunai boleh dikenal pasti secara berasingan. Proses penilaian penjejasan aset dilaksanakan ke atas setiap aset secara individu bagi aset yang mempunyai peruntukan eluan rosot nilai pelaburan yang melebihi enam (6) bulan berturut-turut atau penurunan prestasi pelaburan. Penilaian setiap aset mengambil kira tinjauan dan unjuran prestasi aset pelaburan, kedudukan kewangan, aktiviti masa hadapan syarikat serta faktor luaran dan pasaran yang mempengaruhi aktiviti masa hadapan syarikat sebelum penjejasan dan kerugian terjejas direalisasi, jika ada.

3.5 PELABURAN DALAM SEKURITI

Pelaburan utama KWAP terdiri daripada pelaburan dalam Saham Tersiar Harga, Sekuriti Hutang Kerajaan, Sekuriti Hutang Persendirian, Pinjaman dan Dana Ekuiti Persendirian.

3.5.1 Saham Tersiar Harga

Butir terperinci perakaunan dan pengiktirafan Saham Tersiar Harga adalah seperti berikut:

(a) Pendedahan Nilai Pelaburan Saham Tersiar Harga Di Penyata Kewangan

Pelaburan Saham Tersiar Harga hendaklah didedahkan di Penyata Kewangan pada nilai kos atau nilai pasaran, mana yang terendah, pada akhir tahun kewangan. Nilai kos ditentukan berdasarkan harga belian bersih saham, manakala nilai pasaran adalah berdasarkan pada harga penutup saham pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.5 PELABURAN DALAM SEKURITI (SAMBUNGAN)

3.5.1 Saham Tersiar Harga (sambungan)

Butir terperinci perakaunan dan pengiktirafan Saham Tersiar Harga adalah seperti berikut: (sambungan)

(b) Penentuan Elaun Rosot Nilai

Pengiraan elaun rosot nilai belum direalisasi dikira berdasarkan portfolio secara individu dan diperuntukkan elaun rosot nilai pelaburan sebanyak 100% atas kos atau harga pasaran, mana yang terendah, pada tarikh berakhir sesuatu tempoh kewangan berdasarkan IAS 25. Nilai buku Saham Tersiar Harga akan dikurangkan melalui penggunaan elaun rosot nilai. Sekiranya dalam tahun berikutnya saham tersebut telah dijual atau harga pasaran saham lebih tinggi daripada kos, maka kerugian belum direalisasi tersebut akan diselaraskan sebagai pendapatan di dalam Penyata Pendapatan dengan amaun pelarasan terhad kepada baki elaun rosot nilai yang telah diperuntukkan sebelumnya. Peruntukan elaun rosot nilai pelaburan juga dilaksanakan bagi pelaburan selepas penjejasan.

(c) Perakaunan Jualan Pelaburan Saham Tersiar Harga

Apabila terdapat jualan dalam pelaburan Saham Tersiar Harga, perbezaan di antara nilai perolehan bersih atas jualan dan nilai dibawa pelaburan akan dinyatakan di dalam Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan.

3.5.2 Sekuriti Hutang Kerajaan

Pelaburan dalam Sekuriti Hutang Kerajaan dengan tujuan pegangan hingga tarikh matang, dinyatakan pada nilai buku yang dikira dari nilai kos dan diselaraskan jika perlu, bagi pelunasan premium dan penambahan diskau dari tarikh pembelian hingga tarikh matang.

3.5.3 Sekuriti Hutang Persendirian

Pelaburan dalam Sekuriti Hutang Persendirian seperti Bon dan Nota Jangka Sederhana dengan tujuan pegangan hingga tarikh matang, dinyatakan pada nilai buku yang dikira dari nilai kos dan diselaraskan jika perlu, bagi pelunasan premium dan penambahan diskau daripada tarikh pembelian hingga tarikh matang.

3.5.4 Pinjaman

Pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan, pihak berkuasa tempatan, perbadanan korporat dan syarikat yang diluluskan dengan tujuan pegangan hingga tarikh matang dinyatakan pada nilai par hingga tarikh matang.

3.5.5 Dana Ekuiti Persendirian

Pelaburan dalam Dana Ekuiti Persendirian dinyatakan pada kos tolak pemulangan modal. Peruntukan elaun rosot nilai pelaburan ditentukan sebanyak 100% atas kos atau harga saksama pelaburan, mana yang terendah, di peringkat dana secara individu. Nilai buku Dana Ekuiti Persendirian akan dikurangkan melalui penggunaan peruntukan elaun rosot nilai pelaburan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBRI 2015

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.6 MATA WANG ASING

3.6.1 Fungsi dan Persembahan Mata Wang

Penyata Kewangan dipersembahkan dalam Ringgit Malaysia (RM), iaitu mata wang utama dalam persekitaran ekonomi dimana KWAP beroperasi (mata wang fungsian).

3.6.2 Pertukaran Mata Wang Asing

Urusniaga dalam mata wang asing ditukarkan dan direkodkan dalam Ringgit Malaysia dengan menggunakan kadar tukaran pada tarikh urusniaga. Item kewangan yang didominasi dalam mata wang asing atau pegangan mata wang asing oleh KWAP diterjemahkan dengan menggunakan kadar tukaran penutup pada tarikh Lembaran Imbangan. KWAP akan menguruskan pendedahan terhadap mata wang asing secara proaktif.

Perbezaan kadar tukaran mata wang berikutnya penjelasan item kewangan dan terjemahan item kewangan pada tarikh Lembaran Imbangan diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan. Perbezaan kadar tukaran mata wang bagi item bukan kewangan diiktiraf dalam ekuiti jika untung atau rugi item bukan mata wang diiktiraf di dalam ekuiti.

Manakala perbezaan kadar pertukaran mata wang bagi item bukan kewangan diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan jika untung atau rugi item bukan kewangan diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan.

3.6.3 Syarikat Dalam Kumpulan

Keputusan dan kedudukan kewangan KWAP dan syarikat subsidiari dengan mata wang fungsian yang berbeza dengan mata wang persembahan adalah diterjemahkan kepada mata wang persembahan seperti berikut:

- (a) Aset dan liabiliti bagi setiap Lembaran Imbangan yang dipersembahkan diterjemahkan pada kadar tukaran mata wang penutup pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan;
- (b) Pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap Penyata Pendapatan diterjemahkan pada kadar tukaran purata; dan
- (c) Semua perbezaan kadar tukaran mata wang dinyatakan sebagai komponen berasingan dalam ekuiti.

3.7 PERUNTUKAN KUMPULAN WANG TERKANUN

KWAP menerima peruntukan tahunan daripada Kerajaan Persekutuan mengikut seksyen 13, Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662).

3.8 CARUMAN PENCEN

Caruman pencen diiktiraf apabila caruman tersebut diterima daripada Badan Berkanun, Pihak Berkusa Tempatan dan Agensi-agensi lain serta syer Kerajaan, ganjaran dan potongan lain sejajar dengan Akta Pencen Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkusa Tempatan 1980 (Akta 239) dan Pekeliling Perkhidmatan No. 12/2008. Denda atas caruman lewat bayar diiktiraf dan diakaunkan mengikut asas tunai.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.9 PENGIFTIRAFAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

Pendapatan dan perbelanjaan diiktiraf berdasarkan prinsip akruan.

3.10 CUKAI

KWAP dikecualikan daripada cukai pendapatan di bawah seksyen 127[3A] Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi semua pendapatan daripada punca domestik. Semua pendapatan daripada punca antarabangsa adalah tertakluk kepada kadar dan undang-undang cukai negara terbabit.

3.11 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada baki bank dan wang tunai, deposit di bank dan institusi kewangan lain serta pelaburan berjangka pendek yang mempunyai kecairan tinggi dengan tempoh kematangan dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh mula pegangan dan sedia ditukar dalam bentuk tunai dengan risiko perubahan nilai yang rendah. Penyata Aliran Tunai disediakan mengikut kaedah secara tidak langsung.

3.12 MANFAAT PEKERJA

3.12.1 Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial serta manfaat–manfaat lain seperti faedah perubatan dan elaun diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana pekerja menyumbangkan perkhidmatan kepada KWAP.

3.12.2 Pelan Caruman Wajib

Sepertimana yang dikehendaki oleh undang-undang, KWAP mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi pekerjanya. Caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan apabila ditanggung.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

4. PELABURAN HARTANAH, PERABOT DAN PERALATAN

KUMPULAN	PELABURAN HARTANAH (RM'000)	UBAHSUAI		PERABOT PEJABAT (RM'000)	PERALATAN GIMNASIUM (RM'000)	PERALATAN PEJABAT (RM'000)	KERJA		PERISIAN DALAM KOMPUTER (RM'000)	KEMAJUAN (RM'000)	JUMLAH (RM'000)
		PEJABAT (RM'000)	KOMPUTER (RM'000)				LUKSAN (RM'000)	KENDERAAN (RM'000)			
		Kos	Susutnilai Terkumpul	Nilai Dibawa							
Pada 1 Januari 2015	5,213,624	4,754	4,843	1,697	169	1,960	431	393	5,683	950	5,234,504
Penambahan	2,001,143	131	278	54	-	344	18	154	656	525	2,003,303
Pelarasan/Pelupusan	-	-	(57)	-	-	(3)	-	-	-	(645)	(705)
Pada 31 Disember 2015	7,214,767	4,885	5,064	1,751	169	2,301	449	547	6,339	830	7,237,102
Kos											
Pada 1 Januari 2015	243,669	4,314	3,318	1,422	38	1,153	35	138	3,123	-	257,210
Caj Bagi Tahun Semasa	150,547	151	480	85	34	409	2	102	1,527	-	153,337
Pelarasan/Pelupusan	-	-	(57)	-	-	(3)	-	-	-	-	(60)
Pada 31 Disember 2015	394,216	4,465	3,741	1,507	72	1,559	37	240	4,650	-	410,487
Nilai Dibawa											
Pada 31 Disember 2015	6,820,551	420	1,323	244	97	742	412	307	1,689	830	6,826,615
Kos											
Pada 1 Januari 2014	4,237,010	4,754	4,022	2,138	169	1,502	381	367	4,054	1,327	4,255,724
Penambahan	976,614	-	902	44	-	519	50	86	1,629	3,165	983,009
Pelarasan/Pelupusan	-	-	(81)	(485)	-	(61)	-	(60)	-	(3,542)	(4,229)
Pada 31 Disember 2014	5,213,624	4,754	4,843	1,697	169	1,960	431	393	5,683	950	5,234,504
Susutnilai Terkumpul											
Pada 1 Januari 2014	129,590	4,131	3,070	1,773	4	772	-	125	1,909	-	141,374
Caj Bagi Tahun Semasa	114,079	183	328	133	34	441	18	73	1,214	-	116,503
Pelarasan/Pelupusan	-	-	(80)	(484)	-	(60)	17	(60)	-	-	(667)
Pada 31 Disember 2014	243,669	4,314	3,318	1,422	38	1,153	35	138	3,123	-	257,210
Nilai Dibawa											
Pada 31 Disember 2014	4,969,955	440	1,525	275	131	807	396	255	2,560	950	4,977,294

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBRE 2015

4. PELABURAN HARTANAH, PERABOT DAN PERALATAN (SAMBUANGAN)

Hartanah pelaburan merujuk kepada hartaanah pelaburan domestik iaitu tanah dan bangunan yang dipegang oleh KWAP serta hartaanah pelaburan iaitu tanah dan bangunan yang dipegang oleh KWAP MIT, KWAP MIT 2, KWAP MIT 3, KWAP MIT 4, Prima Harta dan Prima Harta 2.

Hartaanah pelaburan domestik yang dipegang oleh KWAP adalah Menara Integra, Kuala Lumpur dan tanah pegangan pajakan iaitu Jalan Stonor, PT 79 Seksyen 63, Kuala Lumpur. Susut nilai dikenakan bagi bangunan itu pada 2.5% setahun mengikut kaedah garis lurus manakala susut nilai yang dikenakan bagi tanah pegangan pajak adalah sembilan puluh sembilan (99 tahun) setahun mengikut kaedah garis lurus.

Pelaburan hartaanah oleh KWAP MIT adalah pelaburan dalam 737 Bourke Street di Melbourne dan 20 Bridge Street di Sydney, Australia. Caj susut nilai bagi pelaburan hartaanah KWAP MIT adalah 2.50% setahun pada atas garis lurus.

Pelaburan hartaanah oleh KWAP MIT 2 adalah pelaburan dalam 179 Turbot Street di Brisbane, Australia. Caj susut nilai bagi pelaburan hartaanah KWAP MIT 2 adalah 2.50% setahun pada atas garis lurus.

Pelaburan hartaanah oleh KWAP MIT 3 adalah pelaburan dalam 747 Collins Street di Melbourne, Australia. Caj susut nilai bagi pelaburan hartaanah bagi KWAP MIT 3 adalah 2.50% setahun pada atas baki berkurangan.

Pelaburan hartaanah oleh KWAP MIT 4 adalah pelaburan dalam 38 Bernera Road (Prestons), 133 Lenore Drive (Erskine Park), 1 Griffin Crescent (Brendale) dan 145 Lenore Drive di Sydney, Australia. Caj susut nilai bagi pelaburan hartaanah bagi KWAP MIT 4 adalah 2.50% setahun pada atas garis lurus.

Pelaburan hartaanah oleh Prima Harta adalah pelaburan dalam 10 Gresham Street dan 88 Wood Street di London, United Kingdom. Caj susut nilai bagi pelaburan hartaanah Prima Harta adalah 2.50% setahun pada atas garis lurus.

Pelaburan hartaanah oleh Prima Harta 2 adalah pelaburan dalam Intu Uxbridge di West London, United Kingdom. Caj susut nilai bagi pelaburan hartaanah Prima Harta 2 adalah 2.5% setahun pada atas garis lurus.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBES 2015

4. PELABURAN HARTANAH, PERABOT DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

KWAP	PELABURAN	UBAHSUAI		PERABOT	PERALATAN	PERALATAN		PERISIAN		KERJA	
	HARTANAH	PEJABAT	KOMPUTER	PEJABAT	GIMNASIUM	PEJABAT	LUKISAN	KENDERAAN	KOMPUTER	KEMAJUAN	DALAM
	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	JUMLAH
Kos											
Pada 1 Januari 2015	-	4,754	4,843	1,697	169	1,476	431	393	5,683	950	20,396
Penambahan	1,205,740	131	278	54	-	56	18	154	656	525	1,207,612
Pelarasan/Pelupusan	-	-	(57)	-	-	(3)	-	-	-	(645)	(705)
Pada 31 Disember 2015	1,205,740	4,885	5,064	1,751	169	1,529	449	547	6,339	830	1,227,303
Susutnilai Terkumpul											
Pada 1 Januari 2015	-	4,314	3,318	1,422	38	954	35	138	3,123	-	13,342
Caj Bagi Tahun Semasa	19,983	151	480	85	34	191	2	102	1,527	-	22,555
Pelarasan/Pelupusan	-	-	(57)	-	-	(3)	-	-	-	-	(60)
Pada 31 Disember 2015	19,983	4,465	3,741	1,507	72	1,142	37	240	4,650	-	35,837
Nilai Dibawa											
Pada 31 Disember 2015	1,185,757	420	1,323	244	97	387	412	307	1,689	830	1,191,466
Kos											
Pada 1 Januari 2014	-	4,754	4,022	2,138	169	1,502	381	367	4,054	1,329	18,716
Penambahan	-	-	902	44	-	35	50	86	1,629	3,165	5,911
Pelarasan/Pelupusan	-	-	(81)	(485)	-	(61)	-	(60)	-	(3,544)	(4,231)
Pada 31 Disember 2014	-	4,754	4,843	1,697	169	1,476	431	393	5,683	950	20,396
Susutnilai Terkumpul											
Pada 1 Januari 2014	-	4,131	3,070	1,773	4	772	-	125	1,909	-	11,784
Caj Bagi Tahun Semasa	-	183	328	133	34	242	18	73	1,214	-	2,225
Pelarasan/Pelupusan	-	-	(80)	(484)	-	(60)	17	(60)	-	-	(667)
Pada 31 Disember 2014	-	4,314	3,318	1,422	38	954	35	138	3,123	-	13,342
Nilai Dibawa											
Pada 31 Disember 2014	-	440	1,525	275	131	522	396	255	2,560	950	7,054

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

5. PELABURAN

KUMPULAN DAN KWAP	2015		2014	
	KOS NILAI BUKU (RM'000)	NILAI PASARAN (RM'000)	KOS NILAI BUKU (RM'000)	NILAI PASARAN (RM'000)
Saham Tersiar Harga	45,113,798	42,316,094	40,143,589	39,731,211
Peruntukan Elaun Rosot Nilai	(1,371,901)		(847,330)	
Penjejasan Pelaburan	(2,974,508)		(1,128,712)	
	40,767,389		38,167,547	
Saham Tidak Tersiar Harga	-	-	393,136	-
Sekuriti Hutang Kerajaan	30,999,100	30,470,694	30,705,903	30,362,477
Pelunasan Premium	(47,512)		(90,338)	
	30,951,588		30,615,565	
Sekuriti Hutang Persendirian	21,460,563	21,555,896	18,531,130	18,681,933
Penambahan Diskaun	20,379		(12,392)	
	21,480,942		18,518,738	
Penyertaan Dalam Dana Ekuiti Persendirian	1,375,095	-	734,109	-
Peruntukan Elaun Rosot Nilai	(57,397)		(13,927)	
Penjejasan Pelaburan	(9,482)		(9,482)	
	1,308,216		710,700	
Pinjaman*	11,717,711	-	11,808,482	-
Pelaburan Lain	-	-	464,500	-
	106,225,846		100,678,668	

* Kemudahan dikaji semula dengan secara progresif pada setiap tahun termasuk kemudahan bernilai RM150 juta melalui proses penyusunan semula.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBRI 2015

5. PELABURAN (SAMBUNGAN)

Struktur kematangan kasar bagi Sekuriti Hutang Kerajaan, Sekuriti Hutang Persendirian dan Bon Antarabangsa (tidak termasuk Pengurus Dana Bon Luar) adalah seperti berikut:

KUMPULAN DAN KWAP	2015		2014	
	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)
Matang Dalam Tempoh 12 bulan	644,021		4,714,140	
Matang Dalam Tempoh Melebihi 12 bulan	45,282,693		44,754,305	
	45,926,714		49,468,445	

6. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

Ringkasan pelaburan dalam syarikat subsidiari:

	NOTA	KUMPULAN		KWAP	
		2015 (RM'000)	2014 (RM'000)	2015 (RM'000)	2014 (RM'000)
KWAP Managed Investment Trust (KWAP MIT)	6.1	-	-	375,157	342,175
KWAP Managed Investment Trust 2 (KWAP MIT 2)	6.2	-	-	254,757	232,360
KWAP Managed Investment Trust 3 (KWAP MIT 3)	6.3	-	-	242,662	221,328
KWAP Managed Investment Trust 3 (KWAP MIT 4)	6.4	-	-	750,748	-
Prima Ekuiti (UK) Limited (Prima Ekuiti)	6.5	-	-	319	272
Prima Harta (Jersey) Unit Trust (Prima Harta)	6.6	-	-	1,078,785	922,739
Prima Harta 2 (Jersey) Unit Trust (Prima Harta 2)	6.7	-	-	1,124,986	962,257
		-	-	3,827,414	2,681,131

Syarikat subsidiari KWAP tidak diaudit oleh Jabatan Audit Negara, Malaysia.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBESER 2015

6. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

6.1 PELABURAN DALAM KWAP MANAGED INVESTMENT TRUST (KWAP MIT)

	KWAP	2015	2014
	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)
Unit Pegangan			
Pada Kos:			
Pada 1 Januari	342,175	349,196	349,196
Perbezaan Pertukaran Mata Wang Asing	342,175	349,196	32,982
Pada 31 Disember	375,157	342,175	(7,021)

Butiran pelaburan dalam KWAP MIT adalah seperti berikut:

NAMA	NEGARA DITUBUHKAN	PEGANGAN EFEKTIF			KEGIATAN UTAMA	UNIT PEGANGAN KWAP		
		2015	%	2014		AUD 1.00	AUD 0.92	
						SEUNIT	SEUNIT	
1/1/2015	31/12/2015							
KWAP Managed Investment Trust	Australia	100	100	100	Pengurusan Amanah Pelaburan	119,416,001	119,416,001	
Amanah Pelaburan Oleh KWAP MIT								
